



6 Oktober 2017
6 October 2017
P.U. (A) 305

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSIS 2017

INSOLVENCY RULES 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII 2017

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II
TATACARA MAHKAMAH

Mahkamah dan kamar

4. Pendengaran permohonan
5. Penangguhan daripada Pendaftar kepada Hakim
6. Tajuk prosiding
7. Prosiding bertulis atau bercetak
8. Rekod mahkamah
9. Fail prosiding boleh diperiksa
10. Notis dibuat secara bertulis
11. Bukti pengeposan notis oleh Ketua Pengarah Insolvency
12. Proses hendaklah dimeterai
13. Mesyuarat dipanggil oleh mahkamah
14. Salinan pejabat
15. Pemfailan, pewartaan, dsb.
16. Pengemukakan dokumen kepada Ketua Pegawai Insolvency

Permohonan dan amalan

Kaedah

17. Permohonan dibuat melalui saman dalam kamar
18. Perintah atas permohonan
19. Penyampaian notis
20. Afidavit menentang
21. Notis tidak disampaikan kepada semua pihak yang patut
22. Penangguhan
23. Penyampaian secara sendiri
24. Pemfailan afidavit atas permohonan

Jaminan dalam mahkamah

25. Jaminan melalui bon
26. Amaun bon
27. Deposit sebagai ganti bon
28. Wang dalam mahkamah
29. Jaminan pertubuhan gerenti
30. Notis mengenai penjamin
31. Justifikasi oleh penjamin
32. Penyempurnaan bon

Afidavit

33. Bentuk afidavit
34. Afidavit oleh beberapa deponen
35. Kos yang tidak dibenarkan
36. Perkara mengaibkan dalam afidavit
37. Pemadaman, perubahan, dsb.
38. Afidavit oleh orang buta huruf atau orang buta
39. Kecacatan formal
40. Penggunaan afidavit asal
41. Mengangkat sumpah afidavit
42. Afidavit yang difail di luar masa

Kaedah

43. Bukti afidavit

Saksi dan deposisi

44. Sepina
45. Penyampaian sepina
46. Kos saksi
47. Perintah untuk pemeriksaan
48. Surat permohonan
49. Pengemukaan dokumen
50. Menghina mahkamah

Penzahiran dan pemeriksaan di bawah seksyen 31

51. Penzahiran
52. Permohonan bagi penzahiran

Penguntukan bayaran, gaji, pencen, dsb.

53. Permohonan perintah penguntukan
54. Penyampaian perintah kepada majikan, dsb.
55. Semakan semula perintah

Waran, pemberkasan dan pemenjaraan

56. Alamat bagi waran
57. Jagaan dan pengemukaan penghutang atau bankrap
58. Pelaksanaan waran
59. Permohonan untuk mengkomitkan
60. Notis dan pendengaran permohonan
61. Penggantungan pengeluaran perintah komital

Kaedah

62. Pengkomitan penghutang atau saksi yang tegar

Penyampaian dan pelaksanaan proses

63. Penyampaian kepada peguam cara
64. Kesan penyampaian selepas waktu tertentu
65. Penyampaian melalui pos
66. Penguatkuasaan perintah

Kos

67. Award mengenai kos
68. Pemfailan perintah
69. Penetapan kos
70. Kos ditetapkan oleh Pendaftar
71. Kos peguam cara dalam hal petisyen oleh penghutang
72. Kos yang dibayar selain daripada estet
73. Skala kos lebih rendah bagi estet di bawah sepuluh ribu ringgit
74. Bil kos difailkan
75. Daftar bagi bil yang ditetapkan
76. Perakuan penggajian peguam cara, dsb.
77. Penetapan komisyen dan caj pelelong
78. Kos Syerif
79. Penetapan kos Syerif selepas potongan
80. Notis pelantikan dan penyerahsimpanan bil
81. Permohonan bagi kos
82. Semakan semula penetapan
83. Perintah pembayaran kos dan caj yang kena dibayar daripada estet
84. Kos tidak dibenarkan bagi permohonan tidak perlu
85. Pembahagian kos berkenaan dalam hal perkongsian
86. Kos kena dibayar daripada estet bersama dan berasingan

Rayuan

Kaedah

87. Rayuan

BAHAGIAN III

PROSIDING MULAI DARIPADA PERBUATAN KEBANKRAPAN SEHINGGA PELEPASAN

Pengisytiharan ketidakupayaan membayar hutang

88. Bentuk pengisytiharan

Notis kebangkrapan

89. Pengeluaran oleh mahkamah
90. Pengeluaran notis
91. Pengemukakan notis kepada Ketua Pengarah Insolvensi
92. Butir-butir hendaklah diendors dalam notis
93. Permohonan untuk mengetepikan
94. Tempoh notis
95. Penyampaian notis
96. Pengetepian notis

Kebenaran mahkamah untuk selain daripada penjamin sosial

97. Permohonan untuk kebenaran mahkamah

Petisyen kebangkrapan

Kaedah

- 98. Bentuk petisyen
- 99. Perihal dan alamat penghutang
- 100. Tempat bagi memfailkan permohonan
- 101. Pengakusaksian
- 102. Deposit oleh pempetisyen
- 103. Petisyen terhadap firma

Petisyen pemiutang

- 104. Jaminan kos
- 105. Penentusahan
- 106. Pempetisyen bersama
- 107. Penyiasatan petisyen

Penyampaian petisyen pemiutang

- 108. Penyampaian secara sendiri
- 109. Penyampaian ganti
- 110. Bukti penyampaian
- 111. Kematian penghutang sebelum penyampaian
- 112. Penyampaian luar bidang kuasa

Pendengaran petisyen

- 113. Prosiding bagi petisyen
- 114. Petisyen oleh pemberi pinjam wang
- 115. Beberapa responden
- 116. Penghutang berniat untuk tunjuk sebab
- 117. Kehadiran penghutang bagi tunjuk sebab

Kaedah

- 118. Ketidakhadiran penghutang
- 119. Ketidakhadiran pemiutang
- 120. Kehadiran pemiutang secara peribadi diketepikan
- 121. Masa pendengaran
- 122. Prosiding selepas perbicaraan soalan yang dipertikaikan
- 123. Permohonan untuk menolak
- 124. Permohonan pelanjutan masa
- 125. Perintah bagi pelanjutan masa
- 126. Penangguhan pendengaran

Penerima Interim

- 127. Pelantikan Penerima Interim
- 128. Bentuk dan kandungan perintah
- 129. Deposit
- 130. Deposit tambahan jika perlu
- 131. Pembayaran balik deposit
- 132. Ganti rugi jika petisyen ditolak

Perintah kebankrapan

- 133. Bentuk dan kandungan
- 134. Persediaan
- 135. Penyampaian perintah kebankrapan
- 136. Perintah kebankrapan atas notis kebankrapan
- 137. Menggantungkan prosiding
- 138. Pengiklanan perintah kebankrapan
- 139. Notis permohonan untuk membatalkan perintah kebankrapan dan menggantung prosiding
- 140. Perintah membatalkan perintah kebankrapan
- 141. Kos petisyen, dsb.
- 142. Perlindungan bagi kos pemiutang pempetisyen

Pemeriksaan awam bankrap

Kaedah

- 143. Masa bagi mengadakan pemeriksaan awam
- 144. Keingkaran oleh bankrap dalam menghadiri pemeriksaan awam
- 145. Notis kepada pemiutang mengenai pemeriksaan
- 146. Penangguhan *sine die*
- 147. Prosiding selepas penangguhan *sine die*
- 148. Notis prosiding selepas penangguhan *sine die*
- 149. Permohonan untuk perintah mengecualikan pemeriksaan awam

Komposisi atau skim

- 150. Tujuan mesyuarat pemiutang
- 151. Terma resolusi
- 152. Permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi untuk kelulusan mahkamah
- 153. Laporan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah difailkan
- 154. Pendengaran dan rayuan
- 155. Keterangan dan perintah
- 156. Peruntukan dalam komposisi atau skim bagi kos dan caj
- 157. Fi bagi permohonan
- 158. Keadaan Ketua Pengarah Insolvensi menjadi pemegang amanah
- 159. Pembetulan kesilapan formal, dsb.
- 160. Tiada pembayaran bagi komposisi
- 161. Peletakhakan harta apabila komposisi dibatalkan
- 162. Dividen di bawah komposisi atau skim
- 163. Bukti hutang dalam komposisi

Pernyataan hal ehwal

- 164. Pemeriksaan pernyataan hal ehwal
- 165. Pelanjutan masa untuk memfail

Penyelesaian senarai penghutang kepada estet

Kaedah

166. Penyampaian notis di bawah seksyen 32

Bukti hutang

167. Sumpah keterangan
168. Gaji pekerja
169. Pengemukaan bil pertukaran dan nota janji
170. Masa untuk menyerahkan bukti
171. Bukti yang dimaksudkan untuk digunakan dalam mesyuarat yang ditangguhkan
172. Prosedur jika pemiutang merayu
173. Masa untuk Ketua Pengarah Insolvensi menerima atau menolak bukti
174. Notis penerimaan bukti
175. Rayuan dari penolakan bukti
176. Kos bagi rayuan dari keputusan tentang bukti

Hak milik harta yang dipertikaikan

177. Tuntutan terhadap harta dalam tangan Ketua Pengarah Insolvensi akan diputuskan secara terus dengan saman
178. Saman hendaklah dikeluarkan oleh Pendaftar
179. Apabila saman dikeluarkan prosiding terhadap Ketua Pengarah Insolvensi digantung

Dividen

180. Notis niat untuk mengisytiharkan dividen
181. Pengemukaan bil, nota, dsb.
182. Pembayaran dividen

Pelepasan oleh mahkamah

Kaedah

183. Permohonan pelepasan di bawah seksyen 33
184. Laporan Ketua Pengarah Insolvensi
185. Perintah bersyarat di bawah subseksyen 33(10)
186. Pelaksanaan atas penghakiman bagi pelepasan bersyarat
187. Notis mengenai harta yang diperolehi kemudian kepada Ketua Pengarah Insolvensi
188. Siasatan terhadap harta yang diperolehi kemudian
189. Kos bagi permohonan
190. Rayuan
191. Penyerahan perintah
192. Perakuan bagi pengalihan ketidaklayakan di bawah seksyen 36
193. Pewartaan

Pelepasan bankrap melalui perakuan Ketua Pengarah Insolvensi

194. Notis niat untuk mengeluarkan perakuan di bawah seksyen 33A
195. Notis bantahan oleh pemiutang di bawah seksyen 33B
196. Permohonan oleh pemiutang untuk perintah di bawah subseksyen 33B(4)
197. Perakuan pelepasan di bawah seksyen 33A
198. Pemberitahuan pelepasan

Pelepasan automatik

199. Notis sumbangan sasaran
200. Notis pelepasan di bawah subseksyen 33C(3)
201. Permohonanan bantahan oleh pemiutang di bawah subseksyen 33C(4)
202. Perakuan pelepasan automatik di bawah seksyen 33C

Kaedah

203. Pemberitahuan pelepasan

Proksi dan surat undi

204. Pemfailan proksi
205. Proksi oleh firma
206. Proksi jika pemiutang seorang buta, dsb.
207. Orang yang belum dewasa tidak boleh menjadi proksi

Mesyuarat pemiutang

208. Notis kepada bankrap mengenai mesyuarat pertama
209. Notis tidak diterima oleh pemiutang
210. Bukti notis
211. Kos memanggil mesyuarat
212. Salinan resolusi untuk Pendaftar
213. Penangguhan
214. Korum

Prosiding oleh perbadanan

215. Pegawai perbadanan, dsb.

Prosiding oleh atau terhadap firma

216. Pengakusaksian tandatangan firma
217. Penyampaian kepada firma
218. Petisyen penghutang oleh firma
219. Pernyataan hal ehwal
220. Perintah kebangkrapan terhadap pekongsi

Harta bersama dan harta berasingan

Kaedah

- 221. Mesyuarat pertama
- 222. Komposisi, dsb.
- 223. Pengundian dalam komposisi
- 224. Perintah kebangkrapan
- 225. Firma berasingan

Orang gila

- 226. Orang gila

BAHAGIAN IV
KEBANKRAPAN KECIL

- 227. Laporan kepada mahkamah
- 228. Pemberian tajuk
- 229. Mesyuarat pertama pemiutang
- 230. Komposisi atau skim
- 231. Pemeriksaan awam
- 232. Penghasilan
- 233. Dividen
- 234. Pelepasan
- 235. Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi
- 236. Iklan
- 237. Jawatankuasa Perundingan

Pentadbiran harta orang mati yang tidak berkemampuan

- 238. Bentuk petisyen
- 239. Pewartaan
- 240. Penyampaian

Kaedah

- 241. Kewajipan wasi, dsb.
- 242. *Wasi de son tort*

BAHAGIAN V
PEGAWAI, BUKU, AKAUN, DSB.

- 243. Notis perintah untuk diwartakan
- 244. Buku hendaklah disimpan oleh Pendaftar
- 245. Cabutan dan penyata
- 246. Rekod hendaklah disimpan oleh Ketua Pengarah Insolvensi
- 247. Buku tunai dan buku akaun lain hendaklah disimpan oleh Ketua Pengarah Insolvensi
- 248. Tabung Bantuan Insolvensi
- 249. Akaun fi yang diperolehi oleh Ketua Pengarah Insolvensi
- 250. Lejar Maksud Am
- 251. Buku terbuka untuk pemeriksaan Jawatankuasa Perundingan
- 252. Prosiding apabila Ketua Pengarah Insolvensi meletakkan jawatan, dsb.
- 253. Akaun estet bersama dan berasingan
- 254. Buku bankrap
- 255. Perbelanjaan jualan
- 256. Elaun kepada bankrap
- 257. Permohonan untuk pelepasan
- 258. Pewartaan pelepasan
- 259. Mesyuarat am
- 260. Pemiutang boleh mendapat salinan akaun Ketua Pengarah Insolvensi
- 261. Jawatankuasa Perundingan

Penafian pajakan

- 262. Penafian pajakan tanpa kebenaran

Ketua Pengarah Insolvensi

Kaedah

263. Pelantikan
264. Penolong Ketua Pengarah Insolvensi
265. Pemecatan
266. Penggunaan proksi oleh Ketua Pengarah Insolvensi
267. Pendaftar hendaklah bertindak
268. Cara permohonan kepada mahkamah
269. Keterangan atas permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi
270. Permohonan untuk mendapat arahan
271. Kewajipan sekiranya tiada aset
272. Perakaunan oleh Ketua Pengarah Insolvensi
273. Akaun perniagaan bankrap
274. Tanggungan bagi kos, perbelanjaan dan ganti rugi
275. Fail disimpan oleh Ketua Pengarah Insolvensi
276. Pembayaran melalui cek, pembayaran elektronik atau apa-apa cara lain
277. Saraan bagi pengurus khas
278. Pemecatan pengurus khas
279. Akaun
280. Permohonan pembayaran oleh pihak yang berhak
281. Pemalsuan dokumen
282. Kesan ketidakpatuhan dengan Kaedah-Kaedah
283. Pengurangan atau pelanjutan masa
284. Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 terpakai dalam keadaan lakuna
285. Borang
286. Pembatalan
287. Kecualian dan peralihan

JADUAL

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 123 Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017**.
- (2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi semua prosiding insolvensi dan kebangkrapan di bawah Akta.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya atau hal perkara menghendaki makna yang lain—

“bercetak” termasuklah bertaip;

“dimeterai” ertinya dimeterai dengan meterai mahkamah;

“Hakim” ertinya seorang Hakim Mahkamah Tinggi;

“mahkamah” termasuklah Pendaftar apabila menjalankan kuasa mahkamah menurut Akta atau Kaedah-Kaedah ini;

“Pegawai Penetapan” ertinya pegawai mahkamah yang kewajipannya ialah untuk menetapkan kos dalam prosiding kebangkrapan;

“pemiutang” termasuklah sebuah perbadanan dan sebuah firma pemiutang dalam perkongsian;

“penghutang” termasuklah mana-mana penghutang yang tindakan dijalankan terhadapnya di bawah Akta, sama ada dihukum bankrap atau tidak, dan juga termasuklah sebuah firma penghutang dalam perkongsian;

“Syerif” ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“skim” ertinya skim perkiraan menurut Akta.

BAHAGIAN II TATACARA MAHKAMAH

Mahkamah dan kamar

Pendengaran permohonan

4. Melainkan jika Hakim Besar telah memberi suatu arahan amalan yang berlawanan—

(a) tiap-tiap permohonan di hadapan Pendaftar hendaklah, dan tiap-tiap permohonan di hadapan Hakim boleh, didengar dalam kamar; dan

(b) bidang kuasa mahkamah untuk mendengar dan menentukan apa-apa perkara atau permohonan boleh dijalankan oleh Pendaftar.

Penangguhan daripada Pendaftar kepada Hakim

5. Apa-apa perkara yang belum selesai di hadapan Pendaftar boleh, jika diarahkan oleh Hakim, ditangguh untuk didengar di hadapan Hakim.

Tajuk prosiding

6. (1) Tiap-tiap prosiding dalam perkara kebangkrapan hendaklah ditarikahkan dengan penambahan yang perlu, diberi tajuk sebagaimana dalam Borang 1.

(2) Semua permohonan dan perintah hendaklah diberi tajuk pemohon *ex parte*.

(3) Prosiding yang pertama dalam tiap-tiap perkara hendaklah mempunyai nombor yang tersendiri yang diberikan oleh Pendaftar, dan semua prosiding yang berikutnya dalam perkara yang sama hendaklah mempunyai nombor yang sama sebagaimana prosiding yang pertama.

Prosiding bertulis atau bercetak

7. (1) Semua prosiding dalam mahkamah hendaklah bertulis atau bercetak atau sebahagian bertulis dan sebahagiannya bercetak atas kertas yang berkualiti tahan lama, lebih kurang 297 mm (11.69 inci) panjang, 210 mm (8.27 inci) lebar, mempunyai suatu birai, tidak kurang daripada 1 inci lebar yang dibiarkan kosong di kedua-dua belah kertas itu.

(2) Tiap-tiap dokumen bolehlah bercetak di atas kedua-dua belah kertas.

Rekod mahkamah

8. Semua prosiding mahkamah hendaklah disimpan dan terus menjadi rekod dalam mahkamah.

Fail prosiding boleh diperiksa

9. Ketua Pengarah Insolvensi, penghutang, bankrap dan mana-mana pemiutang yang telah membuktikan hutangnya, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Ketua Pengarah Insolvensi, boleh memeriksa fail prosiding pada setiap masa yang munasabah.

Notis secara bertulis

10. Semua notis yang dikehendaki untuk diberi hendaklah secara bertulis, melainkan jika Kaedah-Kaedah ini memperuntukkan selainnya atau mahkamah memerintahkan selainnya.

Bukti pengeposan notis oleh Ketua Pengarah Insolvensi

11. Jika, oleh mana-mana peruntukan Akta atau Kaedah-Kaedah ini, apa-apa notis dikehendaki untuk dihantar oleh Ketua Pengarah Insolvensi, penghantaran notis itu bolehlah dibuktikan dengan suatu affidavit oleh Ketua Pengarah Insolvensi yang menghantar notis itu atau keraninya, bahawa notis itu telah diposkan.

Proses dimeterai

12. Semua proses yang dikeluarkan oleh mahkamah hendaklah dimeterai.

Mesyuarat dipanggil oleh mahkamah

13. (1) Apabila mahkamah memerintahkan suatu mesyuarat am pemiutang untuk dipanggil di bawah perenggan 5 Jadual A kepada Akta, mesyuarat itu hendaklah dipanggil sebagaimana diarahkan oleh mahkamah.

(2) Pendaftar hendaklah menghantar suatu salinan perintah yang dimeterai kepada Ketua Pengarah Insolvensi yang hendaklah dalam masa tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat itu menghantar suatu salinan perintah itu kepada setiap pemiutang di alamat yang diberikan dalam buktinya atau apabila pemiutang belum membuktikan, alamat yang diberikan dalam senarai pemiutang oleh penghutang atau alamat lain sebagaimana yang boleh diketahui oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

Salinan pejabat

14. (1) Semua salinan pejabat bagi notis, petisyen, affidavit, deposisi dan tulisan yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Insolvensi atau orang lain yang berhak dengannya hendaklah disediakan oleh Pendaftar.

(2) Salinan itu hendaklah bercetak atau bertulis dengan jelas dan boleh dibaca dan dimeterai dan diserahkan tanpa kelengahan yang tidak sepatutnya.

Pemfailan, pewartaan, dsb.

15. (1) Pendaftar hendaklah memfailkan suatu salinan bagi tiap-tiap terbitan *Warta* yang mengandungi iklan yang berhubungan dengan apa-apa perkara di bawah Akta dalam mahkamahannya dan pada masa yang sama memfailkan suatu memorandum yang merujuk kepada perkara dalam prosiding itu dan memberikan tarikh bagi iklan itu.

(2) Satu salinan setiap surat khabar tempatan yang apa-apa iklan yang berhubungan dengan apa-apa perkara di bawah Akta yang dimasukkan hendaklah ditinggalkan oleh orang yang memasukkan iklan itu dengan Pendaftar mahkamah yang perkara itu sedang berjalan dan Pendaftar hendaklah memfailkan salinan surat khabar tempatan itu dan pada masa yang sama memfailkan suatu memorandum yang merujuk kepada perkara dalam prosiding itu dan memberikan tarikh iklan tersebut.

(3) Memorandum oleh Pendaftar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa iklan yang dirujuk memorandum itu telah dimasukkan dalam terbitan *Warta* atau surat khabar tempatan yang disebutkan dalam memorandum itu.

Pengemukakan dokumen kepada Ketua Pengarah Insolvensi

16. Suatu salinan tiap-tiap dokumen yang difailkan di mahkamah dalam prosiding kebangkrapan oleh pemiutang atau penghutang sebelum perintah kebangkrapan dibuat, selain daripada notis kebangkrapan dan petisyen kebangkrapan, hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Insolvensi oleh pemiutang atau penghutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada hari dokumen itu difailkan.

*Permohonan dan amalan***Permohonan dibuat melalui saman dalam kamar**

17. Kecuali jika Kaedah-Kaedah ini atau Akta memperuntukkan selainnya, tiap-tiap permohonan kepada mahkamah hendaklah, melainkan jika Hakim Besar mengarahkan selainnya, dibuat melalui saman dalam kamar yang disokong dengan affidavit.

Perintah atas permohonan

18. (1) Jika mana-mana pihak selain daripada pemohon terjejas oleh permohonan itu, tiada perintah boleh dibuat kecuali dengan persetujuan pihak itu, atau apabila bukti bahawa notis permohonan itu dan suatu salinan affidavit sokongan bagi permohonan itu telah disampaikan kepadanya.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), jika mahkamah berpuas hati bahawa kemudaran yang serius yang mungkin berlaku akibat daripada kelengahan disebabkan oleh perjalanan mengikut cara biasa, mahkamah boleh membuat suatu perintah *ex parte* atas apa-apa terma seperti kos atau selainnya, dan tertakluk kepada aku janji itu, jika ada, sebagaimana difikirkan adil oleh mahkamah.

(3) Mana-mana pihak yang terjejas oleh perintah yang dibuat secara *ex parte* boleh memohon untuk mengetepikan perintah itu.

Penyampaian notis

19. Kecuali jika Kaedah-Kaedah ini atau Akta memperuntukkan selainnya, suatu permohonan dan affidavit sokongan hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap pihak yang terjejas tidak kurang daripada lapan hari bekerja sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran.

Affidavit menentang

20. Jika mana-mana pihak bercadang untuk menggunakan affidavit menentang permohonan dia hendaklah menyerahkan salinan affidavit itu kepada tiap-tiap pihak yang terjejas tidak kurang daripada tiga hari bekerja sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran.

Notis tidak disampaikan kepada semua pihak yang patut

21. Jika pada pendengaran suatu permohonan, mahkamah berpendapat bahawa mana-mana orang yang kepadanya notis tidak diberikan sepatutnya mempunyai notis, mahkamah boleh sama ada menolak permohonan itu, atau menangguhkan pendengaran atas terma sebagaimana difikirkannya patut supaya notis boleh diberikan.

Penangguhan

22. Pendengaran permohonan boleh ditangguhkan atas apa-apa terma, jika ada, sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Penyampaian secara sendiri

23. Jika penyampaian secara sendiri dikehendaki bagi mana-mana permohonan atau mana-mana perintah mahkamah, penyampaian itu hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan kepada setiap pihak suatu salinan permohonan itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu salinan perintah yang dimeterai.

Pemfailan affidavit atas permohonan

24. Affidavit yang menyokong atau menentang mana-mana permohonan hendaklah difailkan dengan Pendaftar tidak kurang daripada tiga hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran.

Jaminan dalam mahkamah

Jaminan melalui bon

25. Kecuali jika Kaedah-Kaedah ini memperuntukkan selainnya, jaminan yang dikehendaki diberi oleh seseorang hendaklah dalam bentuk bon dengan satu atau lebih penjamin.

Amaun bon

26. Bon hendaklah diambil dalam jumlah penalti yang, kecuali dengan persetujuan pihak lawan, tidak boleh kurang daripada jumlah yang jaminan yang akan diberikan dan kos barangkali.

Deposit sebagai ganti bon

27. (1) Seseorang yang dikehendaki untuk memberikan jaminan boleh, sebagai ganti jaminan itu, menyerahkan simpan di mahkamah suatu jumlah yang sama dengan jumlah yang jaminan akan diberi dan kos barangkali, bersama dengan suatu memorandum yang diluluskan oleh Pendaftar dan ditandatangani oleh orang itu, peguam cara atau ejennya, menyatakan syarat wang itu didepositkan.

(2) Setelah penyerahsimpanan itu, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang jaminan itu diberi untuk perlindungannya bahawa wang itu telah diserahkan di mahkamah.

Wang dalam mahkamah

28. Kaedah-Kaedah yang sedang berkuat kuasa di Mahkamah Tinggi yang berhubungan dengan pembayaran wang ke dalam dan keluar mahkamah yang diserahkan di mahkamah melalui jaminan bagi kos hendaklah terpakai bagi wang yang diserahkan di mahkamah di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Jaminan pertubuhan gerenti

29. Jaminan gerenti jurubank, gerenti persatuan atau pertubuhan yang diluluskan oleh mahkamah atau pihak lawan boleh diberi sebagai ganti sesuatu bon atau deposit.

Notis mengenai penjamin

30. (1) Jika seseorang mencadangkan untuk memberi suatu bon dalam bentuk jaminan, dia hendaklah menyampaikan notis bagi penjamin yang dicadangkan kepada pihak lawan dan Pendaftar.

(2) Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memberikan notis kepada kedua-dua pihak mengenai masa dan tempat yang Pendaftar mencadangkan bahawa bon itu hendaklah disempurnakan dan apa-apa bantahan terhadap penjamin mesti dibuat.

Justifikasi oleh penjamin

31. Penjamin hendaklah membuat afidavit tentang kecukupan jaminan melainkan jika pihak lawan mengetepikan afidavit itu, dan hendaklah, jika dikehendaki, hadir ke mahkamah untuk diperiksa balas.

Penyempurnaan bon

32. Bon hendaklah disempurnakan dan diaku saksi dalam kehadiran Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi.

*Afidavit***Bentuk afidavit**

33. (1) Tiap-tiap afidavit hendaklah—

- (a) dinyatakan mengikut kata diri pertama;
- (b) menyatakan tempat tinggal dan perihal setiap deponen; dan
- (c) disediakan dalam perenggan dengan dinomborkan berturut-turut.

(2) Setiap perenggan afidavit hendaklah, setakat yang boleh dilaksanakan, terbatas kepada bahagian berlainan bagi hal itu.

(3) Tiap-tiap afidavit hendaklah ditandatangani oleh deponen dan jurat itu hendaklah diisi dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya afidavit itu diangkat sumpah.

(4) Suatu jurat hendaklah dalam Borang 6.

Afidavit oleh beberapa deponen

34. Jika suatu afidavit dibuat oleh dua atau lebih deponen, nama orang yang membuat afidavit itu hendaklah dimasukkan dalam jurat kecuali bahawa, jika afidavit itu diangkat sumpah oleh kedua-dua atau semua deponen dalam satu masa di hadapan orang yang sama, memadai untuk menyatakan bahawa afidavit itu diangkat sumpah oleh kedua-dua (atau semua) deponen “yang tersebut namanya di atas”.

Kos yang tidak dibenarkan

35. Tiada kos boleh dibenarkan berkenaan dengan suatu afidavit atau sebahagian daripada afidavit, jika—

- (a) dengan cara yang material afidavit atau sebahagian daripada afidavit itu tidak mematuhi kaedah 33 atau 34; atau

- (b) affidavit atau sebahagian daripada affidavit itu mengandungi perkara dengar cakap, perkara yang penuh dengan perdebatan, atau salinan atau cabutan daripada dokumen yang tidak diperlukan.

Perkara mengaibkan dalam affidavit

36. Mahkamah boleh memerintahkan untuk dibatalkan mana-mana affidavit apa-apa perkara yang bersifat mengaibkan, tidak relevan atau selainnya menindas dan boleh memerintahkan kos bagi mana-mana permohonan untuk membatalkan perkara itu untuk dibayar antara peguam cara dan klien.

Pemadaman, pengubahan, dsb.

37. Melainkan jika mahkamah memerintahkan selainnya, tiada affidavit hendaklah dibaca atau diguna dalam mana-mana prosiding jika terdapat apa-apa tulisan antara garis, pengubahan atau pemadaman dalam kandungan affidavit atau jurat itu, melainkan orang yang di hadapannya affidavit itu telah diangkat sumpah telah menandatangani ringkas tulisan antara garis atau pengubahan itu, dan dalam hal pemadaman yang telah ditulis semula dan ditandatangani atau ditandatangani ringkas di birai affidavit itu apa-apa perkataan atau angka yang tertulis di tempat pemadaman itu.

Affidavit oleh orang buta huruf atau orang buta

38. (1) Jika ternyata kepada orang yang memberikan sumpah itu bahawa deponen itu buta huruf atau buta, dia hendaklah memperakukan dalam jurat bahawa—

- (a) affidavit itu telah dibacakan dan diterjemahkan di hadapan deponen itu oleh seorang jurubahasa yang mengangkat sumpah;
- (b) deponen kelihatan memahami affidavit dengan sempurna; dan
- (c) deponen itu menandatangani atau membuat suatu tanda dalam affidavit di hadapan orang yang memberikan sumpah itu.

(2) Tiada affidavit di bawah kaedah ini boleh digunakan sebagai keterangan tanpa perakuan di bawah subkaedah (1), melainkan jika mahkamah selainnya berpuas

hati bahawa affidavit itu telah dibacakan kepada deponen dan ternyata difahami dengan sempurna oleh deponen.

Kecacatan formal

39. (1) Mahkamah boleh membenarkan suatu affidavit untuk digunakan sebagai keterangan walau apa pun apa-apa kecacatan disebabkan oleh salah perihalan pihak atau selainnya dalam tajuk atau jurat atau mana-mana ketidakteraturan lain dalam borang affidavit.

(2) Suatu nota bahawa ia telah digunakan sebagai keterangan hendaklah diendorskan pada affidavit itu.

Penggunaan affidavit asal

40. (1) Jika mahkamah membenarkan penggunaan affidavit asal, affidavit asal itu hendaklah sebelum digunakan dicapkan dengan cap pemfailan yang sepatutnya, dan selepas digunakan hendaklah ditinggalkan di mahkamah kepada pegawai yang berkenaan yang hendaklah menghantarnya untuk difailkan.

(2) Apabila affidavit asal telah difailkan, suatu salinan pejabat boleh digunakan.

Mengangkat sumpah affidavit

41. Suatu affidavit boleh diangkat sumpah sama ada bercetak atau ditulis tangan atau sebahagiannya bercetak dan sebahagiannya ditulis tangan.

Affidavit yang difail di luar masa

42. (1) Suatu affidavit yang difail di luar masa tidak boleh digunakan kecuali dengan kebenaran mahkamah.

(2) Melainkan jika mahkamah mengarahkan selainnya, suatu perintah yang dibuat secara *ex parte* atas keterangan itu, yang diserahkan melalui affidavit tidak akan berkesan melainkan jika affidavit itu dibuat sebelum perintah itu dipohon dan telah dikemukakan dan difailkan pada masa permohonan dibuat.

Bukti affidavit

43. Mahkamah hendaklah mengambil pengiktirafan kehakiman bagi meterai atau tandatangan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Akta untuk mengambil affidavit atau untuk memperakui kuasa itu.

Saksi dan deposisi

Sepina

44. (1) Mahkamah hendaklah, atas permintaan Ketua Pengarah Insolvency, pemiutang, penghutang, pemohon atau responden dalam apa-apa perkara, mengeluarkan suatu sepina bagi kehadiran seorang saksi.

(2) Sepina itu boleh menghendaki saksi untuk mengemukakan dokumen yang ada dalam milikan atau kawalannya.

(3) Nama bagi tidak lebih daripada tiga orang saksi boleh dimasukkan dalam sepina.

Penyampaian sepina

45. (1) Suatu salinan sepina yang dimeterai hendaklah disampaikan secara kediri kepada saksi oleh seorang pegawai mahkamah atau oleh seseorang yang telah meminta sepina itu dikeluarkan atau peguam caranya, atau oleh seseorang dalam pekerjaannya.

(2) Penyampaian hendaklah dilakukan pada masa yang munasabah sebelum hari yang ditetapkan bagi kehadiran itu.

(3) Penyampaian sepina itu boleh, jika dikehendaki oleh mahkamah, dibuktikan melalui suatu affidavit.

Kos saksi

46. (1) Suatu jumlah yang tidak melebihi amaun yang biasanya dibenarkan sebagai elaun bagi kehadiran saksi di Mahkamah Tinggi boleh dibenarkan berkenaan dengan kehadiran seorang saksi.

(2) Elaun itu boleh dibuat sama ada saksi itu telah diperiksa atau tidak.

(3) Seseorang saksi, selain daripada penghutang, yang dikehendaki untuk hadir bagi pengemukaan suatu dokumen atau bagi maksud suatu pemeriksaan, hendaklah berhak mendapat wang kelakuan dan elaun saksi sama seperti kehadiran dalam suatu perbicaraan di mahkamah.

(4) Mahkamah boleh dalam mana-mana perkara menghadkan bilangan saksi untuk dibenarkan bagi penetapan kos.

Perintah untuk pemeriksaan

47. (1) Mahkamah boleh dalam apa-apa perkara membuat suatu perintah bagi pemeriksaan atas sumpah mana-mana orang di mana-mana tempat dalam Malaysia.

(2) Pemeriksaan itu boleh diperintahkan supaya dibuat di hadapan mahkamah, atau seorang pegawai mahkamah, sebagaimana diarahkan oleh mahkamah.

(3) Deposisi hendaklah diambil secara bertulis dan, dengan kebenaran mahkamah, boleh digunakan sebagai keterangan atas terma, jika ada, sebagaimana diarahkan oleh mahkamah.

Surat permohonan

48. Suatu perintah untuk suatu surat permohonan bagi memeriksa saksi, dan surat permohonan itu, hendaklah mengikut borang yang sedang digunakan di Mahkamah Tinggi, dengan apa-apa perubahan sebagaimana keadaan menghendakinya.

Pengemukakan dokumen

49. Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan kehadiran mana-mana orang bagi maksud mengemukakan apa-apa dokumen yang dinamakan dalam perintah itu.

Menghina mahkamah

50. Mana-mana orang yang dengan sengaja mengingkari mana-mana sepina atau perintah yang menghendaki kehadirannya bagi maksud diperiksa atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen hendaklah disifatkan bersalah menghina mahkamah dan boleh diuruskan sewajarnya.

Penzahiran dan pemeriksaan di bawah seksyen 31

Penzahiran

51. (1) Suatu pihak boleh, dengan kebenaran mahkamah, mengendalikan penyiasatan kepada, atau mendapatkan penzahiran dokumen daripada mana-mana pihak lain kepada prosiding.

(2) Permohonan untuk kebenaran boleh dibuat secara *ex parte*.

(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] yang berhubungan dengan penzahiran dan pemeriksaan hendaklah terpakai dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu.

Permohonan bagi penzahiran

52. (1) Suatu permohonan kepada mahkamah di bawah seksyen 31 Akta hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menyatakan secara ringkas alasan permohonan itu dibuat.

(2) Permohonan yang dibuat bagi pihak Ketua Pengarah Insolvensi tidak perlu disahkan dengan affidavit.

Penguntukan bayaran, gaji, pencen, dsb.

Permohonan perintah penguntukan

53. (1) Apabila Ketua Pengarah Insolvensi berniat untuk memohon kepada mahkamah suatu perintah penguntukan di bawah seksyen 57 Akta, dia hendaklah memberi notis kepada bankrap mengenai niatnya untuk berbuat demikian.

(2) Notis itu hendaklah menyatakan masa dan tempat yang ditetapkan bagi pendengaran permohonan itu dan hendaklah dihantar bersama dengan suatu salinan permohonan Ketua Pengarah Insolvensi dan suatu pernyataan ringkas bagi alasan permohonan itu dibuat.

(3) Notis dalam subkaedah (2) hendaklah juga menyatakan bahawa bankrap itu bebas untuk tunjuk sebab terhadap perintah yang dibuat.

(4) Jika bankrap bersetuju dengan perintah yang dibuat berdasarkan terma permohonan dia hendaklah memberi persetujuannya dengan menandatangani Borang 10 yang dilampirkan pada permohonan itu.

(5) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah selepas itu mengemukakan dokumen itu bersama dengan salinan Borang 9 dan Borang 10 kepada mahkamah untuk perintah yang perlu dibuat.

(6) Jika suatu permohonan dibuat dengan persetujuan bankrap, mahkamah hendaklah mengetepikan kehadiran bankrap dan Ketua Pengarah Insolvensi.

Penyampaian perintah kepada majikan, dsb.

54. Jika suatu perintah dibuat di bawah subseksyen 57(3) Akta, Pendaftar hendaklah memberikan sekurang-kurangnya dua salinan perintah yang dimeterai itu kepada Ketua Pengarah Insolvensi, yang hendaklah menyampaikan perintah itu kepada majikan, ketua jabatan atau orang lain yang menerima gaji, pendapatan, separuh gaji, pencen atau pampasan itu.

Semakan semula perintah

55. Jika suatu perintah telah dibuat bagi pembayaran kepada Ketua Pengarah Insolvensi oleh bankrap atau majikannya bagi sebahagian daripada bayaran, gaji atau pendapatan lain, bankrap boleh, dengan apa-apa pengurangan dalam amaun pendapatan itu, memohon kepada mahkamah untuk membatalkan atau mengubah perintah itu.

*Waran, pemberkasan dan pengkomitan***Alamat bagi waran**

56. Waran penyitaan, waran menggeledah, atau apa-apa waran lain yang dikeluarkan di bawah peruntukan Akta hendaklah dialamatkan kepada mana-mana pegawai polis atau pegawai Mahkamah Tinggi sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

Jagaan dan pengemukaan penghutang atau bankrap

57. Jika penghutang atau bankrap ditangkap di bawah suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen 28 Akta—

- (a) pegawai yang memberkas penghutang atau bankrap itu hendaklah dengan serta-merta mengemukakan penghutang atau bankrap itu di hadapan mahkamah atau, jika mahkamah tidak bersidang, menyerahkannya ke dalam jagaan Pegawai Penjaga Penjara yang disebut dalam waran itu, yang hendaklah menahan penghutang atau bankrap itu dalam jagaan sehingga mahkamah bersidang seterusnya, apabila Pegawai Penjaga Penjara hendaklah mengemukakan penghutang atau bankrap di hadapan mahkamah, dan hendaklah melainkan mahkamah mengarahkan pelepasan penghutang atau bankrap, mengemukakannya di hadapan mahkamah sebagaimana yang boleh diarahkan oleh mahkamah dari semasa ke semasa; dan
- (b) apa-apa buku, kertas, wang, barang dan catel yang berada dalam milikan penghutang atau bankrap yang boleh disita hendaklah dengan serta-merta diserahkan dengan Ketua Pengarah Insolvensi.

Pelaksanaan waran

58. (1) Apabila seseorang diberkas di bawah suatu waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen 31(2) Akta, pegawai yang memberkas seseorang itu hendaklah dengan serta-merta membawanya di hadapan mahkamah yang mengeluarkan waran itu supaya dia diperiksa, dan jika dia tidak dapat dibawa dengan segera untuk diperiksa, pegawai itu hendaklah menyerah seseorang itu ke dalam jagaan Pegawai Penjaga Penjara yang disebut dalam waran itu, yang akan menerima dan menahan seseorang itu dan mengemukakannya di hadapan mahkamah sebagaimana yang boleh diarahkan oleh mahkamah dari semasa ke semasa.

(2) Setelah memberkas seseorang yang dinamakan dalam waran itu, pegawai itu hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada mahkamah pemberkasan atau penyerahan ke dalam jagaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan memohon kepada mahkamah supaya menetapkan suatu masa untuk pemeriksaan seseorang itu, dan mahkamah hendaklah menetapkan hari terawal yang praktik untuk pemeriksaan, dan hendaklah mengarahkan Pegawai Penjaga Penjara untuk mengemukakan seseorang itu untuk pemeriksaan di tempat dan masa yang ditetapkan.

(3) Notis mengenai tempat dan masa yang ditetapkan hendaklah diberi dengan serta-merta oleh Pendaftar kepada seseorang yang memohon untuk pemeriksaan atau waran.

Permohonan untuk mengkomitkan

59. Suatu permohonan kepada mahkamah untuk mengkomitkan seseorang untuk penghinaan terhadap mahkamah hendaklah disokong dengan affidavit.

Notis dan pendengaran permohonan

60. (1) Apabila difailkan suatu permohonan untuk mengkomitkan, Pendaftar hendaklah menetapkan suatu masa dan tempat untuk pendengaran permohonan itu, dan notis hendaklah disampaikan secara kediri kepada orang yang diminta untuk dikomitkan itu tidak kurang daripada tiga hari sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran itu.

(2) Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan penyampaian ganti atau penyampaian dengan notis yang lebih singkat.

Penggantungan pengeluaran perintah komital

61. Jika suatu perintah komital dibuat terhadap seorang penghutang atau mana-mana seseorang lain kerana mengingkari suatu perintah mahkamah, atau suatu perintah atau arahan Ketua Pengarah Insolvensi, mahkamah boleh mengarahkan supaya perintah komital itu tidak dikeluarkan jika perintah yang terdahulu telah dipatuhi dalam masa yang dinyatakan.

Pengkomitan penghutang atau saksi yang tegar

62. (1) Jika seorang penghutang atau saksi yang diperiksa di hadapan Pendaftar enggan menjawab apa-apa soalan sehingga memuaskan hati Pendaftar, Pendaftar hendaklah melaporkan secara bertulis keengganan itu kepada Hakim, yang mempunyai kuasa untuk menangani penghutang atau saksi itu dalam cara yang sama seperti seolah-olah dia telah melakukan keingkaran dalam memberi jawapan di hadapan Hakim.

(2) Sebelum selesai pemeriksaan itu, Pendaftar hendaklah menamakan masa dan tempat di mana keingkaran itu akan dilaporkan kepada Hakim dan jika Hakim itu bersidang pada masa keingkaran itu dilakukan, keingkaran itu boleh dilaporkan dengan serta merta.

Penyampaian dan pelaksanaan proses

Penyampaian kepada peguam cara

63. (1) Seorang peguam cara yang menyaman atau menyampaikan apa-apa proses atau dokumen lain hendaklah mengendorskan namanya atau nama firmannya dan alamat di mana dia akan menerima penyampaian dokumen bagi pihak yang diwakilinya.

(2) Apa-apa proses atau komunikasi secara bertulis yang lain yang tidak menghendaki penyampaian secara kediri hendaklah disifatkan sebagai telah

disampaikan dengan secukupnya kepada pihak yang diwakili oleh seorang peguam cara jika ditinggalkan di alamat bagi penyampaian peguam cara itu.

Kesan penyampaian selepas waktu tertentu

64. (1) Penyampaian hendaklah dilaksanakan sebelum pukul tiga setengah petang, kecuali pada hari sebelum hari kelepasan mingguan apabila penyampaian hendaklah dilaksanakan sebelum pukul dua belas tengah hari.

(2) Penyampaian yang dilaksanakan selepas pukul tiga setengah petang pada hari kerja kecuali hari sebelum hari kelepasan mingguan hendaklah, bagi maksud mengira suatu tempoh masa yang kemudian daripada penyampaian itu, disifatkan sebagai telah dilaksanakan pada hari yang berikutnya.

(3) Penyampaian yang dilaksanakan selepas dua belas tengah hari pada hari sebelum hari kelepasan mingguan hendaklah bagi maksud yang sama disifatkan telah dilaksanakan pada hari yang berikutan hari kelepasan mingguan itu.

Penyampaian melalui pos

65. Jika notis mengenai suatu perintah atau prosiding lain disampaikan melalui pos, notis itu hendaklah dihantar melalui pos berdaftar.

Penguatkuasaan perintah

66. Mana-mana perintah mahkamah di bawah Kaedah-Kaedah ini, boleh dikuatkuasakan dengan cara dan kesan yang sama sebagaimana suatu penghakiman mahkamah.

Kos

Award mengenai kos

67. (1) Apabila memberi kos, mahkamah boleh mengarahkan supaya kos bagi apa-apa perkara atau permohonan hendaklah ditetapkan dan dibayar antara pihak dengan pihak atau antara peguam cara dengan klien, atau mahkamah boleh menetapkan suatu jumlah wang untuk dibayar sebagai ganti kos yang ditetapkan.

(2) Melainkan mahkamah mengarahkan selainnya, kos bagi suatu permohonan yang ditentang hendaklah mengikut keadaan dan hendaklah ditetapkan antara pihak dengan pihak.

(3) Jika suatu tindakan dibawa terhadap Ketua Pengarah Insolvensi sebagai mewakili estet penghutang, atau jika Ketua Pengarah Insolvensi dijadikan sebagai suatu pihak dalam mana-mana prosiding atas permohonan mana-mana pihak lain dalam prosiding itu, Ketua Pengarah Insolvensi tidak bertanggungjawab sendiri bagi kos.

Pemfailan perintah

68. Tiap-tiap perintah untuk pembayaran wang atau kos hendaklah dimeterai, ditandatangani oleh Pendaftar dan dengan serta-merta difailkan bersama dengan prosiding itu.

Penetapan kos

69. Kecuali jika suatu jumlah wang yang ditetapkan telah diaward sebagai kos, kos yang diarahkan oleh mana-mana perintah supaya dibayar atau ditetapkan hendaklah ditetapkan apabila dikemukakan suatu salinan pejabat perintah itu, dan alokatur itu hendaklah dicap, ditandatangani dan diletakkan tarikh oleh Pegawai Penetapan.

Kos ditetapkan oleh Pendaftar

70. Semua kos yang diarahkan supaya ditetapkan hendaklah ditetapkan oleh Pendaftar secara sendiri.

Kos peguam cara dalam hal petisyen oleh penghutang

71. (1) Peguam cara dalam perkara suatu petisyen kebangkrupan yang dikemukakan oleh penghutang terhadap diri penghutang hendaklah dalam bil kos penghutang memberi kredit bagi apa-apa jumlah atau jaminan yang diterima daripada penghutang sebagai deposit untuk kos dan perbelanjaan yang akan ditanggung berhubung dengan pemfailan dan pendakwaan petisyen itu.

(2) Amaun deposit dalam subkaedah (1) hendaklah dicatatkan oleh Pegawai Penetapan dalam alokatur yang dikeluarkan bagi kos itu.

Kos yang dibayar selain daripada estet

72. Apabila suatu bil kos ditetapkan di bawah suatu perintah mahkamah dan jika ternyata daripada perintah itu bahawa kos perlu dibayar dengan apa-apa cara lain selain daripada estet bankrap, Pegawai Penetapan hendaklah mencatatkan dalam alokatur itu oleh siapa, atau caranya yang, kos itu akan dibayar.

Skala kos lebih rendah bagi harta di bawah sepuluh ribu ringgit

73. (1) Jika anggaran aset penghutang tidak melebihi jumlah sepuluh ribu ringgit, suatu skala yang lebih rendah bagi kos peguam cara hendaklah dibenarkan dalam semua prosiding di bawah Akta yang kos yang kena dibayar daripada estet penghutang iaitu enam puluh peratus daripada caj yang biasanya dibenarkan dengan tambahan pembayaran; dan jika oleh kerana kesilapan, apa-apa caj yang telah dibenarkan atau dibayar mengikut skala yang lebih tinggi dan hasil kasar daripada aset itu hendaklah ditentukan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit yang berlebihan itu tidak dibenarkan dan jika telah dibayar hendaklah dibayar balik kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

(2) Dalam semua hal yang tidak diperuntukkan secara khusus oleh Kaedah-Kaedah ini, kaedah-kaedah mengenai kos peguam cara yang sedang berkuat kuasa berkenaan dengan mengenai prosiding sivil dalam Mahkamah Tinggi hendaklah terpakai setakat mana kaedah-kaedah itu terpakai.

Bil kos difailkan

74. (1) Setelah selesai menetapkan apa-apa kos, caj atau perbelanjaan, Pegawai Penetapan hendaklah dengan serta-merta memfailkan bil bersama prosiding itu dan mengeluarkan kepada seseorang yang mengemukakan bil untuk ditetapkan alokatur atau perakuan penetapan.

(2) Apabila dibuktikan hingga memuaskan Pegawai Penetapan bahawa suatu alokatur atau perakuan penetapan telah hilang atau musnah, dia boleh mengeluarkan pendua bagi perakuan.

Daftar bagi bil yang ditetapkan

75. Tiap-tiap Pegawai Penetapan hendaklah menyimpan suatu daftar bagi semua bil yang ditetapkan olehnya.

Perakuan pengajian peguam cara, dsb.

76. Sebelum menetapkan kos atau caj bagi seorang peguam cara, pengurus, akauntan, broker, atau mana-mana orang lain yang diguna khidmat oleh Ketua Pengarah Insolvensi, Pegawai Penetapan hendaklah menghendaki suatu perakuan, yang hendaklah diendors pada bil itu dan ditandatangani oleh Ketua Pengarah Insolvensi, menyatakan apa-apa terma khas mengenai saraan yang telah dipersetujui, dan sebagai tambahan, dalam hal seorang peguam cara, suatu salinan, yang diperakui sebagai salinan yang benar oleh Ketua Pengarah Insolvensi, mengenai kuasa yang membenarkan pengajian seorang peguam cara dan menyatakan had amaun kos yang akan ditanggung.

Penetapan komisyen dan caj pelelong

77. Apabila seorang pelelong berlesen diguna khidmat oleh Ketua Pengarah Insolvensi untuk menjual harta melalui lelongan awam, komisen dan caj bagi pelelong itu hendaklah, jika dalam ketiadaan apa-apa syarat khas telah diatur oleh Ketua Pengarah Insolvensi, ditetapkan mengikut kaedah-kaedah untuk penetapan komisen dan caj pelelong.

Kos Syerif

78. Jika menurut subseksyen 51(1) Akta, seorang Syerif dikehendaki untuk menyerahkan barang atau wang kepada Ketua Pengarah Insolvensi, Syerif itu hendaklah dengan tanpa kelengahan membawa bil kos Syerif itu untuk ditetapkan oleh Pegawai Penetapan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam kebangkrapan dan melainkan bil itu dibawa untuk ditetapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Syerif itu menyerahkan bil itu, Ketua Pengarah Insolvensi boleh menolak untuk membayar bil itu.

Penetapan kos Syerif selepas potongan

79. (1) Jika Ketua Pengarah Insolvensi secara bertulis menghendaki apa-apa kos yang telah dipotong oleh Syerif di bawah subseksyen 51(2) Akta untuk ditetapkan, Syerif itu hendaklah, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh permintaan itu, membawa masuk kos itu untuk ditetapkan.

(2) Kos hendaklah ditetapkan oleh Pegawai Penetapan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam kebangkrapan dan apa-apa amaun yang tidak dibenarkan selepas penetapan hendaklah dengan serta-merta dibayar oleh Syerif kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

Notis pelantikan dan penyerahsimpanan bil

80. Apabila menerima pelantikan untuk penetapan, orang yang akan ditetapkan kos atau cajnya itu hendaklah memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari mengenai pelantikan itu kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan hendaklah juga pada masa yang sama menyerahkan dengan Ketua Pengarah Insolvensi suatu salinan bil atau caj yang akan ditetapkan.

Permohonan bagi kos

81. Jika mana-mana pihak atau seseorang yang terjejas oleh mana-mana prosiding berhasrat untuk memohon suatu perintah supaya seseorang itu dibenarkan kos atau sebahagian daripada kos itu, yang bersampingan dengan prosiding itu, dan permohonan itu tidak dibuat pada masa prosiding itu—

- (a) dia hendaklah menyampaikan notis mengenai cadangan permohonannya kepada Ketua Pengarah Insolvensi;
- (b) Ketua Pengarah Insolvensi boleh hadir pada permohonan itu dan membantah permohonan itu; dan
- (c) tiada kos atau yang bersampingan dengan permohonan itu hendaklah dibenarkan kepada pemohon melainkan mahkamah berpuas hati bahawa permohonan itu tidak boleh dibuat pada masa prosiding itu.

Semakan semula penetapan

82. (1) Jika apa-apa kos, caj, fi atau pembayaran yang boleh dikenakan terhadap estet penghutang telah ditetapkan Ketua Pengarah Insolvensi boleh menghendaki penetapan itu disemak semula oleh Hakim.

(2) Dalam apa-apa hal yang Ketua Pengarah Insolvensi menghendaki semakan semula penetapan, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberi notis kepada orang yang bilnya telah ditetapkan itu, masa yang ditetapkan untuk semakan semula.

(3) Jika selepas semakan semula penetapan bil dibenarkan pada jumlah yang lebih rendah daripada jumlah yang dibenarkan oleh Pegawai Penetapan, amaun yang tidak dibenarkan itu hendaklah, jika bil itu telah dibayar, dibayar balik kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

(4) Orang yang bilnya disemak semula hendaklah dibenarkan apa-apa kos dan yang bersampingan dengan kehadirannya pada semakan semula itu sebagaimana difikirkan patut oleh Hakim dan kos itu hendaklah dibayar daripada estet.

Perintah pembayaran kos dan caj yang kena dibayar daripada estet

83. Aset dalam setiap perkara yang tinggal selepas membayar perbelanjaan yang ditanggung dengan sewajarnya bagi memelihara, menyelesaikan dan mendapatkan mana-mana aset penghutang hendaklah tertakluk kepada apa-apa perintah mahkamah, hendaklah ditanggungkan dengan pembayaran yang berikut, yang hendaklah dibuat mengikut susunan keutamaan yang berikut:

- (a) perbelanjaan sebenar ditanggung oleh Ketua Pengarah Insolvensi dalam melindungi harta atau aset penghutang atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa perbelanjaan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Ketua Pengarah Insolvensi atau oleh kuasanya dalam menjalankan perniagaan penghutang;
- (b) peratus fi dan caj yang kena dibayar kepada atau kos caj dan perbelanjaan yang ditanggung atau dibenarkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi;

- (c) deposit atau deposit-deposit yang diserahkan simpan oleh pemiutang pempetisyen menurut Kaedah-Kaedah ini;
- (d) deposit atau deposit-deposit yang diserahkan simpan atas mana-mana permohonan untuk pelantikan seorang penerima interim;
- (e) saraan bagi pengurus khas, jika ada;
- (f) kos yang telah ditetapkan pempetisyen; dan
- (g) saraan dan caj bagi orang, jika ada, yang dilantik oleh Ketua Pengarah Insolvensi dalam membantu penghutang menyediakan penyata hal ehwalnya.

Kos tidak dibenarkan bagi permohonan tidak perlu

84. Apabila suatu petisyen pemiutang telah dikemukakan terhadap penghutang dan sebelum permohonan itu didengar penghutang memfailkan petisyen yang perintah kebangkrapan dibuat ke atasnya, tiada kos boleh dibenarkan kepada penghutang atau peguam cara penghutang daripada estet, melainkan jika mahkamah mempertimbangkan bahawa estet itu telah mendapat manfaat daripada kelakuan penghutang itu atau bahawa dalam keadaan khas kos patut dibenarkan.

Pembahagian kos berkenaan dalam hal perkongsian

85. Dalam hal suatu petisyen kebangkrapan terhadap suatu perkongsian, kos yang kena dibayar daripada estet yang ditanggung sehingga dan termasuk perintah kebangkrapan hendaklah dibahagi antara harta bersama dan berasingan pekongsi dalam kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

Kos kena dibayar daripada estet bersama dan berasingan

86. (1) Jika estet bersama kepunyaan penghutang bersama tidak cukup untuk membayar kos atau caj yang ditanggung dengan sepatutnya sebelum perintah kebangkrapan, Ketua Pengarah Insolvensi boleh membayar kos atau caj itu daripada estet berasingan kepunyaan penghutang bersama atau kepunyaan seorang atau lebih daripada

seorang daripada mereka mengikut kadar yang difikirkan Ketua Pengarah Insolvensi patut.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi boleh juga mengikut budi bicaranya yang difikirkannya patut membayar apa-apa kos atau caj yang ditanggung dengan sepatutnya sebelum diletak hak kepadanya apa-apa estet berasingan daripada harta bersama itu atau daripada mana-mana estet berasingan yang lain dan apa-apa bahagian kos dan caj estet bersama itu yang ditanggung sebelum perintah kebangkrapan yang menyentuh mana-mana estet berasingan daripada estet berasingan itu.

(3) Jika estet bersama penghutang bersama tidak cukup untuk membayar apa-apa kos atau caj yang ditanggung dengan sepatutnya selepas perintah kebangkrapan, Ketua Pengarah Insolvensi boleh membayar kos atau caj itu daripada estet berasingan penghutang bersama atau kepunyaan seorang atau lebih daripada seorang daripada mereka.

(4) Ketua Pengarah Insolvensi boleh juga membayar apa-apa kos atau caj yang ditanggung dengan sepatutnya bagi mana-mana estet berasingan selepas estet itu terletak hak kepadanya daripada estet bersama itu dan apa-apa bahagian kos atau caj estet bersama itu yang ditanggung selepas perintah kebangkrapan yang menyentuh mana-mana estet berasingan daripada estet berasingan itu.

Rayuan

Rayuan

87. Peruntukan dan tatacara yang sedang berkuat kuasa berkenaan dengan rayuan daripada Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa asal sivilnya hendaklah terpakai bagi rayuan dalam kebangkrapan dengan pengubahsuaian yang berikut:

(a) Ketua Pengarah Insolvensi tidak perlu memberi jaminan bagi kos;

(b) masa untuk memasuki rayuan dan menyampaikan notis mengenainya kepada responden hendaklah empat belas hari daripada tarikh

menandatangani, memasuki atau selainnya menyempurnakan penghakiman atau perintah yang dirayu; dan

- (c) tiada rayuan boleh berfungsi sebagai penggantungan prosiding di bawah penghakiman atau perintah yang dirayukan itu melainkan jika mahkamah mengarahkan selainnya.

BAHAGIAN III

PROSIDING MULAI DARIPADA PERBUATAN KEBANKRAPAN SEHINGGA PELEPASAN

Pengisytiharan ketidakupayaan untuk membayar hutang

Bentuk pengisytiharan

88. Pengisytiharan oleh penghutang mengenai ketidakupayaannya membayar hutangnya hendaklah diletakkan tarikh, ditandatangani dan disaksikan oleh Ketua Pengarah Insolvensi, peguam cara atau jaksa pendamai atau Pendaftar.

Notis kebangkrapan

Pengeluaran oleh mahkamah

89. (1) Suatu notis kebangkrapan hendaklah dikeluarkan oleh mahkamah yang petisyen kebangkrapan terhadap penghutang boleh difailkan kemudian.

(2) Seorang pemiutang tidak berhak untuk memohon agar suatu notis kebangkrapan dikeluarkan dengan menggabungkan dua atau lebih penghakiman muktamad.

(3) Seorang pemiutang tidak berhak memohon suatu notis kebangkrapan dikeluarkan terhadap penghutang bersama dalam suatu penghakiman muktamad atau perintah muktamad melainkan jika penghutang itu telah menjalankan perniagaan secara bersama. Jika penghutang itu tidak menjalankan perniagaan secara bersama permohonan hendaklah dibuat supaya dikeluarkan suatu notis kebangkrapan yang

berasingan terhadap setiap seorang penghutang dalam penghakiman muktamad atau perintah muktamad itu.

(4) Dalam kes penghakiman muktamad atau perintah muktamad terhadap suatu perkongsian dan jika pekongsi secara individu tidak disampaikan dengan writ saman dalam guaman yang penghakiman muktamad atau perintah muktamad itu diperoleh, penghakiman muktamad atau perintah muktamad tidak boleh digunakan sebagai asas suatu notis kebangkrapan terhadap seorang kongsi tanpa kebenaran mahkamah.

Pengeluaran notis

90. (1) Apabila memohon untuk dikeluarkan suatu notis kebangkrapan, pemiutang hendaklah—

- (a) mengemukakan kepada Pendaftar suatu salinan pejabat bagi penghakiman atau perintah yang notis itu berasaskannya;
- (b) mengemukakan kepada Pendaftar suatu salinan saman pemula atau writ saman yang notis itu berasaskannya;
- (c) mengemukakan kepada Pendaftar suatu salinan perjanjian yang suatu penghakiman atau perintah dibuat terhadap penghutang;
- (d) memfailkan notis itu, bersama dengan permintaan bagi mengeluarkan; dan
- (e) menyerahkan simpan sejumlah salinan yang mencukupi bagi notis kebangkrapan untuk dimeterai dan dikeluarkan untuk penyampaian.

(2) Jika pemiutang tidak mematuhi kehendak kaedah ini, mahkamah hendaklah menolak notis kebangkrapan itu.

Pengemukakan notis kepada Ketua Pengarah Insolvensi

91. Pemiutang hendaklah mengemukakan suatu salinan notis yang dimeterai atau apa-apa perintah melanjutkan masa untuk menyampaikan notis yang dimeterai itu kepada Ketua Pengarah Insolvensi dengan pos atau selainnya.

Butir-butir hendaklah diendors dalam notis

92. (1) Tiap-tiap notis kebangkrapan hendaklah dicatatkan dengan—

(a) nama dan tempat perniagaan peguam cara yang menyaman notis itu, atau jika tiada peguam cara diguna khidmat, dengan suatu memorandum bahawa notis itu adalah disaman oleh pemiutang secara sendiri;

(b) nama dan nombor kad pengenalan atau pasport penghutang; dan

(c) suatu pemakluman kepada penghutang bahawa jika dia mempunyai apa-apa tuntutan balas, tolakan atau tuntutan silang yang sama banyak atau melebihi jumlah hutang penghakiman, dan yang dia tidak dapat lakukan dalam tindakan yang dalamnya penghakiman atau perintah itu telah diperoleh, dia hendaklah dalam masa yang dinyatakan dalam notis memfailkan suatu affidavit bagi maksud itu kepada Pendaftar.

(2) Bagi kes suatu notis—

(a) yang disampaikan dalam Malaysia, tempoh masanya ialah tujuh hari; dan

(b) yang disampaikan di mana-mana tempat lain, tempoh masanya hendaklah ditetapkan oleh Pendaftar apabila mengeluarkan notis itu.

Permohonan untuk mengetepikan

93. (1) Pemfailan suatu affidavit hendaklah berkuat kuasa sebagai suatu permohonan untuk mengetepikan notis kebangkrapan, dan Pendaftar seterusnya

hendaklah menetapkan suatu hari untuk pendengaran permohonan itu, dan hendaklah memberi notis mengenainya tidak kurang daripada tiga hari bekerja kepada penghutang, pemiutang dan peguam cara mereka masing-masing, jika diketahui.

(2) Jika permohonan tidak dapat didengar sebelum masa yang dinyatakan dalam notis untuk mematuhi kehendaknya, Pendaftar hendaklah melanjutkan masa, dan tiada apa-apa perbuatan kebankrapan boleh disifatkan sebagai telah dilakukan di bawah notis itu sehingga permohonan itu telah didengar dan ditentukan.

Tempoh notis

94. Tertakluk kepada kuasa mahkamah melanjutkan masa itu, suatu notis kebankrapan hendaklah disampaikan dalam tempoh masa tiga bulan daripada pengeluaran notis kebankrapan itu.

Penyampaian notis

95. Suatu notis kebankrapan hendaklah disampaikan dan penyampaian notis kebankrapan itu hendaklah dibuktikan mengikut cara yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah yang menetapkan bagi penyampaian suatu petisyen pemiutang.

Mengetepikan notis

96. Apabila membuat suatu perintah mengetepikan suatu notis kebankrapan, mahkamah boleh mengisytiharkan bahawa tiada tindakan kebankrapan telah dilakukan oleh penghutang di bawah notis itu.

Kebenaran mahkamah untuk selain daripada penjamin sosial

Permohonan untuk kebenaran mahkamah

97. (1) Permohonan untuk kebenaran mahkamah di bawah perenggan (5)(3)(b) Akta hendaklah dibuat melalui saman dalam kamar disokong oleh afidavit dan disampaikan kepada penghutang.

(2) Mahkamah dalam memberikan kebenaran di bawah subkaedah (1) hendaklah berpuas hati bahawa pempetisyen telah menggunakan semua cara pelaksanaan dan penguatkuasaan di bawah subseksyen 5(6) Akta.

(3) Kebenaran sedemikian tidak boleh diberikan kecuali pemiutang pempetisyen telah mematuhi kehendak di bawah kaedah ini.

Petisyen kebankrapan

Bentuk petisyen

98. (1) Semua petisyen hendaklah diletakkan tarikh, ditandatangani dan disaksikan.

(2) Pemiutang atau penghutang hendaklah mengemukakan dengan Pendaftar bilangan yang mencukupi salinan petisyen untuk dimeterai dan dikeluarkan untuk disampaikan.

(3) Pemiutang atau penghutang hendaklah menghantar suatu salinan petisyen yang termeterai kepada Ketua Pengarah Insolvensi melalui pos atau selainnya.

Perihal dan alamat penghutang

99. (1) Apabila suatu petisyen diserahkan oleh penghutang, dia hendaklah memasukkan nama, Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara atau nombor pasport, perihalan, alamatnya pada masa tarikh permohonan itu dikemukakan, dan juga mana-mana alamat yang dia pernah tinggal atau menjalankan perniagaan dan di mana dia telah menanggung hutang dan liabiliti yang masih belum dibayar atau dijelaskan pada tarikh petisyen itu.

(2) Jika suatu petisyen diserahkan terhadap seorang penghutang yang tinggal atau menjalankan perniagaan di suatu alamat lain daripada tempat kediaman atau tempat perniagaannya pada masa melakukan hutang atau liabiliti yang mengenainya petisyen itu diserahkan, pemiutang pempetisyen hendaklah memperihalkan penghutang itu mengikut alamat semasa dan perihalnya, dan sebagai yang dahulunya

tinggal atau menjalankan perniagaan di alamat itu bila hutang atau tanggungan itu telah dilakukan.

Tempat bagi memfailkan petisyen

100. (1) Petisyen itu hendaklah difailkan dalam mahkamah di mana petisyen akan dikemukakan.

(2) Jika penghutang mempunyai sebahagian besar daripada satu tahun sebelum sahaja penyampaian petisyen itu, telah menjalankan perniagaan dalam sebuah negeri dan bermastautin di sebuah negeri lain, petisyen itu boleh difailkan dalam mahkamah negeri di mana dia menjalankan perniagaan itu.

Pengakusaksian

101. (1) Tiap-tiap petisyen kebangkrapan hendaklah diakusaksikan.

(2) Jika pengakusaksian itu—

(a) diakusaksikan di Malaysia, saksi itu mestilah seorang peguam cara, Peguam Persekutuan, Majistret, Ketua Pengarah Insolvensi atau Pendaftar; atau

(b) diakusaksikan di luar Malaysia, saksi itu mestilah seorang Hakim, Majistret, Konsul, Naib-Konsul atau seorang Notari Awam.

Deposit oleh pempetisyen

102. (1) Apabila suatu petisyen dikemukakan, pempetisyen itu hendaklah mendepositkan dengan Ketua Pengarah Insolvensi suatu jumlah wang sebanyak seribu lima ratus ringgit jika seorang penghutang, dan dua ribu ringgit jika seorang pemiutang dan apa-apa jumlah wang tambahan sebagaimana yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Insolvensi untuk menampung fi dan perbelanjaan.

(2) Tiada petisyen boleh diterima melainkan resit Ketua Pengarah Insolvensi bagi deposit itu dikemukakan kepada Pendaftar.

(3) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memasukkan kepada pemiutang atau mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada estet penghutang bagi jumlah yang didepositkan itu dan apa-apa wang yang didepositkan oleh pempetisyen pemiutang melainkan ia dikehendaki atas sebab aset tidak mencukupi bagi membayar fi dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Ketua Pengarah Insolvensi, hendaklah dibayar semula kepada pemiutang daripada hasil estet itu mengikut susunan keutamaan yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini.

(4) Kos bagi menyiarkan apa-apa perintah atau notis di bawah Kaedah-Kaedah ini dalam *Warta* atau surat khabar hendaklah dibayar daripada wang yang didepositkan di bawah subkaedah (1).

Petisyen terhadap firma

103. (1) Apabila difailkan suatu petisyen oleh atau terhadap sebuah firma penghutang atas nama firma itu, pempetisyen itu hendaklah memfailkan suatu pernyataan nama dan alamat pekongsi sebagaimana yang terdapat dalam daftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*] sebagaimana pada tarikh penyerahan petisyen itu.

(2) Jika suatu petisyen difailkan oleh atau terhadap seorang penghutang perseorangan yang menjalankan perniagaan atas suatu nama yang lain daripada namanya sendiri, subkaedah (1) kaedah ini hendaklah terpakai dengan ubah suai yang patut.

Petisyen pemiutang

Jaminan kos

104. Seorang pemiutang pempetisyen yang bermastautin di luar negara atau yang estetnya terletak hak kepada seorang pemegang amanah atau pemegang serah hak di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kebangkrapan atau yang suatu petisyen terhadapnya masih belum selesai di bawah Akta atau yang telah ingkar dalam pembayaran apa-apa kos yang diperintah oleh mana-mana mahkamah supaya

dibayar olehnya kepada penghutang boleh diperintahkan untuk memberi jaminan bagi kos kepada penghutang.

Penentusahan

105. (1) Suatu petisyen pemiutang hendaklah ditentusahkan dengan affidavit.

(2) Seorang pemiutang yang tidak dapat mengesahkan sendiri semua pernyataan yang terkandung dalam petisyennya hendaklah memfailkan suatu affidavit yang dibuat oleh seorang yang boleh mendeposnya.

Pempetisyen bersama

106. Jika suatu petisyen dikemukakan oleh dua atau lebih pemiutang secara bersesama, maka tidak perlu bagi setiap pemiutang itu mendepos tentang kebenaran semua pernyataan yang dalam pengetahuannya sendiri tetapi mencukupi bahawa tiap-tiap suatu pernyataan dalam petisyen itu didepos oleh seorang yang mengetahuinya.

Penyiasatan petisyen

107. Selepas penyerahan petisyen pemiutang dan sebelum salinan petisyen itu dimeterai untuk disampaikan pernyataan dalam petisyen itu hendaklah disiasat oleh Pendaftar dan jika sebahagian daripada pernyataan dalam petisyen itu tidak dapat ditentusahkan oleh affidavit, saksi boleh dipanggil untuk membuktikannya.

Penyampaian petisyen pemiutang

Penyampaian secara sendiri

108. Sesuatu petisyen pemiutang hendaklah disampaikan secara sendiri dan penyampaian hendaklah dibuat oleh seorang pegawai mahkamah, atau oleh pemiutang, atau peguam cara atau seseorang dalam penggajiannya dengan menyerahkan sesalinan petisyen bermeterai kepada penghutang.

Penyampaian ganti

109. (1) Sekiranya mahkamah berpuas hati dengan affidavit atau apa-apa keterangan bersumpah lain yang menyebabkan penyampaian secara sendiri tidak dapat

dilaksanakan di bawah kaedah 108, mahkamah boleh mengarahkan supaya penyampaian ganti dibuat seperti berikut:

- (a) dengan mengiklankan petisyen dalam satu surat khabar tempatan;
- (b) dengan meletakkan petisyen pada papan notis di premis mahkamah;
dan
- (c) apa-apa cara lain yang mahkamah fikirkan sesuai dan adil bagi maksud petisyen itu disedari oleh orang yang hendak disampaikan.

(2) Suatu permohonan untuk penyampaian ganti hendaklah dibuat berdasarkan kaedah 18 Kaedah-Kaedah ini.

(3) Apabila perintah di bawah subkaedah (1) telah dilaksanakan oleh pemiutang, petisyen hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada penghutang.

Bukti penyampaian

110. (1) Penyampaian petisyen hendaklah dibuktikan dengan affidavit.

(2) Affidavit itu bersama dengan suatu salinan petisyen bermeterai dilampirkan dan dirujuk sebagai suatu exhibit hendaklah difailkan dengan mahkamah dengan serta-merta selepas penyampaian.

Kematian penghutang sebelum penyampaian

111. Jika penghutang mati sebelum penyampaian petisyen, mahkamah boleh memerintahkan supaya penyampaian dilaksanakan ke atas wakilnya atau seorang lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penyampaian luar bidang kuasa

112. Jika seorang penghutang yang petisyen dibuat terhadapnya tiada dalam Malaysia, mahkamah boleh memerintahkan supaya penyampaian dibuat dalam suatu tempoh dan dengan apa-apa cara dan bentuk sebagaimana yang difikirkannya patut.

*Pendengaran petisyen***Prosiding bagi petisyen**

113. (1) Jika suatu petisyen difailkan oleh penghutang, mahkamah hendaklah dengan serta-merta membuat suatu perintah kebankrapan.

(2) Suatu petisyen pemiutang tidak boleh didengar sehingga tamatnya tempoh lapan hari dari tarikh penyampaiannya.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), jika perbuatan kebankrapan yang dikatakan itu ialah penghutang telah memfailkan suatu pengisytiharan ketidakupayaan untuk membayar hutangnya atau jika dibuktikan hingga memuaskan hati mahkamah bahawa penghutang telah melarikan diri atau dalam mana-mana kes lain kerana sebab yang baik yang ditunjukkan, mahkamah boleh atas apa-apa syarat jika ada sebagaimana yang mahkamah fikirkan patut untuk dikenakan mendengar petisyen itu pada suatu tarikh yang lebih awal sebagaimana yang difikirkan suai manfaat oleh mahkamah.

Petisyen oleh pemberi pinjam wang

114. Seorang pemiutang pempetisyen yang merupakan seorang pemberi pinjaman wang yang berlesen hendaklah sebagai tambahan kepada peruntukan Akta membuktikan hutangnya dengan suatu affidavit dengan menggabungkan suatu pernyataan menerangkan dengan lengkap butiran yang dikehendaki oleh Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*].

Beberapa responden

115. Jika terdapat lebih daripada seorang responden dalam suatu petisyen, kaedah berkenaan penyampaian hendaklah dipatuhi berkenaan dengan tiap-tiap responden tetapi sekiranya responden masih belum disampaikan, petisyen boleh didengar secara berasingan atau kolektif terhadap responden atau responden itu yang telah menerima penyampaian itu dan berasingan atau bersesama terhadap pihak responden yang pada masa itu belum lagi menerima penyampaian itu mengikut penyampaian yang dilaksanakan ke atas mereka.

Penghutang berniat untuk tunjuk sebab

116. Jika seorang penghutang berniat untuk menunjuk sebab terhadap suatu petisyen, dia hendaklah memfailkan suatu notis sebagaimana dalam Borang 45 dengan Pendaftar menetapkan pernyataan dalam petisyen itu yang dia berniat untuk menafikan atau mempertikaikan dan mengemukakan melalui pos atau dengan selainnya kepada pemiutang pempetisyen dan kepada peguam cara jika diketahui, suatu salinan notis itu tiga hari sebelum hari petisyen itu akan didengar.

Kehadiran penghutang untuk tunjuk sebab

117. Apabila penghutang hadir menunjukkan sebab terhadap petisyen hutang pemiutang pempetisyen dan perbuatan kebangkrapan atau apa-apa jua perkara yang notis di bawah kaedah 116 telah diberi oleh penghutang bahawa dia berniat hendak mempertikaikan hendaklah dibuktikan dan jika sekiranya apa-apa keterangan baharu mengenai perkara-perkara itu atau mana-mana daripada perkara itu diberi atau mana-mana saksi atau saksi-saksi dalam perkara-perkara itu tidak hadir untuk pemeriksaan balas dan masa yang lanjut adalah dikehendaki untuk menunjukkan sebab maka hendaklah mahkamah sekiranya ia berpendapat permohonan itu sebagai munasabah membenarkan apa-apa masa lanjut sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Ketidakhadiran penghutang

118. Jika penghutang gagal untuk hadir pada pendengaran petisyennya sendiri, mahkamah boleh menolak petisyen itu.

Ketidakhadiran pemiutang

119. Jika mana-mana pemiutang cuai untuk hadir dalam petisyennya, tiada apa-apa petisyen berikutnya terhadap penghutang yang sama atau penghutang-penghutang atau mana-mana daripada mereka sama ada secara berseorangan atau bersama dengan mana-mana orang lain, hendaklah diserahkan oleh pemiutang yang sama berkenaan dengan tindakan kebangkrapan yang sama tanpa kebenaran mahkamah.

Kehadiran pemiutang secara peribadi diketepikan

120. Kehadiran peribadi pemiutang pempetisyen dan saksi untuk membuktikan hutang dan perbuatan kebankrapan atau pernyataan material yang lain apabila petisyen didengar boleh diketepikan sekiranya mahkamah fikirkan patut.

Masa pendengaran

121. Pendaftar hendaklah menetapkan masa dan tempat di mana permohonan itu akan didengar dan notis mengenai masa dan tempat hendaklah ditulis dalam petisyen itu dan dalam salinannya yang dimeterai dan jika petisyen itu belum lagi disampaikan Pendaftar boleh dari semasa ke semasa mengubah hari yang mula-mula ditetapkan itu dan menetapkan suatu hari dan waktu lain.

Prosiding selepas perbicaraan bagi soalan yang dipertikaikan

122. Jika prosiding berkenaan suatu petisyen telah digantung untuk perbicaraan berkenaan dengan kesahihan hutang pemiutang pempetisyen dan persoalan itu telah diputuskan memihak kepada kesahihan hutang pemiutang pempetisyen boleh memohon kepada Pendaftar untuk menetapkan suatu hari yang prosiding selanjutnya mengenai petisyen itu boleh didengar dan Pendaftar apabila penghakiman atau suatu salinan pejabat bagi penghakiman itu dikemukakan Pendaftar hendaklah memberi notis kepada pempetisyen melalui pos berkenaan masa dan tempat yang ditetapkan untuk pendengaran petisyen itu dan juga notis yang serupa kepada penghutang di alamat yang diberikan dalam notis untuk mempertikaikan dan juga kepada peguam mereka masing-masing, jika diketahui.

Permohonan untuk menolak

123. Jika prosiding mengenai suatu petisyen telah digantungkan bagi perbicaraan persoalan kesahan hutang pemiutang pempetisyen dan persoalan itu telah diputuskan terhadap kesahan hutang itu, penghutang boleh memohon kepada Pendaftar untuk menetapkan suatu hari yang dia boleh memohon kepada mahkamah bagi penolakan petisyen itu dengan kos dan Pendaftar apabila dikemukakan penghakiman atau suatu salinan pejabat bagi penghakiman itu hendaklah memberi notis kepada pempetisyen atau penghutang (dan juga kepada peguam cara masing-masing jika diketahui) melalui

pos atau selainnya mengenai masa dan tempat yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan itu.

Permohonan bagi pelanjutan masa

124. Suatu permohonan untuk pelanjutan masa bagi pendengaran suatu petisyen hendaklah dibuat secara bertulis tetapi tidak perlu disokong dengan affidavit melainkan dalam mana-mana kes mahkamah menghendaki selainnya.

Perintah bagi pelanjutan masa

125. (1) Atas suatu permohonan untuk pelanjutan masa bagi pendengaran suatu petisyen, tiada perintah hendaklah dibuat untuk lanjutan masa lebih daripada empat belas hari daripada hari yang telah ditetapkan bagi pendengaran petisyen itu melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa pelanjutan masa itu tidak akan memudaratkan pemiutang keseluruhannya.

(2) Apa-apa kos yang disebabkan oleh permohonan itu tidak boleh dibenarkan dibayar daripada estet melainkan jika diperintahkan oleh mahkamah.

Penangguhan pendengaran

126. Selepas tamat tempoh satu bulan daripada hari yang ditetapkan untuk pendengaran yang pertama bagi suatu petisyen (dengan syarat petisyen itu telah disampaikan) tiada penangguhan lanjut bagi pendengaran itu semata-mata dengan persetujuan pihak-pihak boleh dibenarkan melainkan jika penghutang telah memberi notis terlebih dahulu bahawa dia berniat untuk tunjuk sebab terhadap petisyen itu; tetapi dalam tiap-tiap kes itu melainkan jika suatu perintah untuk penangguhan dibuat, mahkamah hendaklah sama ada membuat suatu perintah kebankrapan atau menolak petisyen itu.

Penerima Interim

Pelantikan Penerima Interim

127. Selepas penyerahan suatu petisyen, apabila permohonan seorang pemiutang atau permohonan penghutang sendiri dan apabila dibuktikan dengan affidavit atau atas

alasan yang mencukupi bagi pelantikan Ketua Pengarah Insolvensi sebagai Penerima Interim bagi harta penghutang atau mana-mana bahagian daripada harta itu, mahkamah boleh membuat pelantikan itu jika difikirkannya patut dan atas terma sebagaimana yang adil, membuat pelantikan itu.

Bentuk dan kandungan perintah

128. Jika suatu perintah dibuat melantik Ketua Pengarah Insolvensi sebagai Penerima Interim bagi harta penghutang, perintah itu hendaklah mempunyai nombor petisyen yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat dan hendaklah menyatakan tempat harta yang Ketua Pengarah Insolvensi diperintahkan untuk mengambil milikan dan boleh mengarahkannya untuk mengambil pemilikan dengan serta merta semua buku akaun dan kertas dan dokumen yang lain dimiliki oleh penghutang dan yang berhubungan dengan perniagaan penghutang.

Deposit

129. Apabila perintah di bawah kaedah 128 dikeluarkan, orang yang membuat permohonan bagi Penerima Interim dalam Borang 49 hendaklah menandatangani kepada Ketua Pengarah Insolvensi sejumlah wang sebanyak tiga ratus ringgit bagi fi dan perbelanjaan yang akan ditanggung dan apa-apa jumlah wang tambahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi perbelanjaan yang mungkin ditanggung olehnya.

Deposit tambahan jika perlu

130. Jika sejumlah wang sebanyak tiga ratus ringgit yang didepositkan bagi perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Ketua Pengarah Insolvensi itu terbukti tidak mencukupi, orang yang atas permohonannya perintah itu telah dibuat hendaklah dari semasa ke semasa menandatangani dengan Ketua Pengarah Insolvensi apa-apa jumlah wang tambahan sebagaimana yang dikehendakinya dan jika jumlah wang yang dikehendaki itu tidak didepositkan dalam masa dua puluh empat jam selepas permohonan itu dibuat, perintah melantik Penerima Interim itu boleh dibatalkan oleh mahkamah atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi.

Pembayaran balik deposit

131. Jika suatu perintah melantik seorang Penerima Interim diikuti oleh suatu perintah kebangkrapan, deposit yang dibuat oleh pemiutang yang atas permohonannya Penerima Interim itu dilantik hendaklah dibayar balik kepadanya kecuali dan setakat mana deposit itu mungkin dikehendaki oleh sebab ketidakcukupan aset untuk pembayaran fi yang boleh dikenakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Penerima Interim daripada hasil aset mengikut urutan keutamaan yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini.

Ganti rugi jika petisyen ditolak

132. Jika selepas suatu perintah telah dibuat melantik seorang Penerima Interim petisyen itu ditolak mahkamah hendaklah atas permohonan yang akan dibuat dalam masa dua puluh satu hari daripada tarikh penolakan itu menghakimi berkenaan dengan apa-apa ganti rugi atau tuntutan yang timbul daripada pelantikan itu dan hendaklah membuat perintah sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah dan keputusan atau perintah itu hendaklah muktamad dan konklusif antara pihak-pihak itu melainkan perintah itu dirayu.

*Perintah kebangkrapan***Bentuk dan kandungan**

133. (1) Suatu perintah kebangkrapan hendaklah menyatakan jenis dan tarikh tiap-tiap tindakan kebangkrapan yang atasnya perintah itu dibuat.

(2) Tiap-tiap perintah kebangkrapan hendaklah mengandungi suatu notis menghendaki bankrap itu hadir dengan serta-merta selepas penyampaian perintah itu ke atasnya di hadapan Ketua Pengarah Insolvensi di tempat yang tersebut di dalam notis itu.

(3) Jika pempetisyen diwakili oleh seorang peguam cara, perintah kebangkrapan itu hendaklah diendors dengan nama dan alamat peguam cara itu.

Persediaan

134. Tiap-tiap perintah kebangkrapan dan perintah di bawah kaedah 127, hendaklah disediakan oleh Pendaftar dan dalam hal yang borang bercetak boleh digunakan dengan mudah boleh sebahagiannya bercetak dan sebahagian bertulis.

Penyampaian perintah kebangkrapan

135. Apabila penghutang dihukum bankrap, sekurang-kurangnya tiga salinan perintah kebangkrapan yang telah dimeterai hendaklah dengan serta-merta dihantar melalui pos atau selainnya oleh Pendaftar kepada Ketua Pengarah Insolvensi yang hendaklah menyebabkan suatu salinan perintah kebangkrapan disampaikan kepada bankrap.

Perintah kebangkrapan atas notis kebangkrapan

136. Suatu perintah kebangkrapan tidak boleh dibuat terhadap seorang penghutang—

- (a) atas suatu petisyen yang perbuatan kebangkrapan yang dikatakan itu ialah ketidakpatuhan dengan suatu notis kebangkrapan dalam masa yang ditetapkan apabila penghutang itu telah memohon untuk menyetepikan notis itu sehingga selepas pendengaran permohonan itu; atau
- (b) sekiranya notis itu telah diketepikan; atau
- (c) semasa penggantungan prosiding tetapi dalam hal yang demikian petisyen itu hendaklah ditangguhkan atau ditolak sebagaimana yang mahkamah fikirkan patut.

Menggantung prosiding

137. Suatu perintah menggantung apa-apa tindakan atau prosiding terhadap bankrap atau menggantung prosiding secara am boleh dimasukkan dalam perintah kebangkrapan.

Pengiklanan perintah kebangkrapan

138. Jika suatu perintah kebangkrapan dibuat, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memasukkan suatu notis ke dalam *Warta* dan Ketua Pengarah Insolvensi

hendaklah dengan serta-merta menghantar notis berkenaannya kepada surat khabar tempatan sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa atau dalam ketiadaan arahan itu Ketua Pengarah Insolvensi boleh memilih.

Notis permohonan untuk membatalkan perintah kebangkrapan dan menggantung prosiding

139. (1) Suatu permohonan kepada mahkamah untuk membatalkan suatu perintah kebangkrapan atau untuk menggantung prosiding, tidak boleh didengar kecuali atas bukti bahawa notis permohonan yang dimaksudkan itu, dan suatu salinan affidavit sokongan itu, telah disampaikan kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

(2) Kecuali mahkamah memberi kebenaran sebaliknya, notis mengenai apa-apa permohonan hendaklah disampaikan kepada Ketua Pengarah Insolvensi tidak kurang daripada empat belas hari sebelum hari yang dinamakan dalam notis untuk pendengaran permohonan.

(3) Apabila menunggu pendengaran permohonan, mahkamah boleh membuat suatu perintah interim menggantung prosiding sebagaimana yang difikirkannya patut.

Perintah membatalkan perintah kebangkrapan

140. Apabila suatu perintah kebangkrapan dibatalkan Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memasukkan suatu notis dalam *Warta* dan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah dengan serta-merta menghantar notis kepada surat khabar tempatan sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa atau dalam ketiadaan arahan itu Ketua Pengarah Insolvensi boleh memilih.

Kos petisyen, dsb.

141. (1) Semua prosiding di bawah Akta sehingga dan termasuklah membuat perintah kebangkrapan hendaklah atas kos pihak yang mendakwanya tetapi apabila suatu perintah kebangkrapan dibuat, kos bagi pemiutang pempetisyen termasuklah kos notis kebangkrapan jika ada yang dibawa guaman hendaklah ditetapkan dan kena dibayar daripada aset mengikut urutan keutamaan yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apabila hasil daripada estet tidak mencukupi bagi pembayaran apa-apa kos yang perlu ditanggung oleh Ketua Pengarah Insolvensi yang melebihi deposit antara dalam membuat suatu perintah kebangkrapan dan tamatnya pemeriksaan awam, mahkamah boleh memerintahkan kos yang perlu dibayar oleh pihak yang mendakwa dalam prosiding itu.

Perlindungan bagi kos pemiutang pempetisyen

142. Jika suatu perintah kebangkrapan dibuat atas petisyen penghutang manakala suatu petisyen pemiutang belum selesai terhadapnya, mahkamah boleh memerintahkan supaya kos pemiutang pempetisyen hendaklah dibayar daripada estet.

Pemeriksaan awam bankrap

Masa bagi mengadakan pemeriksaan awam

143. Apabila suatu perintah kebangkrapan telah dibuat terhadap seorang bankrap atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi, mahkamah hendaklah menetapkan suatu hari untuk menjalankan pemeriksaan awam bankrap dan apabila permohonan itu dibuat mahkamah hendaklah melalui suatu perintah menetapkan hari bagi pemeriksaan awam itu dan hendaklah memerintahkan bankrap itu hadir ke mahkamah pada hari dan waktu itu.

Keingkaran oleh bankrap dalam menghadiri pemeriksaan awam

144. Jika bankrap tidak hadir ke pemeriksaan awam pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh mahkamah untuk menjadikan atau meneruskan pemeriksaan awam dan tiada apa-apa sebab yang baik diberi oleh bankrap bagi kegagalan itu maka sah bagi mahkamah apabila dibuktikan hingga memuaskan hati mahkamah bahawa perintah yang menghendaki bankrap itu hadir dalam pemeriksaan awam itu telah disampaikan dan tanpa apa-apa notis selanjutnya kepada bankrap untuk mengeluarkan suatu waran untuk menangkapnya sebagaimana yang diperuntukkan oleh perenggan 28(1)(d) Akta atau untuk membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan adil oleh mahkamah.

Notis kepada pemiutang mengenai pemeriksaan

145. (1) Jika mana-mana perintah dibuat menetapkan masa dan tempat bagi menjalankan pemeriksaan awam seorang bankrap, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyampaikan suatu salinan perintah itu kepada bankrap dan hendaklah memberi kepada pemiutang notis mengenai perintah itu dan mengenai masa dan tempat yang ditetapkan oleh perintah itu.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah juga menghantar suatu notis mengenai perintah kepada mana-mana surat khabar tempatan sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa arahkan atau dalam ketiadaan arahan itu, sebagaimana yang difikirkannya patut oleh Menteri dan hendaklah juga menyebabkan notis bagi perintah itu diwartakan.

Penangguhan *sine die*

146. Jika Mahkamah berpendapat bahawa seorang bankrap tidak menzahirkan hal ehwalnya atau jika bankrap itu tidak hadir ke pemeriksaan awam atau mana-mana penangguhan pemeriksaan awam atau jika bankrap itu tidak mematuhi apa-apa perintah mahkamah berhubung dengan urusan perjalanan akaunnya dan hartanya dan tiada apa-apa sebab yang baik diberi olehnya kerana kegagalan itu, mahkamah boleh menangguhkan pemeriksaan awam itu *sine die* dan boleh membuat apa-apa perintah selanjutnya atau perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Prosiding selepas penangguhan *sine die*

147. (1) Jika suatu pemeriksaan telah ditangguhkan *sine die* dan bankrap berhasrat untuk mendapatkan suatu hari ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan awamnya perbelanjaan bagiewartakan, mengiklan dan memberi notis kepada pemiutang mengenai hari yang akan ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan awam itu hendaklah melainkan jika Ketua Pengarah Insolvensi bersetuju untuk kos itu dibayar daripada estet atas kos bankrap yang hendaklah sebelum mana-mana hari ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan awam itu mendepositkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi suatu jumlah yang difikirkan cukup untuk membayar perbelanjaan itu.

(2) Baki deposit itu setelah kos setelah dibayar perbelanjaan di atas hendaklah dikembalikan kepada bankrap.

Notis prosiding selepas penangguhan *sine die*

148. Dalam mana-mana kes suatu pemeriksaan awam telah ditangguhkan *sine die* dan mahkamah kemudiannya membuat suatu perintah untuk menjalankan pemeriksaan awam itu, notis kepada pemiutang berkenaan masa dan tempat yang ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan awam hendaklah dihantar oleh Ketua Pengarah Insolvensi dan notis hendaklah juga dimasukkan dalam *Warta* dan dalam surat khabar tempatan yang notis untuk mengadakan pemeriksaan awam yang pertama telah dimasukkan tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan itu.

Permohonan untuk perintah mengecualikan pemeriksaan awam

149. (1) Permohonan untuk suatu perintah mengecualikan pemeriksaan awam berkenaan seorang bankrap atau mengarahkan supaya bankrap diperiksa dengan apa-apa cara atau di tempat yang lain daripada yang biasa, atas alasan bahawa bankrap itu orang gila atau menderita daripada keuzuran atau hilang keupayaan mental atau badan yang menjadikan dia tidak layak untuk menghadiri pemeriksaan awam, atau dia berada dalam penjara dan tidak boleh dibawa dengan mudah ke hadapan mahkamah, boleh dibuat oleh Ketua Pengarah Insolvensi, atau oleh mana-mana orang yang telah dilantik oleh mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berbuat demikian untuk mengurus hal ehwal bankrap atau mewakili bankrap, atau oleh mana-mana waris atau sahabat penghutang yang pada pendapat mahkamah ialah seorang yang sesuai untuk membuat permohonan itu.

(2) Jika permohonan itu dibuat oleh Ketua Pengarah Insolvensi, permohonan itu boleh dibuat secara *ex parte*, dan keterangan bagi menyokong permohonan boleh diberi melalui suatu laporan Ketua Pengarah Insolvensi kepada mahkamah, kandungan laporan itu hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai perkara yang dinyatakan di dalamnya.

(3) Jika permohonan itu dibuat oleh orang lain selain daripada Ketua Pengarah Insolvensi, permohonan itu hendaklah dibuat melalui saman dalam kamar,

yang notis itu hendaklah diberikan kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan, hendaklah, apabila bankrap itu menderita hilang keupayaan mental atau badan, kecuali dalam hal seorang gila yang bukan didapati gila melalui penyiasatan, hendaklah disokong dengan suatu affidavit dari seorang pengamal perubatan yang berdaftar tentang keadaan fizikal dan mental bankrap itu.

Komposisi atau skim

Tujuan mesyuarat pemiutang

150. (1) Apabila pemiutang menurut seksyen 18 Akta membuat ketetapan untuk melayani suatu cadangan untuk suatu komposisi atau skim, terma komposisi atau skim itu hendaklah diselesaikan dalam mesyuarat pertama atau dalam penangguhan mesyuarat pertama itu.

(2) Mesyuarat yang kemudiannya itu hendaklah diadakan bagi maksud mengesahkan atau menolak komposisi atau skim itu.

Terma resolusi

151. Tiap-tiap resolusi untuk suatu komposisi atau surat cara yang merangkumi terma cadangan komposisi yang akan dihantar kepada mahkamah menurut seksyen 18 Akta hendaklah, sebagai tambahan kepada butiran lain yang dikehendaki dimasukkan di dalamnya, menyatakan caranya, jika ada, bagaimana pembayaran komposisi itu akan dijamin.

Permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi untuk kelulusan mahkamah

152. (1) Apabila pemiutang mengesahkan suatu komposisi atau skim Ketua Pengarah Insolvensi atau bankrap boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas resolusi mesyuarat, membuat suatu permohonan kepada mahkamah bagi meluluskan komposisi atau skim itu dan Ketua Pengarah Insolvensi tidak boleh dengan membuat permohonan sedemikian disifatkan semestinya untuk menyokong komposisi atau skim itu.

(2) Permohonan hendaklah difailkan dengan kebenaran mahkamah sekiranya permohonan difailkan lebih daripada tiga puluh hari.

(3) Apabila permohonan itu dibuat oleh bankrap, dia hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan, menghantar notis permohonan itu kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

(4) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah tidak kurang daripada tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan menghantar notis mengenainya kepada setiap ahli jawatankuasa perunding, jika ada, dan notis hendaklah dimasukkan dalam *Warta* dan mana-mana surat khabar tempatan yang difikirkannya patut.

Laporan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah difailkan

153. Dalam tiap-tiap hal permohonan kepada mahkamah untuk meluluskan suatu komposisi atau skim, laporan Ketua Pengarah Insolvensi yang dibuat menurut seksyen 18 Akta hendaklah difailkan tidak kurang daripada empat hari sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan itu.

Pendengaran dan rayuan

154. Pada pendengaran mana-mana permohonan kepada mahkamah untuk meluluskan suatu komposisi atau skim, mahkamah hendaklah sebagai tambahan dalam mempertimbangkan laporan Ketua Pengarah Insolvensi mendengar Ketua Pengarah Insolvensi di atasnya dan rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi hendaklah terletak atas Ketua Pengarah Insolvensi daripada mana-mana perintah oleh mahkamah yang dibuat atas permohonan itu.

Keterangan dan perintah

155. (1) Mahkamah sebelum meluluskan suatu komposisi atau skim hendaklah menyiasat perkara lain sebagaimana dikehendaki oleh Akta yang memerlukan bukti bahawa peruntukan di bawah subseksyen 18(1), (2) dan (3) Akta telah dipatuhi.

(2) Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyiarkan dalam *Warta*, notis tiap-tiap perintah yang dibuat atas permohonan untuk meluluskan suatu komposisi atau skim.

Peruntukan dalam komposisi atau skim bagi kos dan caj

156. Apabila suatu komposisi atau skim telah disahkan dengan sewajarnya oleh pemiutang sebagaimana diperuntukkan oleh seksyen 18 Akta atau dalam kebangkrapan kecil di bawah kaedah 226 hingga 236, komposisi atau skim itu tidak boleh diluluskan oleh mahkamah melainkan mahkamah berpuas hati atas laporan Ketua Pengarah Insolvensi bahawa peruntukan telah dibuat bagi pembayaran segala kos, caj dan perbelanjaan yang sepatutnya dan bersampingan dengan prosiding dan semua fi dan peratusan yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

Fi bagi permohonan

157. Fi yang ditetapkan untuk dikenakan bagi dan berkenaan dengan suatu permohonan kepada mahkamah di bawah seksyen 18 Akta boleh dibenarkan dan dibayar daripada aset bankrap dalam mana-mana hal yang terdapat wang yang mencukupi dalam tangan Ketua Pengarah Insolvensi untuk digunakan bagi maksud itu.

Hal Ketua Pengarah Insolvensi menjadi pemegang amanah

158. Dalam tiap-tiap hal komposisi atau skim, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menjadi pemegang amanah bagi maksud menerima dan mengagihkan komposisi atau bagi maksud mentadbir harta penghutang dan menjalankan terma komposisi atau skim mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembetulan kesilapan formal, dsb.

159. Pada masa suatu komposisi atau skim diluluskan, mahkamah boleh membetulkan atau menggantikan apa-apa kesilapan atau peninggalan yang tidak disengajakan atau formal di dalamnya tetapi tiada perubahan isi kandungan pada komposisi atau skim boleh dibuat.

Tiada pembayaran bagi komposisi

160. (1) Apabila suatu komposisi atau skim diterima oleh mahkamah dan keingkaran dibuat dalam mana-mana pembayarannya di bawah komposisi atau skim

oleh penghutang atau Ketua Pengarah Insolvensi sebagai pemegang amanah, tiada apa-apa tindakan untuk menguatkuasakan pembayaran itu boleh dibuat tetapi remedi bagi pemiutang atau Ketua Pengarah Insolvensi sebagai pemegang amanah hendaklah melalui permohonan kepada mahkamah.

(2) Apabila terjadi keingkaran pembayaran apa-apa ansuran terakru disebabkan oleh komposisi atau skim, mahkamah dan bukannya membatalkan komposisi atau skim itu di bawah subseksyen 18(4) Akta boleh dengan serta-merta memasukkan penghakiman muktamad terhadap penghutang bagi jumlah ansuran itu dan Ketua Pengarah Insolvensi atau mana-mana pemiutang boleh mengambil prosiding di bawah Akta ke atas penghakiman muktamad itu.

(3) Mana-mana pemiutang yang berkehendakkan Ketua Pengarah Insolvensi bagi memohon kepada mahkamah untuk menguatkuasakan peruntukan suatu komposisi atau skim hendaklah memberi cagaran sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah Insolvensi dalam apa-apa jumlah yang mencukupi untuk membayar kos yang mungkin bagi Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara itu.

Peletakhakan harta apabila komposisi dibatalkan

161. Jika suatu komposisi atau skim dibatalkan, harta penghutang hendaklah melainkan mahkamah mengarahkan sebaliknya dengan serta-merta terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi tanpa apa-apa perintah khas dibuat.

Dividen di bawah komposisi atau skim

162. Apabila di bawah mana-mana komposisi atau skim peruntukan dibuat untuk pembayaran apa-apa wang kepada pemiutang yang berhak dan apa-apa tuntutan yang buktinya telah diserahkan dipertikaikan, mahkamah boleh jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya jumlah yang mungkin kena dibayar atas tuntutan itu sekiranya disahkan dijamin dengan apa-apa cara yang diarahkan oleh mahkamah sehingga penentuan tuntutan yang dipertikaikan itu diputuskan dan apabila tuntutan itu diputuskan jumlah yang dijamin itu hendaklah dibayar sebagaimana diarahkan oleh mahkamah.

Bukti hutang dalam komposisi

163. (1) Tiap-tiap orang yang mengaku sebagai seorang pemiutang di bawah mana-mana komposisi atau skim perkiraan, yang belum membuktikan hutangnya sebelum komposisi atau skim itu diluluskan hendaklah menyerahkan buktinya kepada Ketua Pengarah Insolvensi yang akan menerima atau menolak bukti itu.

(2) Tiada pemiutang berhak menguatkuasakan pembayaran mana-mana bahagian jumlah yang kena dibayar di bawah suatu komposisi atau skim melainkan dan sehingga dia telah membuktikan hutang dan buktinya telah diterima.

*Pernyataan hal ehwal***Pemeriksaan pernyataan hal ehwal**

164. (1) Sebaik sahaja perintah kebangkrapan dibuat, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah mengemukakan kepada bankrap dengan suatu salinan arahan untuk penyediaan pernyataan hal ehwalnya.

(2) Pernyataan hal ehwalnya hendaklah dibuat salinan dan satu salinan hendaklah disahkan.

(3) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah juga memberikan bankrap dengan semua penjelasan yang diperlukan olehnya dalam penyediaan pernyataan tersebut.

(4) Ketua Pengarah Insolvensi atau orang yang diwakilnya hendaklah memeriksa pernyataan hal ehwal bankrap bagi maksud menyiasat hal ehwalnya dan untuk menentukan sama ada estetnya hendaklah ditadbir di bawah seksyen 106 Akta.

(5) Hendaklah menjadi kewajipan bankrap untuk menghadiri pada masa dan tempat sebagaimana yang Ketua Pengarah Insolvensi tetapkan untuk pemeriksaan.

(6) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memfailkan ke mahkamah pernyataan hal ehwal yang telah disahkan yang dihantar olehnya kepada bankrap.

Pelanjutan masa untuk memfail

165. Jika bankrap memerlukan masa lanjutan untuk mengemukakan pernyataan hal ehwalnya dia hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah Insolvensi yang boleh jika dia fikirkan patut memberikan suatu perakuan bertulis melanjutkan masa itu.

Penyelesaian senarai penghutang kepada estet

Penyampaian notis di bawah seksyen 32

166. Notis di bawah seksyen 32 Akta hendaklah disampaikan secara kediri atau melalui pos berdaftar kepada orang yang dikatakan berhutang kepada estet.

Bukti hutang

Sumpah keterangan

167. (1) Suatu affidavit mengenai bukti hutang boleh diangkat sumpah di hadapan mana-mana pegawai yang diberi kuasa mentadbirkan sumpah.

(2) Seorang pemiutang yang merupakan seorang pemberi pinjaman wang yang berlesen di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*] hendaklah menunjukkan bersama affidavit bukti hutang suatu pernyataan yang mematuhi peruntukan Akta 400 dan jika pernyataan itu tidak ditunjukkan tuntutan itu hendaklah ditolak.

Gaji pekerja

168. (1) Dalam mana-mana hal yang terdapat daripada pernyataan hal ehwal bankrap bahawa terdapat tuntutan gaji daripada buruh atau pekerja dan orang lain yang digaji oleh bankrap, memadai jika satu bukti bagi kesemua tuntutan itu dibuat sama ada oleh bankrap atau oleh formennya atau oleh seorang lain bagi pihak kesemua pemiutang itu.

(2) Bukti di bawah subkaedah (1) hendaklah dilampirkan menjadi sebahagian daripadanya suatu jadual menyatakan nama buruh atau pekerja dan orang lain dan jumlah wang yang kena dibayar kepada mereka masing-masing dan apa-apa bukti yang

dibuat menurut kaedah ini hendaklah berkuat kuasa sama seperti seolah-olah bukti berasingan telah dibuat tiap-tiap seorang daripada buruh atau pekerja dan orang lain yang tersebut.

Pengemukakan bil pertukaran dan nota janji

169. Apabila seorang pemiutang meminta membuktikan berkenaan dengan suatu bil pertukaran, nota janji atau surat cara boleh niaga atau cagaran yang penghutang bertanggung atasnya bil pertukaran, nota, instrumen atau cagaran itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa perintah oleh mahkamah yang dibuat berlawanan, dikemukakan kepada Ketua Pengarah Insolvensi sebelum bukti itu boleh diterima sama ada untuk mengundi atau untuk dividen.

Masa untuk menyerahkan bukti

170. Suatu bukti yang hendak digunakan dalam mesyuarat pertama pemiutang hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum masa yang dinyatakan bagi maksud itu dalam notis mengadakan mesyuarat itu.

Bukti yang dimaksudkan untuk digunakan dalam mesyuarat yang ditangguhkan

171. Suatu bukti yang dimaksudkan untuk digunakan dalam suatu penangguhan mesyuarat pertama jika tidak diserahkan dalam masanya untuk mesyuarat pertama itu, mestilah diserahkan tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum masa yang ditetapkan bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Prosedur jika pemiutang merayu

172. (1) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah dalam masa empat belas hari selepas menerima notis daripada seorang pemiutang mengenai niatnya untuk merayu terhadap keputusan yang menolak bukti memfailkan bukti itu dengan Pendaftar bersama dengan suatu memorandum atasnya mengenai penolakannya itu.

(2) Setelah rayuan itu didengar oleh mahkamah bukti itu kecuali ditolak sepenuhnya hendaklah dikembalikan kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

Masa untuk Ketua Pengarah Insolvensi menerima atau menolak bukti

173. Tertakluk kepada kuasa mahkamah untuk melanjutkan masa, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah tidak melebihi daripada empat belas hari dari tarikh terakhir yang dinyatakan dalam notis mengenai niatnya untuk mengisytiharkan dividen sebagai masa yang dalamnya bukti itu mesti diserahkan hendaklah secara bertulis sama ada menerima atau menolak kesemua atau sebahagian tiap-tiap bukti yang diserahkan kepadanya atau memerlukan bukti lanjut bagi menyokongnya.

Notis penerimaan bukti

174. Apabila bukti pemiutang telah diterima notis dividen hendaklah menjadi pemberitahuan yang mencukupi kepada pemiutang berkenaan penerimaan itu.

Rayuan dari penolakan bukti

175. Tertakluk kepada kuasa mahkamah untuk melanjutkan masa, tiada apa-apa permohonan untuk mengakas atau mengubah keputusan Ketua Pengarah Insolvensi dalam menolak suatu keterangan hendaklah dilayan selepas tamat tempoh dua puluh satu hari dari tarikh keputusan diterima.

Kos bagi rayuan dari keputusan tentang bukti

176. Ketua Pengarah Insolvensi tidak boleh dalam mana-mana hal bertanggung sendiri bagi kos berhubung dengan suatu rayuan terhadap keputusannya menolak apa-apa bukti sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya.

*Hak milik harta yang dipertikaikan***Tuntutan terhadap harta dalam tangan Ketua Pengarah Insolvensi akan diputuskan secara terus dengan saman**

177. Apabila harta dari apa-apa jenis diambil atau secara lain diambil milik oleh Ketua Pengarah Insolvensi di bawah perintah kebangkrapan, dan harta itu dituntut oleh mana-mana orang lain selain daripada bankrap, tuntutan itu bolehlah ditentukan oleh mahkamah secara terus atas suatu saman untuk memutuskan hak bagi harta itu yang akan diambil oleh pihak yang menuntut itu terhadap Ketua Pengarah Insolvensi atau oleh Ketua Pengarah Insolvensi terhadap pihak yang menuntut itu, dengan syarat

bahawa mahkamah sentiasa boleh, apabila saman itu didengarkan, membuat apa-apa perintah untuk perbicaraan dan pemutusan hak bagi pihak itu sebagaimana difikirkannya suai manfaat, dan bagi penjagaan atau penjualan sementara harta yang dipertikaikan itu, dan kos baginya.

Saman hendaklah dikeluarkan oleh Pendaftar

178. Saman bagi memutuskan hak milik bagi harta boleh dikeluarkan oleh Pendaftar tanpa membuat permohonan kepada seorang Hakim.

Apabila saman dikeluarkan prosiding terhadap Ketua Pengarah Insolvensi digantung

179. Apabila suatu saman dikeluarkan, apa-apa prosiding yang mungkin telah dimulakan terhadap Ketua Pengarah Insolvensi mengenai apa-apa harta yang dipertikaikan itu sebagaimana tersebut di atas hendaklah digantung dan tidak boleh diteruskan tanpa kebenaran mahkamah.

Dividen

Notis niat untuk mengisytiharkan dividen

180. (1) Tidak lebih daripada dua bulan sebelum mengisytiharkan dividen, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberi notis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dalam *Warta* dan pada masa yang sama kepada mana-mana pemiutang yang dinyatakan dalam pernyataan hal ehwal bankrap itu sebagai belum membuktikan hutang mereka dan notis itu hendaklah menyatakan tarikh yang terkini yang bukti mesti diserahkan dan tarikh itu tidak boleh kurang daripada dua puluh satu hari dari tarikh notis itu.

(2) Apabila mana-mana pemiutang selepas tarikh yang disebutkan dalam notis mengenai niat untuk mengisytiharkan dividen sebagai tarikh terkini apabila bukti boleh diserahkan merayu terhadap keputusan Ketua Pengarah Insolvensi menolak bukti suatu rayuan tertakluk kepada kuasa mahkamah melanjutkan masa dalam hal khas rayuan itu hendaklah dimulakan dan notis mengenainya diberi kepada Ketua Pengarah Insolvensi dalam masa tujuh hari dari tarikh notis mengenai keputusan yang

terhadapnya rayuan itu dibuat dan dalam hal yang demikian Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah mengadakan peruntukan untuk dividen itu apabila bukti itu diterima dan untuk kos yang mungkin bagi rayuan itu sekiranya bukti itu diterima dan jika tiada apa-apa rayuan telah dimulakan dalam masa yang dinyatakan dalam kaedah ini Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyingkirkan segala bukti yang telah ditolak daripada mengambil bahagian dalam dividen ini.

(3) Sebaik selepas habis tempoh masa yang ditetapkan oleh kaedah ini bagi merayu terhadap keputusan Ketua Pengarah Insolvensi itu, dia hendaklah meneruskan untuk mengisytiharkan dividen dan hendaklah memberi notis mengenainya dalam *Warta* dan hendaklah juga menghantar suatu notis mengenai dividen kepada setiap pemiutang yang buktinya telah diterima.

(4) Ketua Pengarah Insolvensi selepas mengisytiharkan dividen hendaklah menyediakan suatu senarai dividen mengandungi nama dan alamat pemiutang berserta jumlah bukti dan dividen yang satu salinan hendaklah dihantar kepada Pendaftar untuk difailkan dalam mahkamah bersama-sama prosiding kebangkrapan dan jika Akaun Estet Kebankrapan disimpan di Perbendaharaan satu salinan senarai dividen itu hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan bagi maksud membolehkan ia menyediakan cek, pembayaran elektronik atau dalam apa-apa cara lain bagi dividen itu.

(5) Jika pada pendapat Ketua Pengarah Insolvensi pengisytiharan dividen perlu ditangguh melebihi had dua bulan sebagaimana yang ditetapkan dan dia hendaklah memasukkan suatu notis baharu mengenai niatnya untuk mengisytiharkan dividen dalam *Warta*, tetapi tidaklah perlu memberi notis baharu kepada pemiutang yang disebutkan dalam pernyataan hal ehwal bankrap itu yang belum membuktikan hutang mereka dan dalam segala perkara lain prosedur yang sama hendaklah mengikuti notis baharu mengikuti notis asal.

Pengemukakan bil, nota, dsb.

181. Tertakluk kepada kuasa mahkamah dalam mana-mana kes atas alasan khas untuk membenarkan supaya pengemukakan tidak diperlukan dengan tiap-tiap bil pertukaran, nota janji hutang atau surat cara lain yang boleh diniagakan atau cagaran

yang mengenainya bukti telah dibuat hendaklah ditunjukkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi sebelum dividen dibayar atasnya dan jumlah dividen yang dibayar hendaklah disahkan dalam surat cara itu.

Pembayaran dividen

182. Dividen hendaklah dibayar oleh Ketua Pengarah Insolvensi melalui cek, pembayaran elektronik atau apa-apa cara lain sebagaimana ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi daripada Akaun Estet Kebankrapan, yang Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menguruskan supaya dihantar secara terus kepada pemiutang oleh Perbendaharaan.

Pelepasan oleh mahkamah

Permohonan pelepasan di bawah seksyen 33

183. (1) Suatu permohonan oleh bankrap di bawah seksyen 33 Akta kepada mahkamah hendaklah disertai dengan perakuan daripada Ketua Pengarah Insolvensi menyatakan jumlah pemiutang yang diketahuinya sama ada telah membuktikan atau belum.

(2) Pendaftar hendaklah tidak kurang daripada dua puluh lapan hari sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan memberi notis berkenaan masa dan tempat pendengaran permohonan kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

(3) Pendaftar hendaklah menyiarkan notis itu dalam *Warta* dan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menghantar suatu salinan notis itu kepada setiap pemiutang yang telah membuktikan tidak kurang daripada empat belas hari sebelum hari yang ditetapkan itu.

Laporan Ketua Pengarah Insolvensi

184. (1) Dalam setiap kes suatu permohonan oleh bankrap untuk pelepasannya, laporan Ketua Pengarah Insolvensi yang dibuat menurut seksyen 33 Akta hendaklah difailkan tidak kurang daripada tujuh hari sebelum masa yang ditetapkan untuk

pendengaran permohonan itu, dan suatu salinannya hendaklah dihantar kepada bankrap melalui pos berdaftar.

(2) Apabila seorang bankrap berniat untuk mempertikaikan suatu pernyataan tentang kelakuan dan hal ehwalnya yang terkandung dalam laporan Ketua Pengarah Insolvensi, dia hendaklah tidak kurang daripada tiga hari sebelum pendengaran permohonan untuk pelepasan memberi notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah Insolvensi menyatakan pernyataan dalam laporan yang dia berniat untuk pertikaikan dalam pendengaran itu.

(3) Sekiranya seorang pemiutang yang telah membuktikan berniat untuk membantah pelepasan bankrap, dia hendaklah memberi notis mengenai bantahannya dengan menyatakan alasannya kepada Ketua Pengarah Insolvensi tidak kurang daripada tiga hari sebelum pendengaran permohonan itu.

Perintah bersyarat di bawah subseksyen 33(10)

185. Apabila di bawah subseksyen 33(10) Akta, mahkamah membenarkan suatu perintah pelepasan bersyarat ke atas bankrap bersetuju dengan penghakiman yang dimasukkan terhadapnya oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi apa-apa baki atau sebahagian daripada baki hutang yang dibuktikan di bawah kebangkrapan itu yang belum dijelaskan pada tarikh pelepasannya, mahkamah tidak boleh mengeluarkan perintah pelepasan itu sehingga bankrap telah memberi persetujuan yang diperlukan terhadap penghakiman itu.

Pelaksanaan atas penghakiman bagi pelepasan bersyarat

186. (1) Suatu permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi untuk kebenaran mengeluarkan pelaksanaan atas penghakiman di bawah subseksyen 33(10) Akta hendaklah secara bertulis dan hendaklah menyatakan dengan ringkasnya alasan permohonan itu dibuat dan apabila permohonan diserahkan oleh mahkamah hendaklah menetapkan hari untuk pendengarannya.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberi notis mengenai permohonan itu kepada penghutang tidak kurang daripada lapan hari sebelum hari

yang ditetapkan bagi pendengarannya dan hendaklah pada masa yang sama memberi kepadanya suatu salinan permohonan itu.

Notis mengenai harta yang diperolehi kemudian kepada Ketua Pengarah Insolvensi

187. Apabila seorang bankrap dilepaskan tertakluk kepada syarat bahawa penghakiman hendaklah dimasukkan terhadapnya di bawah seksyen 33 Akta atau tertakluk kepada apa-apa syarat lain tentang hartanya yang diperolehi kemudian hendaklah menjadi kewajipannya sehingga penghakiman atau syarat itu dipenuhi dari semasa ke semasa memberi kepada Ketua Pengarah Insolvensi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki olehnya mengenai hartanya yang diperolehi kemudian dan tidak kurang daripada sekali setahun memfailkan ke mahkamah suatu pernyataan menunjukkan butir-butir mengenai apa-apa harta atau pendapatan yang mungkin telah diperolehinya selepas pelepasannya.

Siasatan terhadap harta yang diperolehi kemudian

188. (1) Apa-apa pernyataan mengenai harta atau pendapatan yang diperolehi kemudian yang difailkan oleh seorang bankrap yang pelepasannya telah diberikan tertakluk kepada syarat, hendaklah disahkan dengan afidavit, dan Ketua Pengarah Insolvensi boleh menghendaki bankrap hadir di hadapan mahkamah untuk diperiksa atas sumpah berkenaan dengan pernyataan yang terkandung dalam afidavit itu, atau tentang gaji, pendapatan, hartanya yang diperolehi kemudian, atau urusannya.

(2) Apabila seorang bankrap gagal memfailkan afidavit itu atau tidak hadir di hadapan mahkamah untuk pemeriksaan apabila dikehendaki berbuat demikian, atau tidak menjawab dengan betulnya segala soalan sebagaimana yang dikemukakan atau dibenar dikemukakan oleh mahkamah kepadanya, mahkamah boleh, atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi membatalkan perintah pelepasan itu.

Kos bagi permohonan

189. Seorang bankrap tidak berhak mendapat apa-apa kos bagi atau bersampingan dengan permohonannya untuk pelepasannya yang dibenarkan baginya daripada estetnya.

Rayuan

190. Suatu rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi hendaklah terletak atas permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi dari apa-apa perintah mahkamah yang dibuat atas permohonan itu.

Penyerahan perintah

191. Perintah mahkamah yang dibuat atas suatu permohonan untuk pelepasan hendaklah bertarih pada hari perintah itu dibuat dan hendaklah berkuat kuasa pada dan mulai dari hari tarikhnya tetapi perintah itu tidak boleh diserahkan atau diwartakan sehingga selepas tamat tempoh masa yang dibenarkan untuk rayuan atau sekiranya suatu rayuan dibuat, sehingga selepas keputusan mahkamah yang lebih tinggi mengenainya.

Perakuan bagi pengalihan ketidaklayakan di bawah seksyen 36

192. Mahkamah boleh, dengan permohonan oleh bankrap yang tidak layak di bawah subseksyen 36(1) Akta, memberikan perakuan pengalihan ketidaklayakan dalam Borang 95.

Pewartaan

193. Apabila masa untuk rayuan telah tamat atau mengikut mana-mana yang berkenaan apabila rayuan telah diputuskan oleh mahkamah yang lebih tinggi, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menghantar notis perintah itu kepada *Warta*.

Pelepasan bankrap melalui perakuan Ketua Pengarah Insolvensi

Notis niat untuk mengeluarkan perakuan di bawah seksyen 33A

194. Tiap-tiap notis tentang niat Ketua Pengarah Insolvensi untuk mengeluarkan suatu perakuan melepaskan bankrap daripada kebankrapan di bawah subseksyen 33B(1) Akta hendaklah dalam Borang 96.

Notis bantahan oleh pemiutang di bawah seksyen 33B

195. Tiap-tiap notis bantahan pemiutang terhadap pengeluaran perakuan melepaskan bankrap di bawah subseksyen 33B(2) Akta hendaklah dalam Borang 97.

Permohonan oleh pemiutang untuk perintah di bawah subseksyen 33B(4)

196. Tiap-tiap permohonan oleh pemiutang di bawah subseksyen 33B(4) Akta hendaklah sebagaimana dalam Borang 98 dan disokong dengan suatu affidavit.

Perakuan pelepasan di bawah seksyen 33A

197. Suatu perakuan melepaskan seorang bankrap daripada kebangkrapan di bawah subseksyen 33A(1) Akta hendaklah sebagaimana dalam Borang 99.

Pemberitahuan pelepasan

198. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memaklumkan pelepasan bankrap kepada Pendaftar secara bertulis.

Pelepasan automatik

Notis sumbangan sasaran

199. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberi secara bertulis suatu notis sumbangan sasaran kepada bankrap dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh keputusan dibuat olehnya.

Notis pelepasan di bawah subseksyen 33C(3)

200. (1) Tiap-tiap notis pelepasan bankrap daripada kebangkrapan hendaklah sebagaimana dalam Borang 100.

(2) Notis di bawah subkaedah (1) tidak boleh dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi kepada pemiutang sekiranya bankrap gagal memenuhi kehendak di bawah subseksyen 33C(1) Akta.

Permohonanan bantahan oleh pemiutang di bawah subseksyen 33C(4)

201. Tiap-tiap permohonan bantahan oleh pemiutang untuk melepaskan bankrap di bawah subseksyen 33C(4) Akta hendaklah sebagaimana dalam Borang 101 dan disokong oleh affidavit.

Perakuan pelepasan automatik di bawah seksyen 33c

202. Suatu perakuan pelepasan automatik di bawah subseksyen 33c(9) Akta hendaklah sebagaimana dalam Borang 102.

Pemberitahuan pelepasan

203. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memaklumkan pelepasan bankrap kepada Pendaftar secara bertulis.

Proksi dan surat undi

Pemfailan proksi

204. (1) Proksi atau surat undi hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi tidak lewat daripada pukul dua belas pada hari sebelum mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan yang proksi atau surat undi itu hendak digunakan.

(2) Sebaik sahaja proksi atau surat undi digunakan, ia hendaklah difailkan bersama dengan prosiding dalam perkara itu.

Proksi oleh firma

205. Proksi yang diberi oleh suatu firma atau seorang yang menjalankan perniagaan hendaklah disifatkan sebagai dilaksanakan dengan sempurna sekiranya diisi dan ditandatangani oleh seorang yang mempunyai kuasa am untuk menandatangani bagi pihak firma atau orang itu dan kuasa itu hendaklah secara bertulis.

Proksi jika pemiutang seorang buta, dsb.

206. Proksi bagi seorang pemiutang yang buta atau tidak berupaya menulis boleh diterima sekiranya pemiutang itu telah melampirkan tandatangan atau menandainya dengan kehadiran seorang saksi yang hendaklah selain daripada tandatangannya menyatakan perihal dan tempat kediamannya; dan dengan syarat bahawa segala kemasukan dalam proksi itu dalam tulisan saksi dan saksi itu telah memperakui di kaki proksi itu bahawa segala kemasukan itu telah dibuat olehnya atas permohonan pemiutang dan dengan kehadiran pemiutang sebelum dia melampirkan tandatangan atau tandanya.

Orang belum dewasa tidak boleh menjadi proksi

207. Tiada orang belum dewasa boleh dilantik menjadi proksi am atau proksi khas.

Mesyuarat pemiutang

Notis kepada bankrap mengenai mesyuarat pertama

208. (1) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menetapkan masa dan tempat bagi mesyuarat pertama atau apa-apa mesyuarat seterusnya bagi pemiutang dan hendaklah dengan serta-merta memberi notis kepada pemiutang itu dan hendaklah menyebabkan notis mengenai mesyuarat pertama atau apa-apa mesyuarat seterusnya itu diwartakan dan disiarkan dalam surat khabar tempatan.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberi tiga hari notis kepada bankrap mengenai masa dan tempat yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

(3) Bankrap hendaklah menghadiri mesyuarat pertama walaupun notis itu tidak dihantar kepadanya atau tidak sampai kepadanya.

(4) Jika tidak mungkin diadakan mesyuarat pertama bagi pemiutang dalam masa yang dinyatakan dalam Jadual A Akta, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah membuat suatu permohonan kepada mahkamah untuk pelanjutan masa.

Notis tidak diterima oleh pemiutang

209. Apabila suatu mesyuarat pemiutang dipanggil oleh notis, prosiding dan resolusi yang diluluskan pada mesyuarat itu hendaklah melainkan jika mahkamah memerintahkan selainnya sah walau apapun beberapa pemiutang tidak menerima notis yang dihantar kepada mereka.

Bukti notis

210. Suatu afidavit oleh Ketua Pengarah Insolvensi atau pegawai mahkamah lain atau peguam cara dalam perkara itu atau oleh kerani mana-mana orang itu bahawa notis itu telah diposkan hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi yang notis itu telah dihantar kepada orang yang dialamatkan itu.

Kos memanggil mesyuarat

211. Kos bagi memanggil suatu mesyuarat pemiutang atas permohonan mana-mana orang lain selain daripada Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah dibayar oleh orang yang telah memohon mesyuarat itu dipanggil hendaklah dibayar balik kepadanya daripada estet sekiranya mahkamah mengarahkan sedemikian.

Salinan resolusi untuk Pendaftar

212. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menghantar kepada Pendaftar suatu salinan yang diperakui olehnya tiap-tiap resolusi mesyuarat pemiutang.

Penangguhan

213. Apabila suatu mesyuarat pemiutang ditangguhkan, mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat yang sama sebagaimana tempat asal mesyuarat itu melainkan dalam resolusi atau penangguhan itu tempat lain ditentukan.

Korum

214. Dalam pengiraan korum pemiutang yang hadir dalam suatu mesyuarat orang yang berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu hendaklah diambil kira.

Prosiding oleh perbadanan

Pegawai perbadanan, dsb.

215. (1) Apabila suatu perbadanan menyerahkan suatu petisyen atau mengambil apa-apa tindakan lain di bawah Akta, pegawai perbadanan itu boleh bertindak atas namanya sendiri, menyatakan bahawa dia adalah pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah meterai tetapi suatu petisyen boleh diserahkan oleh perbadanan itu, dan ditandatangani oleh pegawai itu bagi pihak perbadanan.

(2) Mana-mana orang yang dipilih oleh perbadanan untuk bertindak bagi pihaknya sebagai ejen, adalah seorang “pegawai” dalam pengertian seksyen 133 Akta, dan sekiranya diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah meterai boleh bertindak bagi pihak perbadanan itu.

*Prosiding oleh atau terhadap firma***Pengakusaksian tandatangan firma**

216. Apabila mana-mana notis, pengisytiharan, petisyen atau dokumen lain yang memerlukan pengakusaksian ditandatangani oleh suatu firma pemiutang atau penghutang atas nama firma itu orang yang menandatangani bagi pihak firma itu hendaklah menambah juga tandatangannya sendiri, sebagai contoh, "Brown & Co., oleh James Green, seorang pekongsi dalam firma tersebut".

Penyampaian kepada firma

217. Mana-mana notis atau petisyen yang perlu disampaikan secara kediri hendaklah disifatkan sebagai disampaikan kepada semua ahli suatu firma sekiranya disampaikan di tempat perniagaan utama firma itu dalam Malaysia kepada mana-mana pekongsi atau kepada mana-mana orang yang pada masa penyampaian itu mempunyai kuasa mengawal atau mengurus perniagaan perkongsian itu.

Petisyen penghutang oleh firma

218. Apabila suatu firma penghutang memfailkan suatu pengisytiharan ketidakupayaan untuk membayar hutangnya atau petisyen kebangkrapan yang sama hendaklah mengandungi nama penuh tiap-tiap pekongsinya dan sekiranya pengisytiharan atau petisyen kebangkrapan itu ditandatangani atas nama firma itu pengisytiharan atau petisyen kebangkrapan itu hendaklah disertakan dengan suatu affidavit yang dibuat oleh pekongsi yang menandatangani pengisytiharan atau petisyen kebangkrapan menunjukkan bahawa semua pekongsi itu bersetuju dalam pemfailan itu.

Pernyataan hal ehwal

219. Dalam hal perkongsian, bankrap hendaklah menghantar suatu pernyataan mengenai hal ehwal perkongsian mereka dan tiap-tiap bankrap hendaklah menghantar suatu pernyataan mengenai hal ehwalnya yang berasingan.

Perintah kebangkrapan terhadap pekongsi

220. Tiada apa-apa perintah kebangkrapan boleh dibuat terhadap suatu firma atas nama firma itu tetapi hendaklah dibuat terhadap tiap-tiap pekongsinya.

*Harta bersama dan harta berasingan***Mesyuarat pertama**

221. Apabila suatu perintah kebangkrapan dibuat terhadap suatu firma, pemiutang bersama dan pemiutang berasingan hendaklah secara kolektif mengadakan mesyuarat pertama pemiutang.

Komposisi, dsb.

222. (1) Dalam mesyuarat pertama atau dalam mana-mana penangguhan Mesyuarat Pertama, pemiutang bersama dan tiap-tiap set pemiutang berasingan boleh secara berasingan melayan cadangan untuk komposisi atau skim perkiraan di bawah seksyen 18 Akta.

(2) Setakat yang keadaan akan membenarkan, suatu cadangan yang dilayan oleh pemiutang bersesama boleh disahkan dan diluluskan dalam cara yang ditetapkan walau apapun cadangan seorang atau sebahagian daripada bankrap yang dibuat kepada pemiutang yang berasingannya, tidak akan dilayan, disahkan dan diluluskan.

Pengundian dalam komposisi

223. (1) Jika cadangan untuk komposisi atau skim dibuat oleh suatu firma dan pekongsi secara individu, cadangan yang dibuat kepada pemiutang bersesama hendaklah dipertimbangkan dan diundi oleh mereka selain daripada tiap-tiap set pemiutang yang berasingan dan cadangan yang dibuat kepada tiap-tiap set pemiutang hendaklah dipertimbangkan dan diundi oleh set pemiutang yang berasingan itu selain daripada semua pemiutang yang lain.

(2) Cadangan di bawah subkaedah (1) boleh berubah sifat dan jumlahnya.

(3) Jika suatu komposisi atau skim diluluskan, perintah kebangkrapan hendaklah dibatalkan hanya setakat yang berkaitan dengan aset pemiutang yang telah mengesahkan komposisi atau skim itu.

Perintah kebankrapan

224. Jika suatu perintah kebankrapan dibuat terhadap seseorang pekongsi suatu perkongsian, setiap set pemiutang yang berasingan boleh melantik jawatankuasa perundingnya sendiri tetapi jika mana-mana set pemiutang yang berasingan tidak melantik suatu jawatankuasa yang berasingan, jawatankuasa itu, sekiranya ada, yang dilantik oleh pemiutang bersejajam hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik juga oleh pemiutang yang berasingan itu.

Firma berasingan

225. (1) Jika dua atau lebih daripada ahli suatu perkongsian menubuhkan suatu firma yang lain, pemiutang bagi firma yang lain itu hendaklah disifatkan sebagai set pemiutang yang berasingan dan sebagai sama tarafnya dengan pemiutang yang berasingan bagi mana-mana ahli firma itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lebihan yang terbit semasa mentadbir aset firma yang lain itu hendaklah dipindahkan kepada aset yang berasingan kepunyaan pekongsi dalam firma yang lain itu mengikut hak mereka masing-masing dalamnya.

*Orang gila***Orang gila**

226. Jika mana-mana bankrap atau pemiutang adalah orang gila yang bukan didapati gila melalui penyiasatan, mahkamah boleh melantik mana-mana orang yang difikirkannya patut bagi melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki oleh Akta atau Kaedah-Kaedah ini yang dilakukan oleh bankrap atau pemiutang itu.

BAHAGIAN IV
KEBANKRAPAN KECIL

Laporan kepada mahkamah

227. (1) Setelah pemeriksaan pernyataan hal ehwal di bawah kaedah 164, Ketua Pengarah Insolvensi berpuas hati bahawa kes itu hendaklah ditadbir di bawah

seksyen 106 Akta, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memfailkan suatu laporan kepada mahkamah dalam tempoh tiga puluh hari bekerja daripada tarikh pemeriksaan.

(2) Mahkamah apabila menerima laporan di bawah subkaedah (1) hendaklah membuat suatu perintah yang estet bankrap hendaklah ditadbir secara ringkas.

(3) Apabila estet diperintahkan untuk ditadbir secara ringkas, ia hendaklah tertakluk kepada apa-apa perintah mahkamah.

Pemberian tajuk

228. Tajuk tiap-tiap dokumen dalam prosiding selepas perintah untuk pentadbiran ringkas hendaklah dimasukkan ke dalamnya perkataan "Pentabiran Ringkas".

Mesyuarat pertama pemiutang

229. (1) Hendaklah ada satu mesyuarat pertama pemiutang sahaja.

(2) Notis berkenaan mesyuarat pertama pemiutang hendaklah dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi kepada pemiutang tidak kurang dari tujuh hari bekerja.

(3) Pada mesyuarat pertama pemiutang, sekiranya korum pemiutang tidak hadir, mesyuarat hendaklah diteruskan dan resolusi hendaklah dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi secara bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh mesyuarat.

(4) Seseorang pemiutang yang tidak hadir ke mesyuarat pertama pemiutang hendaklah dianggap sebagai hadir dan bersetuju dengan resolusi.

Komposisi atau skim

230. (1) Jika ada suatu cadangan daripada bankrap untuk komposisi atau skim yang telah dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi semasa pemeriksaan pernyataan hal ehwal di bawah subkaedah 164(4), Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memanggil mesyuarat pertama pemiutang di bawah kaedah 229 dan

dihantar kepada setiap pemiutang bersama notis mesyuarat itu suatu salinan cadangan bankrap bersama laporan berkenaannya.

(2) Bankrap boleh dalam mesyuarat pemiutang pertama meminda terma cadangannya dengan syarat pindaan itu hendaklah pada pendapat Ketua Pengarah Insolvensi dikira memberi manfaat kepada pemiutang secara umum.

(3) Dalam mesyuarat pertama pemiutang, pemiutang melalui resolusi khas memutuskan untuk menerima cadangan itu, oleh itu cadangan itu hendaklah diterima oleh pemiutang.

(4) Pemiutang yang telah membuktikan hutangnya boleh bersetuju atau tidak bersetuju terhadap komposisi atau skim itu, merekodkan undi mereka pada mesyuarat pertama pemiutang itu melalui surat undian yang diakusaksikan oleh seorang saksi yang dialamatkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

(5) Pemiutang yang bersetuju atau tidak bersetuju hendaklah diterima sebagai hadir dan mengundi pada mesyuarat itu.

(6) Bankrap atau Ketua Pengarah Insolvensi boleh selepas tujuh hari bekerja komposisi atau skim itu diterima oleh pemiutang, memohon kepada mahkamah untuk meluluskannya.

(7) Mahkamah boleh menjalankan pemeriksaan awam di bawah kaedah 231 sebelum meluluskan skim atau komposisi.

(8) Apabila komposisi atau skim itu diluluskan oleh mahkamah, ia akan mengikat atas semua pemiutang dan mahkamah hendaklah membatalkan perintah kebankrapan itu.

(9) Pemiutang yang telah membuktikan atau proksinya telah mengundi kepada kelulusan komposisi atau skim itu tidak boleh merayu atau membuat apa-apa bantahan kepada mahkamah.

Pemeriksaan awam

231. Jika pada bila-bila masa semasa kes ringkasan, Ketua Pengarah Insolvensi berpendapat bahawa pemeriksaan hendaklah dijalankan, kaedah yang berhubungan dengan pemeriksaan awam di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai.

Penghasilan

232. Bagi maksud penghasilan, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah mempunyai kuasa di bawah perenggan 60(a) Akta atau cara lain yang Ketua Pengarah Insolvensi fikirkan patut.

Dividen

233. (1) Estet hendaklah diagihkan dalam dividen tunggal.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberi notis dividen kepada pemiutang dalam tempoh enam puluh hari bekerja dari tarikh penghasilan, sekiranya ada.

(3) Sekiranya tiada aset yang dapat dihasilkan, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberi notis dividen kepada pemiutang dalam tempoh tiga puluh hari bekerja dari tarikh mesyuarat ditamatkan.

(4) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah membayar dividen mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

Pelepasan

234. Peruntukan berhubungan dengan pelepasan di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah hendaklah terpakai.

Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi

235. Apabila Ketua Pengarah Insolvensi telah menghasilkan semua harta bankrap, atau sebahagian besar daripadanya yang pada pendapatnya boleh dihasilkan tanpa memanjangkan prosiding dalam kebankrapan, dan mengagihkan dividen, mahkamah hendaklah, atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi, melepaskan dirinya daripada

semua liabiliti berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau keingkaran yang dibuat olehnya dalam pentadbiran hal ehwal bankrap atau selainnya berhubungan dengan kelakuannya sebagai Ketua Pengarah Insolvensi.

Iklan

236. (1) Hendaklah ada satu iklan sahaja untuk perintah bagi kes ringkasan.

(2) Tiada keperluan untuk apa-apa iklan untuk mana-mana prosiding lain untuk kes ringkasan.

Jawatankuasa Perundingan

237. Tiada Jawatankuasa Perundingan boleh dilantik bagi maksud pentadbiran kes.

Pentadbiran harta orang mati yang tidak berkemampuan

Bentuk petisyen

238. Petisyen pemiutang di bawah seksyen 122 Akta hendaklah disahkan dengan affidavit.

Pewartaan

239. Apabila suatu perintah pentadbiran di bawah seksyen 122 Akta dibuat perintah itu hendaklah diwarta dan diiklankan dengan cara yang sama dalam segala hal apabila suatu perintah kebangkrapan diwarta dan diiklankan.

Penyampaian

240. (1) Petisyen hendaklah melainkan jika mahkamah mengarahkan selainnya disampaikan kepada tiap-tiap wasi yang telah membuktikan wasiat itu atau mengikut mana yang berkenaan kepada setiap orang yang telah mengambil surat kuasa mentadbir pusaka.

(2) Mahkamah boleh juga jika difikirkannya patut, memerintahkan petisyen itu disampaikan kepada mana-mana orang lain.

(3) Penyampaian hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi petisyen pemiutang di bawah seksyen 6 Akta dan petisyen itu hendaklah didengar dengan cara yang sama.

Kewajipan wasi, dll.

241. (1) Apabila suatu perintah pentadbiran di bawah seksyen 122 telah dibuat, adalah menjadi kewajipan bagi wakil diri yang sah di sisi undang-undang bagi bankrap yang mati itu untuk menyerahkan simpan kepada Ketua Pengarah Insolvensi dengan serta-merta secara pendua suatu akaun mengenai urusan dan pentadbiran, sekiranya ada, harta pusaka si mati oleh wakil diri di sisi undang-undang itu dan wakil diri di sisi undang-undang itu hendaklah juga memberi dengan segera dengan pendua suatu senarai aset dan tanggungan dan apa-apa butir lain mengenai hal ehwal si mati sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

(2) Tiap-tiap akaun dan pernyataan yang kena dibuat di bawah kaedah ini hendaklah dibuat dan disahkan sehampir yang boleh mengikut amalan Mahkamah Tinggi tentang guaman bagi pentadbiran estet orang yang telah mati.

(3) Perbelanjaan bagi menyediakan, membuat, mengesah dan menyerahkan apa-apa akaun, senarai dan pernyataan di bawah kaedah ini setelah ditetapkan hendaklah dibenarkan dibayar daripada estet itu apabila alokatur yang diperlukan dikemukakan.

Wasi *de son tort*

242. Dalam mana-mana kes yang perintah pentadbiran di bawah seksyen 122 Akta telah dibuat dan mahkamah berpendapat atas laporan Ketua Pengarah Insolvensi bahawa tiada wakil diri yang sah di sisi undang-undang wujud, senarai akaun dan pernyataan yang tersebut dalam kaedah 239 hendaklah dibuat, disah dan diserahkan simpan oleh orang yang pada pendapat mahkamah berdasarkan laporan itu mungkin telah dengan sendirinya mentadbirkan atau mungkin selainnya dicampur tangan dalam harta si mati atau dalam mana-mana bahagiannya.

BAHAGIAN V
PEGAWAI, BUKU, AKAUN DSB.

Notis perintah untuk diwartakan

243. Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyebabkan notis yang berikut diwartakan—

- (a) suatu perintah kebangkrapan;
- (b) suatu perintah menetapkan pemeriksaan awam seorang bankrap;
- (c) suatu perintah pentadbiran ringkas di bawah seksyen 106 Akta;
- (d) suatu perintah di bawah seksyen 122 Akta;
- (e) suatu perintah atas permohonan untuk membenarkan komposisi atau skim;
- (f) suatu perintah membatalkan komposisi atau skim;
- (g) suatu perintah membatalkan perintah kebangkrapan dibuat; atau
- (h) suatu perintah atas permohonan untuk pelepasan.

Buku hendaklah disimpan oleh Pendaftar

244. Pendaftar hendaklah menyimpan suatu daftar notis kebangkrapan, suatu daftar petisyen dan suatu daftar perintah kebangkrapan dan hendaklah membuat kemasukan dalam daftar dengan serta-merta selepas prosiding yang berkaitan dengannya.

Cabutan dan penyata

245. Pendaftar hendaklah membuat dan menghantar kepada Kerajaan apa-apa cabutan daripada bukunya di bawah kaedah 244 dan hendaklah memberi apa-apa maklumat dan penyata sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Rekod hendaklah disimpan oleh Ketua Pengarah Insolvensi

246. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyimpan dan merekod minit, perjalanan dan ketetapan bagi mana-mana mesyuarat pemiutang dan Jawatankuasa Perundingan.

Buku tunai dan buku akaun lain hendaklah disimpan oleh Ketua Pengarah Insolvensi

247. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyimpan buku akaun yang berikut yang dia hendaklah memasukkan dari sehari ke sehari terimaan dan bayaran yang dibuat olehnya:

- (a) Buku Tunai;
- (b) Akaun Maksud Am
- (c) Buku Tunai Runcit;
- (d) Lejar Estet;
- (e) Buku Fi;
- (f) Lejar Wang yang Tidak Dituntut;
- (g) Akaun Estet Kebankrapan;
- (h) Lejar Baki yang Tidak Diagihkan;
- (i) Tabung Bantuan Insolvensi; dan
- (j) Akaun Komposisi dan Skim.

Tabung Bantuan Insolvensi

248. (1) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyenggara suatu akaun dikenali sebagai “Tabung Bantuan Insolvensi”.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi boleh menggunakan tabung di bawah subkaedah (1) bagi tujuan pelaburan.

Akaun fi yang diperolehi oleh Ketua Pengarah Insolvensi

249. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memasukkan ke dalam akaunnya segala bayaran biasa atau bayaran khas yang diperolehi olehnya dan yang boleh dikenakan ke atas pelbagai estet pada akhir setiap tahun.

Lejar Maksud Am

250. (1) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyenggara suatu akaun yang dinamakan “Lejar Maksud Am”.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah membuat segala pembayaran yang perlu dibuat atas akaun pelbagai estet di bawah kawalannya daripada Lejar Maksud Am dengan mendebitkan setiap estet dengan jumlah yang dibayar atas akaunnya.

Buku terbuka untuk pemeriksaan Jawatankuasa Perundingan

251. Buku Tunai dan apa-apa buku dan baucer lain yang diperlukan hendaklah terbuka untuk pemeriksaan Jawatankuasa Perunding pada setiap masa yang munasabah.

Prosiding apabila Ketua Pengarah Insolvensi meletakkan jawatan, dsb.

252. Apabila Ketua Pengarah Insolvensi meletakkan jawatan atau dipecat dari jawatannya dia hendaklah menyerahkan kepada penggantinya dalam jawatan itu segala buku yang disimpan olehnya dan segala buku, dokumen, surat dan akaun yang dalam miliknya berhubung dengan jawatan Ketua Pengarah Insolvensi.

Akaun estet beresama dan berasingan

253. Jika suatu perintah kebankrapan telah dibuat terhadap bankrap dalam perkongsian, akaun yang berbeza hendaklah disimpan mengenai estet beresama dan mengenai estet berasingan atau estet-estet dan tiada pemindahan apa-apa lebih daripada daripada estet berasingan kepada estet beresama atas alasan bahawa tiada pemiutang di bawah harta berasingan itu hendaklah dibuat sehingga suatu notis mengenai niat untuk memindahkannya telah diwartakan.

Buku bankrap

254. Mahkamah boleh atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi mengarahkan supaya buku akaun bankrap dan dokumen lain yang diserahkan olehnya dijual, dimusnahkan atau diselenggarakan secara lain.

Perbelanjaan jualan

255. Jika harta yang menjadi sebahagian daripada estet bankrap dijual oleh Ketua Pengarah Insolvensi melalui seorang pelelong atau ejen lain, hasil kasar daripada jualan itu hendaklah diserahkan oleh pelelong atau ejen itu dan caj dan perbelanjaan berhubung dengan jualan itu hendaklah kemudiannya dibayar kepada pelelong atau ejen itu apabila alokatur yang perlu dari pegawai penetapan dikemukakan.

Elaun kepada bankrap

256. Dalam mana-mana hal di bawah peruntukan seksyen 68 Akta Ketua Pengarah Insolvensi membuat elaun kepada bankrap daripada hartanya bagi menyara diri dan keluarganya dan elaun itu melainkan pemiutang melalui resolusi khas menentukan secara lain dalam bentuk wang dan jumlah yang dibenarkan hendaklah dimasukkan ke dalam lejar estet.

Permohonan untuk pelepasan

257. (1) Ketua Pengarah Insolvensi sebelum membuat permohonan kepada mahkamah untuk pelepasannya hendaklah—

- (a) menyiarkan dalam *Warta* notis tentang niatnya; dan
- (b) memberi notis di bawah perenggan 257(1)(a) kepada semua pemiutang yang telah membuktikan hutangnya sebagaimana dan kepada penghutang dengan ringkasan resit dan pembayaran.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), sekiranya permohonan sedemikian dibuat apabila Ketua Pengarah Insolvensi tidak lagi bertindak oleh sebab suatu komposisi yang telah diluluskan di bawah seksyen 18 Akta notis dan ringkasan itu hendaklah dihantar kepada penghutang sahaja.

Pewartaan pelepasan

258. Jika mahkamah telah membenarkan Ketua Pengarah Insolvensi dilepaskan, perintah membenarkan pelepasan itu hendaklah dikeluarkan tanpa bayaran dan notis mengenainya hendaklah diwartakan oleh Pendaftar.

Mesyuarat am

259. Apabila Jawatankuasa Perundingan atau sekurang-kurangnya satu perempat daripada pemiutang mengikut nilai yang telah membuktikan kehendak supaya mesyuarat agung pemiutang dipanggil di bawah seksyen 18 dan kaedah 5 Jadual A Akta, jumlah yang cukup untuk membayar perbelanjaan bagi memanggil mesyuarat itu hendaklah didepositkan dengan Ketua Pengarah Insolvensi.

Pemiutang boleh mendapat salinan akaun Ketua Pengarah Insolvensi

260. Mana-mana pemiutang yang telah membuktikan hutangnya boleh memohon kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan mendapatkan suatu salinan akaun atau mana-mana bahagiannya mengenai estet sebagaimana ditunjukkan dalam buku tunai hingga tarikh itu dengan membayar fi yang ditetapkan.

Jawatankuasa Perundingan

261. Tiada ahli Jawatankuasa Perundingan bagi estet hendaklah kecuali di bawah dan dengan kebenaran mahkamah secara langsung atau tidak langsung olehnya atau mana-mana majikan, pekongsi, kerani, ejen atau pekhidmat berhak untuk memperoleh

apa-apa keuntungan daripada mana-mana transaksi yang timbul daripada kebangkrapan atau diterima daripada estet apa-apa bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya yang berhubungan dengan pentadbiran estet atau apa-apa barang yang dibekalkan olehnya kepada Ketua Pengarah Insolvensi untuk atau atas sebab estet.

Penafian pajakan

Penafian pajakan tanpa kebenaran

262. (1) Pajakan boleh dinafikan tanpa kebenaran mahkamah dalam mana-mana kes yang berikut, iaitu, jika bankrap itu tidak menyewakan, atau peletakhakkan pajakan itu atau mewujudkan apa-apa gadai janji atau gadaian atasnya; dan

(a) sewa maksimum yang boleh diperolehi semula atas mana-mana harta adalah kurang daripada RM4,800 setahun;

(b) harta itu ditadbirkan di bawah peruntukan seksyen 106 Akta; atau

(c) Ketua Pengarah Insolvensi menyampaikan kepada pemberi pajak notis niat untuk menafikan dan pemberi pajak tidak dalam tempoh tujuh hari selepas menerima notis itu memberi notis kepada Ketua Pengarah Insolvensi memerlukan perkara itu dibawa ke hadapan mahkamah.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kaedah-Kaedah ini dan seksyen 59 Akta, penafian suatu pajakan tanpa kebenaran mahkamah adalah tidak sah.

Ketua Pengarah Insolvensi

Pelantikan

263. (1) Pengiktirafan kehakiman hendaklah diberi kepada pelantikan Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Kanan Pengarah Insolvensi, Penolong Pengarah Insolvensi, Pegawai Kebankrapan dan pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen 70 Akta.

(2) Mana-mana orang yang dilantik untuk bertindak sebagai Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Kanan Ketua Pengarah Insolvensi, Penolong Ketua Pengarah Insolvensi atau Pegawai Kebankrapan atau untuk bertindak bagi pihak pegawai yang dilantik di bawah seksyen 70 Akta hendaklah, selama dia memegang jawatannya, mempunyai segala hak dan kuasa dan tertakluk kepada segala tanggungan Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Kanan Ketua Pengarah Insolvensi, Penolong Ketua Pengarah Insolvensi dan mana-mana pegawai lain yang tersebut itu mengikut mana yang berkenaan.

Penolong Ketua Pengarah Insolvensi

264. Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Kanan Ketua Pengarah Insolvensi, Penolong Ketua Pengarah Insolvensi atau Pegawai Insolvensi atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 70 Akta hendaklah menjadi seorang pegawai mahkamah seperti Ketua Pengarah Insolvensi yang kepadanya dia adalah penolong dan dia boleh mewakili Ketua Pengarah Insolvensi dalam semua prosiding di mahkamah atau mana-mana perkara pentadbiran atau lain-lain dan dia hendaklah bertindak di bawah kawalan dan arahan Ketua Pengarah Insolvensi.

Pemecatan

265. Jika Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Kanan Ketua Pengarah Insolvensi, Penolong Ketua Pengarah Insolvensi atau Pegawai Kebankrapan atau pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen 70 Akta dipecat, mati atau meletakkan jawatan, segala harta, hak dan kuasa yang terletak hak kepadanya hendaklah tanpa apa-apa pemindahhakan atau pemindahan terletak hak kepada pengganti jawatannya.

Penggunaan proksi oleh Ketua Pengarah Insolvensi

266. Jika Ketua Pengarah Insolvensi yang memegang mana-mana proksi tidak boleh dengan mudahnya menghadiri suatu mesyuarat pemiutang yang suatu proksi atau proksi-proksi mungkin digunakan, dia bolehlah mewakilkan mana-mana di bawah

kawalan rasminya atau seorang pegawai kerajaan secara bertulis yang ditandatangani untuk menghadiri mesyuarat itu dan menggunakan proksi itu bagi pihaknya dan dengan cara sebagaimana yang diarahkannya.

Pendaftar hendaklah bertindak

267. Dalam apa-apa hal yang Ketua Pengarah Insolvensi tiada untuk melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Akta, perbuatan atau perkara itu bolehlah dilakukan oleh Pendaftar, yang kemudiannya melaporkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi tindakan yang telah diambil olehnya.

Cara permohonan kepada mahkamah

268. (1) Permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi kepada mahkamah bolehlah dibuat secara kediri dan tanpa notis, memfailkan saman dalam kamar atau formaliti lain tetapi mahkamah boleh dalam mana-mana hal memerintahkan supaya suatu permohonan diperbaharui secara rasmi dan notis itu diberikan kepada mana-mana orang yang mungkin akan terjejas olehnya sebagaimana mahkamah boleh arahkan.

(2) Jika suatu permohonan yang tidak formal yang tidak mengikut peraturan dibuat Pendaftar hendaklah membuat suatu catitan mengenai permohonan itu dan mengenai Perintah yang dibuat atasnya dan hendaklah memfailkan yang demikian bersama dengan prosiding kebangkrapan.

Keterangan atas permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi

269. (1) Jika bagi maksud apa-apa permohonan kepada mahkamah oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi arahan atau kebenaran untuk menolak suatu pajakan atau bagi suatu pelanjutan masa untuk memohon kebenaran untuk menolak suatu pajakan atau bagi suatu perintah untuk mengambil prosiding jenayah bagi suatu perintah untuk mengambil prosiding jenayah terhadap bankrap atau untuk menyabitkan seorang bankrap adalah perlu bahawa keterangan diberikan olehnya bagi menyokong permohonan sedemikian, keterangan itu boleh diberikan melalui laporan Ketua Pengarah Insolvensi kepada mahkamah dan tidak perlu diberikan melalui afidavit dan apa-apa laporan sedemikian oleh Ketua Pengarah Insolvensi kepada mahkamah

hendaklah diterima oleh mahkamah sebagai keterangan *prima facie* mengenai perkara yang dilaporkan.

(2) Kaedah di atas hendaklah tidak terpakai kepada apa-apa permohonan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 110 Akta dan apa-apa permohonan hendaklah dibuat melalui saman dalam kamar disokong oleh affidavit.

Permohonan untuk mendapat arahan

270. Jika terdapat apa-apa keraguan atau kesukaran atau dalam apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan oleh Akta atau Kaedah-Kaedah ini Ketua Pengarah Insolvensi bolehlah membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapat arahan.

Kewajipan sekiranya tiada aset

271. Jika penghutang yang suatu perintah kebangkrapan telah dibuat terhadapnya tidak mempunyai apa-apa aset yang boleh digunakan Ketua Pengarah Insolvensi tidak dikehendaki untuk menanggung apa-apa kos berhubung dengan estetnya tanpa arahan yang nyata daripada Menteri atau mahkamah.

Perakaunan oleh Ketua Pengarah Insolvensi

272. (1) Jika suatu komposisi atau skim dibenarkan oleh mahkamah Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menghantar kepada penghutang suatu penyata akaun sekiranya diminta.

(2) Jika penghutang tidak berpuas hati dengan akaun itu atau mana-mana bahagiannya dia bolehlah melaporkan perkara itu kepada mahkamah yang akan mengambil apa-apa tindakan ke atasnya sekiranya ada sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Akaun perniagaan bankrap

273. (1) Bankrap hendaklah, atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi memberikan kepadanya akaun perniagaan dan untung dan rugi dan suatu akaun wang tunai dan barang bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada tiga tahun sebelum

daripada tarikh perintah kebankrapan sebagaimana yang Ketua Pengarah Insolvensi tentukan.

(2) Bankrap hendaklah jika diarahkan oleh mahkamah bagi berbuat demikian memberikan akaun itu sebagaimana mahkamah boleh perintahkan bagi tempoh yang lebih lama.

Tanggungjawab bagi kos, perbelanjaan dan ganti rugi

274. Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi tiap-tiap kes yang prosiding diambil terhadap Ketua Pengarah Insolvensi berkenaan dengan apa-apa perkara atau apa-apa keingkaran yang dilakukan olehnya apabila bertindak atau dalam kepercayaan *bona fide* dan berpatutan bahawa dia bertindak menurut Akta atau dalam melaksanakan kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah Insolvensi oleh Akta:

- (a) Tertakluk kepada perenggan (b), kos ganti rugi dan perbelanjaan yang mungkin kena dibayar oleh Ketua Pengarah Insolvensi atau mungkin dikenakan ke atasnya di bawah prosiding itu hendaklah dibayar daripada estet penghutang;
- (b) Dengan seberapa segera apabila mana-mana prosiding itu dimulakan hendaklah adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah Insolvensi bagi melaporkannya kepada Peguam Negara yang akan memutuskan sama ada atau tidak prosiding itu akan ditentang atau dibela;
- (c) Ketua Pengarah Insolvensi tidak boleh melainkan jika mahkamah mengarahkan sebaliknya berhak dibayar daripada estet itu apa-apa kos atau perbelanjaan yang dia mungkin kena dibayar atau ditanggung olehnya oleh sebab penentangan atau pembelaan mana-mana prosiding itu melainkan jika Peguam Negara telah melakukan prosiding itu ditentang atau dibela;
- (d) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah jika perlu kepada mahkamah untuk menanggungkan secara berpatutan sesuatu prosiding di hadapannya, sementara menanti keputusan Peguam Negara atas soal sama ada prosiding

itu patut ditentang atau dibela dan mahkamah boleh membenarkan sesuatu penangguhan atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut;

- (e) Jika prosiding itu dimulakan sebelum diluluskan sesuatu penyelesaian atau skim Ketua Pengarah Insolvensi boleh, sebelum meletakkan penghutang sendiri untuk memiliki harta penghutang, menahan kesemua atau sebahagian daripada harta penghutang sebagaimana yang akan diarahkan oleh Peguam Negara dalam tiap-tiap kes untuk membayar ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin kena dibayar atau ditanggung oleh Ketua Pengarah Insolvensi oleh sebab prosiding itu atau atas akibat daripada prosiding itu;
- (f) Jika pembicaraan itu dimulakan selepas diluluskan sesuatu penyelesaian atau skim Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah segera memberi notis mengenai prosiding itu kepada pemegang amanah atau orang lain yang padanya harta penghutang mungkin terletak hak termasuk jika perlu penghutang sendiri dan mulai dari tarikh notis itu harta penghutang hendaklah disifatkan sebagai bertanggung membayar ganti rugi, kos dan perbelanjaan tersebut.

Fail disimpan oleh Ketua Pengarah Insolvensi

275. Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyimpan dalam pejabatnya suatu fail prosiding dalam setiap kebangkrapan.

Pembayaran melalui cek, pembayaran elektronik atau apa-apa cara lain

276. Segala pembayaran daripada akaun estet kebangkrapan hendaklah dibuat melalui cek, pembayaran elektronik atau mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

Saraan bagi pengurus khas

277. Jika seorang pengurus khas dilantik dia hendaklah dibayar saraan daripada estet bankrap oleh Ketua Pengarah Insolvensi, sebagaimana yang ditentukan dari semasa

ke semasa oleh Ketua Pengarah Insolvensi, tetapi tidak melebihi apa-apa had yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perundingan.

Pemecatan pengurus khas

278. Apabila Ketua Pengarah Insolvensi melantik seorang pengurus khas, Ketua Pengarah Insolvensi boleh pada bila-bila masa memecatnya sekiranya pekerjaannya kelihatan tidak perlu atau tidak menguntungkan kepada estet dan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memecatnya sekiranya dikehendaki oleh resolusi khas pemiutang atau oleh jawatankuasa perundingan.

Akaun

279. Tiap-tiap pengurus khas hendaklah mengemukakan akaunnya bagi tempoh pelantikannya sebagai pengurus khas kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan akaun pengurus khas itu hendaklah disahkan dengan afidavit dan apabila diluluskan oleh Ketua Pengarah Insolvensi jumlah terimaan dan bayaran itu hendaklah ditambah ke akaun Ketua Pengarah Insolvensi.

Permohonan pembayaran oleh pihak yang berhak

280. Permohonan di bawah seksyen 134 Akta untuk pembayaran mana-mana jumlah hendaklah disokong dengan afidavit oleh pihak menuntut.

Pemalsuan dokumen

281. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja memalsukan atau secara fraud mengubah apa-apa dokumen dalam atau yang bersampingan dengan mana-mana prosiding di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan sebagai bersalah menghina terhadap Mahkamah dan bolehlah dikenakan hukuman dengan sewajarnya.

(2) Penalti yang dikenakan oleh Kaedah-Kaedah ini adalah sebagai tambahan kepada dan bukan sebagai ganti bagi apa-apa hukuman penalti atau prosiding yang boleh dikenakan ke atas orang itu.

Kesan ketidakpatuhan Kaedah-Kaedah

282. Ketidakpatuhan kepada mana-mana Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana amalan yang pada masa itu berkuat kuasa tidak akan menyebabkan mana-mana prosiding batal melainkan mahkamah mengarahkan sedemikian tetapi prosiding tersebut boleh diketepikan sama ada keseluruhan atau sebahagian sebagai ketidakpatuhan atau dipinda atau sebaliknya dibicarakan dengan apa-apa cara dan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Pengurangan atau pelanjutan masa

283. Mahkamah boleh dalam hal-hal yang khas dan atas sebab yang baik yang ditunjukkan melanjutkan atau mengurangkan masa yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini atau ditetapkan oleh mana-mana perintah mahkamah untuk melakukan apa-apa perbuatan atau mengambil mana-mana prosiding.

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 terpakai dalam keadaan lakuna

284. Dalam ketiadaan mana-mana kaedah yang mengawal selia mana-mana prosiding di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*.

Borang

285. (1) Borang-borang dalam Jadual, jika terpakai atau tidak terpakai, borang yang bersifat serupa, dengan perubahan sebagaimana dikehendaki mengikut hal keadaan hendaklah digunakan.

(2) Jika borang tersebut terpakai apa-apa kos yang disebabkan oleh penggunaan apa-apa borang lain atau yang meleret hendaklah ditanggung oleh atau tidak boleh dibenarkan oleh pihak yang menggunakannya melainkan mahkamah mengarahkan sebaliknya.

Pembatalan

286. Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 [P.U. (A) 199/1969] dibatalkan ("Kaedah-Kaedah yang dibatalkan").

Kecualian dan peralihan

287. (1) Apa-apa prosiding, tindakan atau perkara di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan yang masih belum selesai sebaik sebelum mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan.

(2) Semua sebutan kepada Kaedah-Kaedah yang dibatalkan dalam mana-mana undang-undang bertulis dan mana-mana dokumen hendaklah, apabila mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini, dianggap sebagai sebutan kepada Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017.

JADUAL
SENARAI BORANG-BORANG

[Kaedah 286]

<u>No. Borang</u>	<u>Kaedah</u>
1. Tajuk am	6
2. Memorandum mengenai pengiklanan atau pewartaan	15
3. Bon atas penggantungan prosiding, dsb	25
4. Notis penjamin	30
5. Afidavit justifikasi	31
6. Bentuk jurat	33
7. Saman untuk hadir dan memberi keterangan	44
8. Saman di bawah seksyen 31	44
9. Notis kepada bankrap di bawah seksyen 57	53
10. Perintah mengasingkan gaji, pendapatan, dsb	53
11. Persetujuan bankrap terhadap permohonan	53
12. Perintah mengetepikan gaji, pendapatan dsb di bawah subseksyen 57(3)	54
13. Waran menggeledah	56
14. Waran sitaan	56
15. Waran komital kerana penghinaan	56
16. Waran untuk memberkas orang yang disaman di bawah subseksyen 31(2)	56
17. Waran terhadap bankrap yang hendak melarikan diri, dsb	57
18. Perintah untuk pengemukaan orang dalam penjara untuk pemeriksaan di hadapan mahkamah	57
19. Permohonan Ketua Pengarah Insolvensi untuk komital bankrap atau orang lain	59
20. Afidavit Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen 55(5)	59
21. Afidavit orang yang berkepentingan dalam suatu komposisi, untuk komital	59

22.	Afidavit ketidakpatuhan perintah di bawah subsekyen 91(2)	59
23.	Notis mengenai permohonan untuk komital di bawah subseksyen 18(13) dan 27	60
24.	Perintah komital di bawah subseksyen 18 (13) atau seksyen 27	60
25.	Notis permohonan untuk komital di bawah subseksyen 55(5)	60
26.	Perintah komital di bawah subseksyen 55(5)	60
27.	Perintah untuk pelepasan dari tahanan kerana penghinaan	61
28.	Laporan pendaftar jika bankrap atau saksi enggan menjawab hingga memuaskan hatinya	62
29.	Permintaan supaya menyerahkan bil untuk ditetapkan	73
30.	Alokatur	74
31.	Daftar yang perlu disimpan oleh Pegawai Penetapan	75
32.	Pengembalian oleh Pegawai Penetapan	75
33.	Pengisytiharan ketidakupayaan untuk membayar	88
34.	Notis kebangkrapan	89
35.	Permintaan mengeluarkan notis kebangkrapan	90
36.	Afidavit atas permohonan membatalkan notis kebangkrapan	93
37.	Afidavit mengenai penyampaian notis kebangkrapan	95
38.	Penyampaian ganti bagi notis kebangkrapan atau petisyen notis dalam warta	95 & 109
39.	Perintah mengetepikan notis kebangkrapan	96
40.	Petisyen penghutang	98
41.	Petisyen pemiutang	98
42.	Afidavit mengenai kebenaran pernyataan dalam petisyen	105
43.	Afidavit mengenai kebenaran pernyataan dalam petisyen bersama	106
44.	Afidavit mengenai penyampaian petisyen	110
45.	Notis oleh penghutang mengenai niat untuk membantah petisyen	116
46.	Penangguhan petisyen	117
47.	Perintah untuk menggantung prosiding atas petisyen	122
48.	Penolakan petisyen	123
49.	Permohonan untuk penerima sementara	128
50.	Perintah kebangkrapan atas petisyen penghutang	133
51.	Perintah kebangkrapan atas permohonan pemiutang	133

52.	Notis mengenai perintah kebangkrapan, mesyuarat pertama dan pemeriksaan awam (untuk akhbar tempatan)	138
53.	Permohonan membatalkan perintah kebangkrapan di bawah seksyen 105	139
54.	Perintah membatalkan perintah kebangkrapan di bawah seksyen 105	140
55.	Permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi suatu perintah menetapkan persidangan bagi pemeriksaan awam bankrap	143
56.	Perintah menetapkan masa untuk pemeriksaan awam bankrap	143
57.	Nota mengenai pemeriksaan awam bankrap	143
58.	Memorandum mengenai pemeriksaan awam bankrap	143
59.	Perintah mahkamah bahawa pemeriksaan tamat	143
60.	Memorandum mengenai penangguhan pemeriksaan awam	146
61.	Notis mengenai hari untuk menjalankan pemeriksaan awam (untuk akhbar tempatan)	148
62.	Senarai pemiutang untuk mesyuarat kedua, jika skim atau komposisi dilayan	150
63.	Notis kepada pemiutang memanggil mesyuarat kedua bagi mengesahkan komposisi atau skim	150
64.	Resolusi melayan komposisi	151 & 210
65.	Resolusi melayan suatu skim perkiraan	151 & 210
66.	Resolusi pada mesyuarat am kedua	151
67.	Notis kepada pemiutang mengenai permohonan kepada mahkamah bagi meluluskan komposisi atau skim perkiraan	152
68.	Notis kepada pemiutang mengenai permohonan kepada mahkamah bagi meluluskan komposisi atau skim perkiraan dalam kes ringkas	152
69.	Notis kepada Ketua Pengarah Insolvensi mengenai permohonan kepada mahkamah oleh bankrap supaya mengizinkan komposisi atau skim	152
70.	Permohonan melanjutkan masa bagi mengesahkan atau meluluskan suatu komposisi atau skim, dan perintah atasnya	152

71.	Perintah atas permohonan meluluskan komposisi	155
72.	Perakuan membenarkan komposisi atau skim	155
73.	Permohonan untuk penguatkuasaan peruntukan mengenai komposisi	160
74.	Afidavit menyokong permohonan untuk menguatkuasakan peruntukan komposisi di bawah seksyen 18	160
75.	Perintah untuk menguatkuasakan peruntukan komposisi	160
76.	Notis kepada pemiutang mengenai niat untuk membayar komposisi	163
77.	Pernyataan hal ehwal	164
78.	Notis oleh Ketua Pengarah Insolvensi kepada penghutang kepada harta di bawah seksyen 32	166
79.	Borang am bukti hutang	167
80.	Bukti hutang pekerja	168
81.	Notis penolakan bukti hutang	173
82.	Notis kepada pemiutang mengenai niat untuk mengisytiharkan dividen	180
83.	Notis kepada orang yang mengaku sebagai pemiutang mengenai cadangan hendak mengisytiharkan dividen akhir	180
84.	Notis mengenai dividen	180
85.	Senarai dividen untuk dihantar kepada Akauntan Negara	180
86.	Permohonan perintah untuk pelepasan	183
87.	Perakuan mengenai bilangan pemiutang	183
88.	Notis kepada Ketua Pengarah Insolvensi mengenai permohonan perlepasan	183
89.	Notis kepada pemiutang mengenai permohonan perlepasan	183
90.	Perintah perlepasan dengan bersyarat di bawah subseksyen 33(10)	185
91.	Persetujuan bankrap supaya penghakiman dikenakan di bawah subseksyen 33(10)	185
92.	Penghakiman hendaklah dikenakan menurut persetujuan	185
93.	Afidavit bankrap yang pelepasannya telah diberi dengan bersyarat tentang harta atau pendapatan yang diperolehi kemudian	188

94.	Perintah pelepasan	191
95.	Perakuan untuk penyingkiran ketidaklayakan	192
96.	Notis kepada pemiutang mengenai niat untuk mengeluarkan perakuan pelepasan di bawah seksyen 33A	194
97.	Notis bantahan pemiutang di bawah seksyen 33B	195
98.	Permohonan oleh pemiutang untuk suatu perintah menghalang Ketua Pengarah Insolvensi dari mengeluarkan perakuan pelepasan di bawah subseksyen 33B(4)	196
99.	Perakuan pelepasan di bawah seksyen 33A	197
100.	Notis pelepasan di bawah subseksyen 33C(3)	200
101.	Permohonan untuk perintah menggantung pelepasan di bawah subseksyen 33C(4)	201
102.	Perakuan pelepasan automatik di bawah seksyen 33C	202
103.	Proksi am	203
104.	Proksi khas	203
105.	Surat undi untuk dilampirkan bersama notis mesyuarat kedua	203 & 207
106.	Permohonan melanjutkan masa untuk mengadakan mesyuarat pertama	207
107.	Notis kepada pemiutang mengenai mesyuarat pertama	207
108.	Notis kepada pemiutang berkenaan mesyuarat pertama yang baharu	207
109.	Notis kepada pemiutang mengenai mesyuarat pertama dalam kes ringkas jika bankrap tidak mengemukakan tawaran komposisi	207
110.	Notis mengenai mesyuarat dalam kes ringkas jika bankrap mengemukakan tawaran komposisi, dsb.	207
111.	Laporan Ketua Pengarah Insolvensi atas cadangan untuk komposisi atau skim dan surat undi dalam kes ringkas	207
112.	Notis kepada bankrap supaya menghadiri mesyuarat pertama pemiutang	207
113.	Kuasa untuk timbalan bertindak sebagai pengerusi mesyuarat dan penggunaan proksi	207 & item 7 Jadual A Akta

114.	Memorandum mengenai prosiding dalam mesyuarat pertama dalam kes ringkas	Seksyen 126, item 24 Jadual A Akta dan Kaedah 207
115.	Perintah mahkamah untuk mesyuarat am pemiutang	207 dan item 5 Jadual A Akta
116.	Notis mesyuarat (bentuk am)	207
117.	Afidavit mengenai pengeposan notis mesyuarat pertama	209
118.	Afidavit mengenai pengeposan notis (am)	209
119.	Notis kepada pemiutang mengenai mesyuarat yang ditangguh	212
120.	Memorandum prosiding pada mesyuarat pertama yang ditangguh (tiada korum)	212
121.	Memorandum penangguhan mesyuarat pertama atau lain	212
122.	Senarai pemiutang yang terhimpun untuk digunakan pada setiap mesyuarat	213
123.	Permohonan untuk pentadbiran ringkas di bawah seksyen 106	226
124.	Perintah pentadbiran ringkas	226
125.	Permohonan kepada mahkamah untuk menetapkan hari untuk meluluskan komposisi atau skim dalam kes ringkas	229
126.	Notis bagi perintah kes ringkas (untuk akhbar tempatan)	234
127.	Permohonan pemiutang untuk mentadbir estet penghutang yang mati	238
128.	Perintah untuk pentadbiran dalam estet kebangkrapan bankrap yang mati atas petisyen	226
129.	Notis untuk <i>Warta</i>	239
130.	Senarai notis kebangkrapan yang disimpan oleh Pendaftar	244
131.	Daftar petisyen yang disimpan oleh Pendaftar	244
132.	Senarai perintah kebangkrapan yang disimpan oleh Pendaftar	244
133.	Notis mengenai niat untuk memindahkan estet bersaing kepada estet bersama	253

134.	Penyata menunjukkan kedudukan estet pada tarikh permohonan bagi pelepasan	257
135.	Notis kepada pemiutang mengenai niat untuk memohon pelepasan	257
136.	Permohonan bagi pelepasan oleh Ketua Pengarah Insolvensi	257
137.	Notis niat untuk menafikan pajakan	262
138.	Notis penafian	262
139.	Permohonan <i>ex parte</i> untuk arahan oleh Ketua Pengarah Insolvensi	270
140.	Afidavit oleh pengurus khas	279

BORANG-BORANG

[Kaedah 286]

No. 1

TAJUK AM (k. 6)

Dalam Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah & Sarawak di
Dalam Kebankrapan No:.....tahun 20.....

Ex parte (letakkan di sini “Penghutang” atau “J.S., seorang pemiutang atau “Ketua Pengarah Insolvensi”.)

No. 2*(Tajuk am)***MEMORANDUM MENGENAI PENGIKLANAN ATAU PEWARTAAN (k. 15)**

Nama Akhbar	Tarikh Dikeluarkan	Tarikh Difailkan	Nama Perintah, dsb.

No. 3

(Tajuk am)

BON ATAS PENGGANTUNGAN PROSIDING, DSB. (k. 25)

Ambil perhatian bahawa kami (a)..... yang beralamat di (b)....., (a)..... yang beralamat di (b)..... dan (a)..... yang beralamat di (b)....., secara bersama dan berasingan dan dengan sesungguhnya terikat dengan wang kepada..... yang beralamat di sebanyak RM..... untuk dibayar kepada..... tersebut, atau kepada wakilnya, wasi, pentadbir atau penerima pindah haknya yang tertentu. Untuk pembayaran yang dibuat, kami secara bersama dan berasingan, sesungguhnya mengikat diri kami dan setiap dan tiap-tiap seorang daripada kami, setiap waris, wasi dan pentadbir kami dengan bon ini.

Bertarikh pada hari bulan 20

Bahawasanya suatu petisyen kebangkrapan terhadap..... tersebut telah diserahkan kepada mahkamah..... dan dia hadir pada pendengaran petisyen tersebut dan menafikan bahawa dia berhutang kepada pempetisyen (atau kepada seorang atau lebih pempetisyen), untuk dakwaan bahawa dia berhutang kepada pempetisyen dalam jumlah sebanyak RM..... sahaja.

Atau

Apabila tersebut yang telah disampaikan dengan suatu notis kebangkrapan oleh..... yang beralamat di..... mengikut peruntukan Akta yang dikeluarkan dari mahkamah itu memohon kepada mahkamah tersebut supaya menolak notis itu atas alasan bahawa dia tidak berhutang kepada tersebut (atau bahawa dia tidak berhutang kepadanya sebanyak yang boleh menyokong suatu petisyen kebangkrapan).

Maka oleh yang demikian syarat bagi kewajipan ini ialah bahawa sekiranya yang terikat di atas ini, atau..... hendaklah apabila diminta sebaik-baiknya dan sebenarnya membayar atau menyebabkan dibayar kepada....., wakil atau ejennya, apa-apa jumlah seperti yang dituntut daripada..... melalui apa-apa prosiding yang diambil atau diteruskan dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh bon ini dalam mana-mana mahkamah yang berkuasa oleh..... bagi pembayaran hutang yang dituntutnya dalam petisyen tersebut berserta apa-apa kos sebagaimana yang diberi kepada..... oleh mahkamah itu, maka kewajipan ini adalah tidak sah, jika tidak, akan terus berkuat kuasa dengan sepenuhnya.

.....
Tandatangan

Ditandatangani, dimeterai dan diserahkan oleh..... yang terikat di atas ini di hadapan.....

(a) Nama

(b) Alamat

Nota – Sekiranya deposit wang dibuat, memorandum itu hendaklah mengikut terma dan syarat bon itu. Borang ini boleh disesuaikan dalam hal-hal lain.

No. 4

(Tajuk am)

NOTIS PENJAMIN (k. 30)

Dalam perkara notis kebangkrapan oleh yang beralamat di.....

Atau

Dalam perkara petisyen kebangkrapan oleh yang beralamat di.....

Ambil perhatian bahawa penjamin yang saya cadangkan sebagai cagaran saya dalam perkara di atas (di sini nyatakan prosiding yang telah menyebabkan penjamin itu diperlukan) ialah (di sini nyatakan nama penuh dan perihal penjamin itu, dan tempat kediaman mereka selama enam bulan yang lepas, di dalamnya dengan menyebutkan negeri, tempat, nama jalan dan nombor, sekiranya ada).

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

Kepada Pendaftar dan kepada..... yang beralamat di.....

No. 5

(Tajuk am)

AFIDAVIT JUSTIFIKASI (k. 31)

Dalam perkara petisyen kebangkrapan
 terhadap..... yang beralamat
 di..... (atau dalam
 perkara notis kebangkrapan oleh.....
 terhadap..... yang beralamat.....).

Saya,..... yang beralamat di,
 seorang daripada penjamin bagi..... mengesahkan dan
 menyatakan:

1. Bahawa saya adalah seorang penghuni rumah (atau mengikut mana yang berkenaan) yang tinggal (perihalkan dengan khususnya negeri, nama jalan atau tempat dan nombor rumah, sekiranya ada).

2. Bahawa saya mempunyai harta yang bernilai sebanyak RM..... (jumlahnya dikehendaki) lebih daripada apa yang dikehendaki untuk membayar hutang saya yang benar (sekiranya cagaran dalam suatu tindakan yang lain atau bagi suatu maksud yang lain, tambahan, dan segala jumlah yang baginya saya sekarang memberi cagaran).

3. Bahawa saya tidak mengikat jamin atau memberi cagaran dalam mana-mana perkara, tindakan, atau prosiding, atau bagi mana-mana orang lain (atau sekiranya cagaran dalam mana-mana tindakan yang lain, tambahan, kecuali bagi, dalam guaman dalam Mahkamah sebanyak RM.....; kecuali bagi, dalam guaman dalam Mahkamah sebanyak RM..... (menyatakan tiap-tiap satu tindakan dengan mahkamah di mana tindakan itu dibawa dan jumlahnya yang telah terikat).

4. Bahawa harta saya, dengan jumlah sebanyak RM..... (dan sekiranya cagaran dalam mana-mana tindakan lain, dsb., lebih dan lain daripada jumlah baginya sekarang ini saya memberi cagaran) terdiri daripada (di sini sebutkan jenis dan nilai harta yang berkenaan dengannya deponen cadangkan untuk menjadi penjamin) seperti berikut, stok dalam perdagangan, dalam perniagaan.....saya yang dijalankan oleh saya di..... bernilai RM....., daripada hutang dalam buku yang sah yang terhutang kepada saya RM....., daripada perabot dalam rumah saya di..... bernilai RM..... daripada tanah bernilai RM..... yang terletak di..... yang diduduki oleh..... atau daripada rumah kediaman bernilai RM..... yang terletak di..... yang diduduki oleh....., atau daripada harta lain dengan menyebutkan tiap-tiap perihalnya, serta nilainya.

5. Bahawa selama enam bulan yang lepas saya telah tinggal di (perihalkan tempat kediaman itu, atau, sekiranya dia mempunyai lebih daripada satu tempat kediaman, dalam masa tempoh itu, nyatakan dengan cara yang sama seperti diarahkan di atas).

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

No. 6

BENTUK JURAT (k. 33)

(a) Bagi affidavit oleh seorang deponen Diangkat sumpah (atau disahkan) pada hari bulan, 20...., di..... (Melalui terjemahan).

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

(b) Bagi affidavit oleh dua atau lebih deponen Diangkat sumpah (atau disahkan) oleh deponen dan (atau oleh kedua-dua (atau kesemua) deponen seperti dinamakan di atas) pada hari bulan, 20...., di..... (Melalui terjemahan).

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

(c) Bagi affidavit oleh seorang yang buta huruf atau buta. Diangkat sumpah (atau disahkan) pada hari bulan, 20...., di.....

Saya, dengan sesungguhnya, sejelasnya dan dibacakan dengan jelasnya berkenaan kandungan affidavit di atas (ditambah sekiranya ekshibit dirujuk dalam affidavit “dan dijelaskan sifat dan kesan ekshibit yang dirujuk itu”) kepada deponen tersebut yang kelihatan memahami sepenuhnya dan yang menandainya di hadapan saya (Melalui terjemahan).

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

(d) Bagi affidavit oleh seorang yang tidak memahami bahasa Inggeris. Diangkat sumpah (atau disahkan) pada hari bulan, 20...., di..... melalui terjemahan (sekiranya penterjemah bukan seorang penterjemah mahkamah menambah seperti berikut:

".....yang tersebut setelah mula-mula sekali bersumpah bahawa dia telah dengan sebenarnya, dengan nyatanya dan dengan dapat didengar menterjemahkan isi kandungan affidavitnya kepada deponen dan bahawa dia akan sebenarnya dan jujurnya menterjemahkan sumpah (atau ikrar) yang sedang hendak dikendalikan ke atas dirinya yang tersebut itu”).

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

No. 7

(Tajuk am)

SAMAN UNTUK HADIR DAN MEMBERI KETERANGAN (k. 44)

Kepada..... (Nama tiga orang saksi boleh dimasukkan)

Kamu dengan ini dipanggil untuk hadir sendiri dalam mahkamah ini pada..... hari bulan 20....., pada pukul..... (masa) untuk memberi keterangan bagi pihak (masukkan nama) dalam perkara di atas, dan untuk mengemukakan (nyatakan dokumen yang perlu dikemukakan. Sekiranya saman itu hanyalah untuk memberi keterangan atau sekiranya saman itu hanyalah untuk mengemukakan suatu dokumen maka saman itu mestilah menyatakan sedemikian itu) dan kamu tidak boleh pergi dari situ sehingga kamu telah diperiksa (atau telah mengemukakan dokumen itu) dan mahkamah telah bersurai, melainkan jika kamu telah mendapat keizinan mahkamah.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai mahkamah ini pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Pendaftar

No. 8*(Tajuk am)***SAMAN DI BAWAH SEKSYEN 31 (k. 44)**

Kepada, yang beralamat di.....

Kamu dengan ini dikehendaki supaya hadir di Mahkamah..... yang diadakan di pada hari bulan....., 20....., pada pukul.....(masa), untuk memberi keterangan dalam perkara di atas, dan di situ pada masa itu memiliki dan mengemukakan *..... ini dan jika sekiranya kamu gagal, dengan tiada apa-apa halangan yang sah yang dikehendaki diberitahu kepada mahkamah, dan dibenarkan olehnya, mahkamah boleh dengan waran menyebabkan kamu ditangkap dan dikemukakan untuk diperiksa.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Pendaftar

NOTA – Saman ini dikeluarkan atas permohonan Ketua Pengarah Insolvency dan sila ambil perhatian bahawa sekiranya wang berjumlah RM....., yang dinyatakan sebagai kena dibayar oleh kamu kepada harta ini, dibayar kepada Ketua Pengarah Insolvency di..... pada atau sebelum hari bulan, maka saman ini akan dilepaskan.

* Nyatakan apa-apa dokumen tertentu yang dikehendaki, misalnya, segala buku, inoivis, penyata akaun, surat, buku, suratan dan dokumen dari segala jenis, dengan apa jua cara berkenaan dengan urusan dan transaksi kamu dengan seorang bankrap, mengenai hutang yang dikatakan sebagai kena dibayar oleh kamu kepada harta bankrap tersebut yang berjumlah RM

No. 9

(Tajuk am)

NOTIS KEPADA BANKRAP DI BAWAH SEKSYEN 57 (k. 53)

Kepada.....

Ambil perhatian bahawa saya bercadang hendak memohon kepada mahkamah ini pada hari bulan....., 20....., pada pukul..... (masa) untuk suatu perintah di bawah seksyen 57 Akta supaya sebahagian daripada gaji (atau pendapatan) kamu dibayar kepada saya sebagai pemegang amanah bagi faedah pemiutang di bawah kebangkrapan kamu.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 10

(Tajuk am)

PERSETUJUAN BANKRAP TERHADAP PERMOHONAN (k. 53)

Bahawasanya suatu permohonan dibuat oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi suatu perintah bahawa wang sejumlah RM..... daripada gaji (atau pendapatan) saya diasingkan dan digunakan bagi faedah pemiutang saya; saya..... nombor kad pengenalan dengan ini bersetuju supaya perintah tersebut dibuat oleh mahkamah.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Tandatangan bankrap

No. 11*(Tajuk am)***PERINTAH MENGETEPIKAN GAJI, PENDAPATAN, DSB. (k. 53)**

Bahawasanya mahkamah berpendapat bahawa bankrap tersebut (di sini nyatakan apakah bankrap itu), dan sebagai demikian mendapat gaji bulanan (atau pendapatan) berjumlah RM.....; dan bahawasanya atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta bankrap, maka mahkamah berpendapat adil dan munasabah bahawa wang bulanan berjumlah RM....., sebahagian daripada gaji (atau pendapatan) tersebut patut dibayar kepada Ketua Pengarah Insolvensi semasa kebankrapannya, supaya wang itu boleh digunakan bagi membayar hutang bankrap tersebut dan pembayaran itu patutlah dibayar daripada wang yang pertama yang genap masanya selepas daripada hari bulan..... 20....., dan diteruskan sehingga mahkamah ini membuat perintah sebaliknya; maka diperintahkan, dengan persetujuan bertulis ini (di sini masukkan nama dan nombor kad pengenalan bankrap), bahawa sebahagian tersebut daripada (di sini masukkan gaji atau pendapatan) hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah Insolvensi dengan sewajarnya.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 12*(Tajuk am)***PERINTAH MENGETEPIKAN GAJI, PENDAPATAN, DSB. DI BAWAH
SUBSEKSYEN 57(3) (k. 54)**

Bahawasanya mahkamah ini berpendapat bahawa bankrap menerima (atau berhak mendapat) gaji (atau pendapatan, separuh gaji, pencen atau pampasan yang diberi oleh Perbendaharaan, mengikut mana yang berkenaan) lebih kurang sebanyak RM..... sebagai (di sini nyatakan keadaan gaji atau pendapatan itu diterima).

Dan bahawasanya atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta bankrap, dan setelah mendengar bankrap, mahkamah berpendapat adalah patut dan munasabah bahawa wang bulanan sebanyak RM..... sebahagian daripada gaji (atau pendapatan, dsb.) tersebut patut dibayar oleh bankrap kepada Ketua Pengarah Insolvensi semasa kebankrapannya, supaya wang itu boleh digunakan bagi membayar hutang bankrap tersebut, dan bahawa pembayaran yang pertama bagi pembayaran itu patutlah dibayar pada..... hari bulan....., 20..... dan diteruskan pada tiap-tiap bulan sehingga mahkamah ini membuat perintah untuk mengakasnya: maka adalah diperintahkan bahawa wang tersebut hendaklah dibayar oleh..... dengan cara yang tersebut di atas itu daripada gaji (atau pendapatan, dsb.) yang tersebut bagi bankrap itu.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 13

(*Tajuk am*)

WARAN MENGGELEDAH (k. 56)

Bahawasanya menurut keterangan yang diambil dengan sempurnanya atas sumpah mahkamah berpendapat bahawa terdapat sebab untuk mensyaki dan mempercayai bahawa harta penghutang tersebut disembunyikan dalam rumah (atau memperincikan tempat lain, mengikut mana yang berkenaan) orang yang bernama di alamat rumah (atau tempat) yang tidak dimiliki oleh penghutang tersebut:

Oleh yang demikian, kamu dikehendaki untuk masuk pada waktu siang ke dalam rumah (atau memperincikan tempat lain) orang yang bernama..... yang tersebut itu, yang terletak di..... seperti tersebut di atas, dan dengan sungguh mencari harta tersebut, dan sekiranya apa-apa jua harta penghutang tersebut dijumpai di situ oleh kamu semasa mencarinya itu maka hendaklah kamu mengambilnya untuk dilepas dan diselenggarakan mengikut peruntukan Akta.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Pendaftar

Kepada..... pegawai mahkamah ini dan penolongnya (atau kepada bailif mahkamah ini).

No. 14*(Tajuk am)***WARAN SITAAN (k. 56)**

Bahawasanya pada..... hari bulan....., 20....., suatu perintah kebangkrapan telah dibuat terhadap penghutang tersebut: Oleh yang demikian kamu dikehendaki supaya segera masuk ke dalam rumah dan premis lain penghutang tersebut, dan juga dalam tempat lain yang dipunyai oleh penghutang tersebut di mana apa-apa barang dan barang kemas, pinggan mangkuk, barang-barang rumah, barang-barang, barang dagangan, buku akaun dan apa jua benda lain, yang dipunyai oleh penghutang tersebut, kecuali pakaian yang perlu, tilam bantal dan alatan yang dikecualikan oleh Akta.

Dan bahawa apa jua yang kamu sita itu hendaklah kamu tahan dan simpan dengan selamatnya dalam milik kamu sehingga kamu mendapat perintah-perintah bertulis yang lain daripada Ketua Pengarah Insolvency untuk melupuskan harta yang disita; dan jika sekiranya ada apa-apa tentangan atau tidak ada anak kunci atau anak-anak kunci bagi mana-mana pintu atau kunci bagi mana-mana premis yang dipunyai oleh penghutang tersebut di mana apa-apa barangnya berada atau disyaki berada, kamu hendaklah memecahkan atau menyebabkan yang demikian dipecahkan supaya waran ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Pendaftar

Kepada.....pegawai mahkamah ini dan kepada penolongnya.

No. 15

(Tajuk am)

WARAN KOMITAL KERANA PENGHINAAN (k. 56)

Kepada....., pegawai mahkamah ini dan kepada pegawai yang menjaga penjara di.....

Bahawasanya menurut suatu perintah mahkamah ini yang bertarikh pada.....hari bulan....., 20....., maka telah diperintahkan bahawa penghutang (atau.....yang beralamat di.....) tersebut hendaklah dipenjarakan kerana penghinaan terhadap mahkamah ini.

Oleh yang demikian kamu dikehendaki untuk menangkap tersebut (atau.....) dan menyerahkannya kepada pegawai yang menjaga penjara bagi penjara yang tersebut di atas, dan kamu pegawai yang menjaga yang tersebut hendaklah menerima..... dan menahannya dengan selamat dalam penjara tersebut dan dalam jagaan kamu sehingga suatu masa sebagaimana diarahkan oleh mahkamah ini; dan kamu pegawai yang menjaga tersebut itu hendaklah, semasa.....tersebut berada dalam jagaan kamu, setiap masa apabila diarah sedemikian oleh mahkamah mengemukakan.....tersebut di hadapan mahkamah.

Oleh mahkamah,

.....

No. 16

(Tajuk am)

**WARAN UNTUK MEMBERKAS ORANG YANG DISAMAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 31(2)
(k. 56)**

Kepada dan penolongnya dari mahkamah ini.

Bahawasanya menurut saman yang bertarikh pada hari bulan 20..... dan yang diarahkan kepada tersebut di alamat, dia dikehendaki berada dan hadir sendiri pada hari bulan 20....., pada pukul (masa) di mahkamah ini untuk diperiksa; dan saman tersebut, sebagaimana yang telah dibuktikan atas pengakuan, telah disampaikan dengan sempurnanya kepada pada hari bulan, 20..... dan sejumlah wang berpatutan diberi kepadanya untuk perbelanjaannya; Dan bahawasanya tersebut, dengan tiada apa-apa halangan yang sah yang diberitahu kepada atau dibenarkan oleh mahkamah ini, telah tidak hadir di hadapan saya sebagaimana dia dikehendaki menurut saman itu, bahkan dia telah mengingkarkannya semua sekali; oleh yang demikian ini adalah menyuruh, menghendaki dan membenarkan kamu dan tiap-tiap seorang daripada kamu yang waran ini diarahkan supaya sesudah sahaja menerima waran ini menangkap tersebut dan membawanya ke hadapan mahkamah ini pada hari bulan 20 supaya dia diperiksa seperti tersebut di atas, dan untuk kamu berbuat demikian waran ini adalah cukup bagi kamu.

Betarikh pada.....hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 17*(Tajuk am)***WARAN TERHADAP BANKRAP YANG HENDAK MELARIKAN DIRI, DSB. (k. 57)**

Kepada..... pegawai mahkamah ini dan semua pegawai keamanan dalam bidang kuasa mahkamah tersebut, dan kepada penjaga (di sini masukkan penjara).

Bahawasanya menurut keterangan yang diambil atas sumpah, mahkamah berpuas hati, bahawa ada sebab yang mungkin bagi mengesyaki dan mempercayai bahawa tersebut di alamat hendak melarikan diri (atau sedang bersembunyi atau telah melarikan diri) dengan tujuan hendak mengelakkan daripada disampaikan permohonan kebangkrapan atau mengelakkan daripada hadir mengenai permohonan kebangkrapan (atau mengelakkan daripada diperiksa berkenaan dengan hal ehwalnya ataupun melengahkan atau menyebabkan keadaan serba salah kepada prosiding kebangkrapan) (atau mengelakkan daripada membayar hutang hukuman yang suatu notis kebangkrapan telah dikeluarkan mengenainya);

(Atau bahawa ada sebab yang mungkin bagi mengesyaki dan mempercayai bahawa tersebut sedang hendak memindahkan barang-barang atau benda-bendanya dengan tujuan hendak mengelakkan atau melengahkan barang-barang itu daripada diambil milik oleh Ketua Pengarah Insolvensi atau bahawa ada alasan yang mungkin bagi mempercayai bahawa tersebut telah menyembunyikan atau hendak menyembunyikan atau membinasakan barang atau bendanya, atau buku-buku, dokumen, atau tulisan-tulisannya yang mungkin berguna kepada pemiutang dalam sepanjang kebangkrapannya);

(Atau bahawasanya, menurut keterangan yang diambil atas sumpah, mahkamah berpuas hati bahawa tersebut telah memindahkan sesetengah barang dan bendanya yang ada dalam milikannya bernilai lebih daripada RM....., tanpa keizinan Ketua Pengarah Insolvensi, iaitu:

(Di sini perihalkan barang atau benda itu).

(Atau bahawa dengan tiada sebab yang baik telah gagal untuk hadir ke mahkamah ini pada hari bulan....., 20....., bagi maksud diperiksa menurut kehendak perintah mahkamah ini yang dibuat pada hari bulan , 20....., yang mengarahkannya supaya hadir sedemikian).

Oleh yang demikian kamu dikehendaki supaya menangkap dan mengemukakannya dengan segera di hadapan mahkamah itu atau, sekiranya mahkamah ini tidak bersidang, menyerahkannya kepada penjaga penjara yang tersebut di atas, dan, selepas itu setelah menyempurnakan waran ini, mengembalikannya ke mahkamah ini yang mana tempat, waktu dan cara pelaksanaan diindorskan padanya, dan kamu, penjaga tersebut itu juga supaya menerima..... tersebut dan menahannya dengan selamat dalam penjara tersebut sehingga mahkamah ini bersidang seterusnya dan selepas itu terus menahannya sehingga suatu masa sebagaimana diarahkan oleh mahkamah ini, melainkan mahkamah ini memerintahkan supaya dia dilepaskan.

Bertarikh pada , hari bulan....., 20.....

.....

Pendaftar

No. 18*(Tajuk am)***PERINTAH UNTUK PENGEMUKAAN ORANG DALAM PENJARA UNTUK PEMERIKSAAN DI HADAPAN MAHKAMAH (k. 57)**

Atas permintaan yang dibuat pada hari bulan oleh (permohonan) untuk suatu perintah bagi mengemukakan yang telah dipenjarakan kerana penghinaan menurut perintah mahkamah ini bertarikh pada hari bulan, untuk pemeriksaan di hadapan mahkamah ini; maka adalah diperintahkan bahawa penjaga (di sini masukkan nama penjara) hendaklah menyebabkan tersebut dibawa dalam jagaan ke hadapan mahkamah di pada hari bulan....., untuk pemeriksaan di hadapan mahkamah, dan kemudiannya hendaklah dibawa balik ke penjara tersebut, untuk ditahan di situ dengan selamat menurut perintah tersebut.

Betarikh pada hari bulan, 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 19

(Tajuk am)

**PERMOHONAN KETUA PENGARAH INSOLVENSII UNTUK KOMITAL BANKRAP ATAU
ORANG LAIN (k. 59)**

Saya, Ketua Pengarah Insolvensi kepada harta bankrap tersebut (mengikut mana-mana yang berkenaan), memohon kepada mahkamah untuk perintah komital untuk penghinaan mahkamah ini terhadap bankrap (atau), atas alasan sebagaimana dilampirkan dalam afidavit.

Bertarikh pada hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 20*(Tajuk am)***AFIDAVIT KETUA PENGARAH INSOLVENS DI BAWAH SUBSEKSYEN 55(5) (k. 59)**

Saya,....., Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta yang tersebut, seorang bankrap, mengangkat sumpah dan menyatakan:

1. Bahawa saya percaya bahawa yang beralamat di ada dalam milikan atau kuasanya sebagai (di sini nyatakan kapasiti orang itu mewakili bankrap) wang tertentu (dan cagaran milik bankrap) iaitu (di sini nyatakan serta perincian wang dan cagaran yang tertentu itu).

2. Bahawa pada hari bulan....., 20....., saya telah memohon sendiri kepada tersebut, supaya membayar dan menyerahkan kepada saya wang dan cagaran yang tersebut dan bahawa pada masa itu ataupun semenjak daripada itu dia tidak membayar atau menyerahkan kepada saya wang dan cagaran itu (atau, Bahawa, pada hari bulan 20....., saya telah mengeposkan sepucuk surat kepada tersebut dengan dialamatkan kepadanya di memintanya supaya, dsb., dan bahawa pada hari bulan 20..... saya telah mengeposkan sepucuk surat lain memintanya sekali lagi supaya, dsb., dan bahawa dia telah gagal membayar dan menyerahkannya).

3. Bahawa saya sesungguhnya mempercayai bahawa tersebut tidaklah berhak di sisi undang-undang menahan wang (dan cagaran) itu terhadap bankrap atau terhadap saya sebagai Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta bankrap.

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

No. 21

(Tajuk am)

**AFIDAVIT ORANG YANG BERKEPENTINGAN DALAM SUATU KOMPOSISI, UNTUK KOMITAL
(k. 59)**

Dalam perkara dalam suatu komposisi yang dibuat oleh untuk saya,
..... yang beralamat di mengangkat sumpah dan menyatakan:

1. Bahawa, yang beralamat di, telah melalui suatu perintah oleh mahkamah ini telah dibuat pada hari bulan, 20....., mengarahkan untuk (di sini nyatakan perintah).

2. Bahawa suatu salinan perintah tersebut telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada

3. Bahawa yang tersebut telah gagal untuk mematuhi perintah tersebut.

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

No. 22

(Tajuk am)

AFIDAVIT KETIDAKPATUHAN PERINTAH DI BAWAH SUBSEKSYEN 91(2) (k. 59)

Saya,..... yang beralamat di.....mengaku dan menyatakan:

1. Bahawa.....yang beralamat di....., menurut suatu perintah.....yang dibuat pada.....hari bulan....., 20....., telah diperintahkan supaya (di sini nyatakan perintah itu).

2. Bahawa (suatu salinan) perintah tersebut telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada..... yang tersebut itu.

3. Bahawa.....yang tersebut itu telah tidak mematuhi perintah itu,

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

No. 23

(Tajuk am)

**NOTIS MENGENAI PERMOHONAN UNTUK KOMITAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 18(13) DAN
SEKSYEN 27 (k. 60)**

Kepada

Ambil perhatian bahawa padahari bulan....., 20....., pada pukul
.....(masa).....yang beralamat di.....akan memohon kepada
mahkamah ini untuk suatu perintah memenjarakan kamu kerana penghinaan terhadap
mahkamah ini oleh kerana kamu tidak menurut perintah mahkamah ini yang dibuat
pada.....hari bulan....., 20.....(di sini nyatakan perintah itu). Dan
ambil perhatian juga bahawa kamu adalah dikehendaki hadir di hadapan mahkamah pada hari
dan pada waktu yang dinyatakan di atas untuk menunjukkan sebab suatu perintah untuk
memenjarakan kamu tidak patut dibuat,

Bertarikh pada.....hari bulan....., 20.....

.....
Pendaftar

No. 24

(Tajuk am)

PERINTAH KOMITAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 18(13) ATAU SEKSYEN 27 (k. 60)

Bahawa dengan perintah mahkamah ini yang dibuat pada..... hari bulan , 20..... (di sini sebutkan perintah):

Sekarang atas permohonan oleh....., yang beralamat di dan setelah mendengar..... (atau mengikut mana-mana yang berkenaan), (atau jika dia tidak hadir) membaca affidavit oleh (di sini masukkan nama, nombor kad pengenalan dan perihal orang yang perintah itu disampaikan ke atasnya), dan setelah membaca affidavit oleh (masukkan keterangan), mahkamah berpendapat bahawa telah bersalah menghina atas ketidakpatuhannya terhadap perintah itu, adalah diperintahkan bahawa hendaklah dipenjarakan dalam (di sini masukkan penjara) atas penghinaannya

Bertarikh pada hari bulan , 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 25

(Tajuk am)

NOTIS PERMOHONAN UNTUK KOMITAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 55(5) (k. 60)

Kepada

(Di sini masukkan nama, nombor kad pengenalan, alamat dan perihal orang yang notis akan dihantarkan)

Ambil perhatian bahawa Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta bankrap tersebut akan pada hari bulan, 20....., pada (masa), memohon kepada mahkamah, untuk suatu perintah untuk pemenjaraan kamu bagi penghinaan mahkamah, kamu telah gagal untuk membayar dan menghantar kepadanya wang tertentu (dan cagaran) milik bankrap dalam milikan atau di bawah kuasa kamu seperti (di sini nyatakan sama ada, sebagai bendahari, jurubank, dsb.) yang bermaksud (di sini nyatakan dan perihalkan wang dan cagaran tertentu). Dan selanjutnya ambil perhatian bahawa kamu dikehendaki untuk hadir ke mahkamah pada hari dan waktu yang dinyatakan untuk menunjukkan sebab suatu perintah untuk komital kamu tidak patut dibuat.

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Pendaftar

No. 26

(Tajuk am)

PERINTAH KOMITAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 55(5) (k. 60)

Atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta bankrap dan setelah mendengar.....(atau sekiranya dia tidak hadir) dan membaca afidavit (di sini masukkan nama dan perihal orang yang menyampaikan notis supaya menunjukkan sebab itu) dan setelah membaca afidavit (masukkan keterangan) mahkamah berpendapat bahawa telah melakukan kesalahan penghinaan terhadap mahkamah ini oleh kerana tidak membayar dan menyerahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi tersebut wang (dan cagaran) tertentu (di sini mengikut notis itu), dan bahawa.....tersebut hendaklah dipenjarakan dalam (di sini masukkan penjara) kerana penghinaan tersebut.

Bertarikh pada.....hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 27

(Tajuk am)

PERINTAH UNTUK PELEPASAN DARI TAHANAN KERANA PENGHINAAN (k. 61)

Atas permohonan yang dibuat pada..... hari bulan.....
20....., bagi pihak....., yang telah dipenjarakan kerana penghinaan
menurut perintah mahkamah ini, bertarikh pada....., hari bulan.....
20....., dan setelah membaca afidavitnya yang menunjukkan bahawa dia telah
membersihkan (atau berkehendak membersihkan) penghinaannya dan telah membayar belanja
yang disebabkan oleh yang demikian itu, dan telah setelah mendengar Ketua Pengarah
Insolvensi (atau..... yang beralamat di.....) maka
adalah diperintahkan bahawa penjaga (di sini masukkan nama penjara) hendaklah
melepaskan..... yang tersebut itu dari jagaannya, kerana penghinaan
tersebut.

Bertarikh pada.....hari bulan..... 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 28

(Tajuk am)

**LAPORAN PENDAFTAR JIKA BANKRAP ATAU SAKSI ENGGAN
MENJAWAB HINGGA MEMUASKAN HATINYA (k. 62)**

Dalam pemeriksaan (awam) (a).....yang diadakan di hadapan saya pada..... hari bulan....., 20....., soalan yang berikut telah saya benarkan supaya dikemukakan kepada (.....) tersebut.

S. (b).....

(c) enggan menjawab soalan tersebut (atau) (c) menjawab soalan tersebut seperti berikut:

J. (d)

Sesudah itu saya tetapkan..... hari bulan....., 20..... pada pukul..... sebagai masa dan tempat bagi jawapan itu (keengganan menjawab itu) dilaporkan kepada Tuan Hakim

Bertarikh pada, hari bulan....., 20

.....
Pendaftar

-
- (a) Bankrap yang namanya tersebut di atas, atau A.B., seorang saksi dalam perkara di atas.
 - (b) Di sini nyatakan soalan.
 - (c) Bankrap atau saksi.
 - (d) Di sini masukkan jawapan (jika ada).

No. 29

(Tajuk am)

PERMINTAAN SUPAYA MENYERAHKAN BIL UNTUK DITETAPKAN (s. 75)

Dengan ini saya meminta bahawa kamu hendaklah dalam masa tujuh hari dari tarikh ini atau dalam masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah menyerahkan kepada Pendaftar mahkamah bil belanja (atau bayaran) kamu sebagai (di sini nyatakan atas sifat apa orang itu digaji atau diambil bekerja) untuk ditetapkan, jika tidak saya akan, menurut undang-undang mengisytiharkan dan membahagi-bahagikan dividen dengan tidak mengindahkan apa-apa tuntutan yang kamu mungkin ada terhadap saya atau terhadap harta bankrap.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 30

(Tajuk am)

ALOKATUR (k. 74)

Saya, dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menetapkan bil kos (atau caj) (atau perbelanjaan) (di sini nyatakan kapasiti yang bekerja atau terlibat) (mana-mana perlu tambah "menurut suatu perintah oleh mahkamah bertarikh hari bulan, 20....."), dan telah membenarkan yang sama (dalam kes kos peguam cara nyatakan sama ada pada skala yang lebih tinggi atau lebih rendah) pada jumlah RM..... (mana-mana perlu "jumlah yang perlu dibayar kepada..... oleh..... sebagaimana diarahkan oleh perintah tersebut.").

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Pendaftar

RM

No. 31*(Tajuk am)***SENARAI YANG PERLU DISIMPAN OLEH PEGAWAI PENETAPAN (k. 75)**

Perkara	Nama Penghutang	Jumlah Kasar Bil	Jumlah untuk Ditetapkan	Jumlah Bersih Dibenarkan
Bil peguam cara				
Bil pelelong				
Bil Syerif				
Ketua Pengarah Insolvensi atau bil pengurus				
Bil akauntan				
Bil lain				

No. 32

(Tajuk am)

PENYATA OLEH PEGAWAI PENETAPAN (k. 75)

Dalam Mahkamah Tinggi, dsb..... pada

PENYATA BIL ditetapkan pada tahun berakhir 31 Disember, 20.....

	AKTA INSOLVENSI				AKTA LAIN			
	Bilangan Bil yang Ditetapkan	Jumlah Kasar Bil	Jumlah yang Dipotong Setelah Ditetapkan	Jumlah Bersih yang Dibenarkan	Bilangan Bil yang Ditetapkan	Jumlah Kasar Bil	Jumlah yang Dipotong Setelah Ditetapkan	Jumlah Bersih yang Dibenarkan
Bil peguam cara								
Bil pelelong								
Bil Syerif								
Bil Ketua Pengaruh Insolvensi atau Pengurus								
Bil akauntan								
Bil lain								

No. 33

(Tajuk am)

PENGISYTIHARAN KETIDAKUPAYAAN UNTUK MEMBAYAR (k. 88)

Saya (nama, No. KP, dan perihal penghutang) yang tinggal di..... (dan menjalankan perniagaan di), dengan ini membuat pengisytiharan bahawa saya tidak berupaya membayar hutang saya.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Tandatangan

Ditandatangani oleh penghutang di hadapan saya

Tandatangan saksi

Alamat

Perihal.....

Difail pada hari bulan....., 20.....

NOTA - Sekiranya penghutang tinggal di suatu tempat yang lain daripada tempat perniagaannya, kedua-dua alamat hendaklah dimasukkan.

No. 34*(Tajuk am)***NOTIS KEBANKRAPAN (k. 89)**

Kepada,

Ambil perhatian bahawa dalam tempoh (tujuh) hari selepas penyampaian notis ini terhadap kamu tidak termasuk hari penyampaian, kamu mesti membayar kepada, yang beralamat di, jumlah RM dituntut olehnya sebagai jumlah yang kena dibayar atas penghakiman muktamad yang diperolehi olehnya ke atas kamu di dalam mahkamah bertarikh yang pelaksanaannya belum ditangguh, atau kamu hendaklah menjamin atau mengkompaun untuk jumlah itu kepada kepuasan atau kepuasan mahkamah; atau kamu mesti memenuhi mahkamah bahawa kamu mempunyai tuntutan balas, tolakan atau tuntutan silang terhadap yang bersamaan dengan atau melebihi jumlah yang dituntut oleh dan yang kamu tidak dapat lakukan dalam tindakan yang penghakiman itu diperolehi.

Bertarikh padahari bulan, 20

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

PENGINDORSAN PADA NOTIS

Kamu hendaklah mengambil perhatian khususnya —

Bahawa akibat tidak mematuhi kehendak notis ini bahawa kamu telah melakukan tindakan kebangkrapan, yang prosiding kebangkrapan mungkin telah diambil terhadap kamu.

Walau bagaimanapun, sekiranya kamu mempunyai tuntutan balas, tolakan atau tuntutan silang yang bersamaan dengan atau melebihi jumlah yang dituntut oleh yang berkenaan dengan penghakiman, dan yang kamu tidak dapat lakukan dalam tindakan dalam penghakiman tersebut diperolehi, kamu hendaklah dalam tempoh hari memohon kepada mahkamah untuk mengeneipkan notis ini dengan memfailkan kepada Pendaftar suatu affidavit kepada kesan di atas.

Nama dan alamat peguam cara yang menyaman notis itu,

atau

Notis ini disaman oleh secara individu

No. 35*(Tajuk am)***PERMINTAAN MENGELUARKAN NOTIS KEBANKRAPAN (k. 90)**

1. Saya, yang beralamat di dengan ini meminta supaya suatu notis kebangkrapan dikeluarkan oleh mahkamah ini terhadap (di sini masukkan nama, nombor kad pengenalan, perihal dan alamat penghutang penghakiman).
2. yang tersebut telah dalam tempoh sebahagian besar satu tahun yang lalu tinggal di (atau menjalankan perniagaan di.....) dalam bidang kuasa mahkamah ini.
3. Saya mengemukakan suatu salinan pejabat bagi penghakiman muktamad terhadap yang didapati oleh dalam mahkamah..... di pada..... hari bulan....., 20..... .
4. Pelaksanaan atas hukuman tersebut telah tidak ditangguh.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Penghutang penghakiman
atau
Pegulam cara bagi penghutang penghakiman

NOTA - Sekiranya penghutang tinggal di suatu tempat yang lain daripada tempat perniagaannya, kedua-dua alamat hendaklah dimasukkan.

No. 36

(Tajuk am)

AFIDAVIT ATAS PERMOHONAN MEMBATALKAN NOTIS KEBANKRAPAN (k. 93)

Saya, yang beralamat di....., mengaku dan menyatakan:

1. Bahawa pada hari bulan..... 20....., saya telah disampaikan notis yang dilampirkan bersama ini (atau perihalkan notis itu).

Bahawa saya telah menjelaskan hutang penghakiman yang dituntut oleh melalui (nyatakan jenis penyelesaian).

Atau

2. Bahawa saya ada suatu tuntutan balas (atau tolakan atau tuntutan silang) sebanyak RM iaitu jumlah yang sama dengan (atau melebihi) tuntutan..... tersebut mengenai (di sini nyatakan alasan tuntutan balas itu).

3. Bahawa saya tidak mungkin dapat mengemukakan tuntutan balas tersebut (atau mengikut mana yang berkenaan) dalam tindakan dalam mana hukuman tersebut telah didapati terhadap saya.

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

No. 37

(Tajuk am)

AFIDAVIT MENGENAI PENYAMPAIAN NOTIS KEBANKRAPAN (k. 95)

Saya, yang beralamat di,
membuat pengakuan dan menyatakan:

1. Bahawa sesungguhnya saya, pada hari bersamaan..... hari bulan....., 20....., telah menyampaikan kepada yang tersebut di atas suatu salinan notis yang tersebut di atas, yang dimeterai dengan sepenuhnya dengan meterai mahkamah, dengan menyerahkannya sendiri kepada..... yang tersebut di (tempat) sebelum pukul..... (masa).
2. Suatu salinan yang dimeterai bagi notis tersebut bertanda A dilampirkan bersama ini.

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

Ketua Pengarah Insolvensi

KAMU HENDAKLAH MEMBERIKAN PERHATIAN DENGAN TELITI ARAHAN INI

- (a) Di sini masukkan nama dan nombor kad pengenalan penghutang, sebagaimana diberi dalam notis mesyuarat.
- (b) Masukkan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan pekerjaan deponen.
Jika bukti dibuat oleh pemiutang, potong fasal (c) dan (d).
Jika dibuat oleh kerani, potong (d).
Jika oleh ejen syarikat potong (c).

- (e) Masukkan saya dan kepada C.D. dan E.F., pekongsi bersama saya dalam perniagaan jika ada, atau, jika oleh kerani masukkan nama, alamat dan perihal prinsipal.

AMBIL PERHATIAN

- (f) Nyatakan balasan (sila nyatakan jenis hutang [seperti – barang-barang yang telah dijual dan diserahkan oleh saya (dan oleh pekongsi saya) kepadanya (atau mereka) atas permintaannya (atau mereka) di antara tarikh itu (atau wang yang didahulukan oleh saya bagi bil pertukaran yang tersebut di bawah ini) (atau mengikut mana-mana yang berkenaan)]. Lihat di belakang.
- (g) Pekongsi saya yang tersebut atau mana-mana daripada mereka atau pemiutang yang tersebut namanya di atas (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- (h) Saya atau kami atau mereka atau dia (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- (i) Di sini nyatakan butiran segala cagaran yang dipegang dan sekiranya cagaran itu adalah atas harta penghutang, tafsir nilai harta itu, dan sekiranya apa-apa bil atau cagaran lain yang boleh diniagakan dipegang, nyatakan dalam jadual itu.

*Sila lampirkan dokumen sokongan, yang berkaitan.

BUTIRAN AKAUN YANG DIRUJUK DI MUKA SEBELAH (Kredit hendaklah diberi bagi akaun kontra)

Jika ruang tidak cukup lampirkanlah butiran itu, tetapi jika butiran itu dibuat atas lembaran kertas yang berasingan maka yang demikian mestilah ditandai oleh orang yang di hadapannya affidavit itu telah diangkat sumpah.

Tarikh	Balasan	Jumlah	Catatan

Baucer (sekiranya ada), yang mana akaunnya boleh dibuktikan, hendaklah dinyatakan di sini.

No. 80

(Tajuk am)

BUKTI HUTANG PEKERJA (k. 168)

Saya, *....., yang beralamat di..... bankrap yang tersebut di atas (atau formen bankrap yang tersebut di atas (atau) bagi pihak pekerja dan lain-lain yang dalam perkhidmatan bankrap yang tersebut di atas) mengaku dan menyatakan:

1. Bahawa saya (atau yang tersebut) telah pada tarikh perintah kebangkrapan, iaitu, pada..... hari bulan....., 20....., dan masih dengan sesungguhnya dan sebenarnya berhutang kepada tiap-tiap seorang yang nama, alamat dan perihalnya ada tersebut dalam jadual di bawah ini bertulis (atau yang dilampirkan bersama ini), sebanyak yang masing-masingnya dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang keenam jadual itu kerana gaji yang kena dibayar kepada mereka masing-masing sebagai pekerja atau lain-lain dalam perkhidmatan saya (atau dalam perkhidmatan bankrap yang tersebut di atas) bagi perkhidmatan yang telah diberi oleh mereka masing-masing kepada saya (atau kepada bankrap yang tersebut di atas) dalam masa tempoh lima bulan yang berikut sebelum tarikh perintah kebangkrapan atau sebelum tarikh penamatan perkhidmatan mereka dalam tempoh dua belas bulan terdahulu daripada tarikh perintah kebangkrapan itu sebagaimana yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang kelima jadual itu, dan bagi wang tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya, saya menyatakan bahawa mereka tidak ada dan juga mana-mana daripada mereka tidak ada mendapat atau menerima apa-apa jua cara penyelesaian atau cagaran.

JADUAL YANG DIRUJUK DI ATAS

No.	Nama penuh pekerja dan nombor kad pengenalan	Alamat	Perihal	Tempoh gaji terhutang	Jumlah yang kena dibayar	Nota - Lekatkan setem dalam ruang ini

Diikrar di.....

Pada..... hari bulan.....

20.....

.....
Tandatangan deponen

Di hadapan saya,

.....

**Masukkan nama penuh, alamat dan pekerjaan deponen.*

No. 81

(Tajuk am)

NOTIS PENOLAKAN BUKTI HUTANG (k. 173)

Ambil notis bahawa , sebagai Ketua Pengarah Insolvensi bagi estet di atas, saya telah pada hari ini menolak tuntutan kamu terhadap estet secara penuh atau sebahagian sebanyak RM..... atas alasan- alasan yang berikut:

.....
.....

Dan ambil notis bahawa jika kamu tidak puas hati atas keputusan saya mengenai bukti kamu itu, kamu boleh memohon kepada mahkamah untuk mengakaskan atau mengubah keputusan itu, akan tetapi tertakluk kepada kuasa mahkamah melanjutkan masa, tiada apa-apa permohonan untuk mengakaskan atau mengubah keputusan saya menolak bukti kamu akan dilayan sebagai habis tempoh dua puluh satu hari dari tarikh ini.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

NOTIS PENERIMAAN

Kepada
Alamat
Tandatangan
Tarikh

*Sila kembalikan kepada Ketua Pengarah Insolvensi

No. 82

(Tajuk am)

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI NIAT UNTUK
MENGISYTIHARKAN DIVIDEN (k. 180)**

Dividen yang *..... dicadang untuk diisytiharkan dalam perkara di atas. Kamu disebut dalam pernyataan hal ehwal bankrap tetapi kamu belum lagi membuktikan hutang kamu. Jika kamu tidak membuktikan hutang kamu pada atau sebelum..... haribulan....., 20....., kamu akan dikeluarkan daripada dividen ini.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

Kepada,

.....
.....

**Masukkan di sini "pertama", atau "kedua" atau "akhir", atau mengikut mana-mana yang berkenaan.*

No. 83

(Tajuk am)

**NOTIS KEPADA ORANG YANG MENGAKU SEBAGAI
PEMIUTANG MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGISYTIHARKAN DIVIDEN AKHIR
(k. 180)**

Berkenaan:

Ambil perhatian bahawa suatu dividen akhir adalah dicadang untuk diisytiharkan dalam perkara di atas, dan bahawa jika kamu tidak membuktikan tuntutan kamu hingga memuaskan hati mahkamah pada atau sebelum..... hari bulan....., 20....., atau pada sesuatu tarikh yang kemudian sebagaimana ditetapkan oleh mahkamah, maka tuntutan kamu akan dihapuskan, dan saya akan terus membuat dividen akhir dengan tidak mengindahkan tuntutan itu.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 84

(Tajuk am)

NOTIS MENGENAI DIVIDEN (k. 180)

Kepada:

Alamat.....

Bertarikh pada..... 20.....

Dividen sebanyak RM.....

Adalah dengan ini diberi notis bahawa suatu dividen sebanyak RM..... telah diisytiharkan dalam perkara ini. Suatu cek untuk amaun itu akan dihantar kepada kamu dalam masa yang sewajarnya.

(Ditandatangani)

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 85*(Tajuk am)***SENARAI DIVIDEN UNTUK DIHANTAR KEPADA AKAUNTAN NEGARA (k. 180)**

Senarai hutang yang dibuktikan di bawah petisyen berserta dividen mengikut kadar.....peratus yang diisytiharkan atasnya oleh Ketua Pengarah Insolvency.

Bil.	Nama pemiutang atau firma	Jumlah yang dibuktikan (RM)	Dividen (RM)

No. 86

(Tajuk am)

PERMOHONAN PERINTAH UNTUK PELEPASAN (k. 183)

Kepada
Pendaftar
Mahkamah Tinggi,
.....

Saya, yang tinggal di
..... yang telah dihukum menjadi bankrap
pada.....hari bulan....., 20, dan berkehendakkan
saya dilepaskan, dengan ini memohon kepada mahkamah supaya menetapkan suatu hari untuk
membicarakan permintaan saya.

* Saya, dengan ini memohon kepada mahkamah untuk suatu perakuan untuk penyingkiran
ketidaklayakan di bawah seksyen 36 Akta.

Pemeriksaan awam saya telah tamat pada..... hari bulan.....,
20.....

Dilampirkan bersama ini ialah perakuan Ketua Pengarah Insolvensi menyatakan bilangan
pemiutang saya mengenainya dia telah diberitahu.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

(Ditandatangani).....

* Potong, mana-mana yang tidak berkaitan.

No. 87

(Tajuk am)

PERAKUAN MENGENAI BILANGAN PEMIUTANG (k. 183)

Saya memperakui bahawa bankrap tersebut di atas mempunyai orang pemiutang yang daripadanya telah membuktikan dan dikehendaki supaya diberitahu mengenai tujuan bankrap hendak memohon pelepasannya.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 88

(Tajuk am)

**NOTIS KEPADA KETUA PENGARAH INSOLVENSII MENGENAI PERMOHONAN PELEPASAN
(k. 183)**

Kepada Ketua Pengarah Insolvensi,

Oleh kerana bankrap telah memohon kepada mahkamah supaya dia dilepaskan, mahkamah telah menetapkan..... hari bulan....., 20....., pada pukul.....(masa) di Mahkamah Tinggi untuk mendengar permohonan itu.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Pendaftar

No. 89

(Tajuk am)

NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI PERMOHONAN PELEPASAN (k. 183)

Kepada

Ambil perhatian bahawa bankrap
yang beralamat di telah
meminta kepada mahkamah supaya dia dilepaskan, dan bahawa mahkamah telah menetapkan
..... hari bulan, 20....., pada pukul
....., untuk mendengar permohonan itu.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 90

(Tajuk am)

PERINTAH PELEPASAN DENGAN BERSYARAT DI BAWAH SUBSEKSYEN 33 (10) (k. 185)

Atas permohonan.....yang telah dihukum menjadi bankrap pada..... hari bulan....., 20..... dan setelah membaca..... dan mendengar.....

Maka diperintahkan bahawa bankrap hendaklah dilepaskan tertakluk kepada syarat yang berikut iaitu: Dia hendaklah bersetuju supaya penghakiman dikenakan terhadapnya oleh Ketua Pengarah Insolvensi sebanyak RM kerana baki hutang yang terbukti di bawah kebangkrapan itu yang tidak dijelaskan pada tarikh perintah ini. Dan ambil perhatian selanjutnya bahawa apabila persetujuan itu diberi penghakiman hendaklah dikenakan sebanyak RM yang tersebut berserta kos bagi penghakiman itu.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 91

(Tajuk am)

**PERSETUJUAN BANKRAP SUPAYA PENGHAKIMAN DIKENAKAN DI BAWAH
SUBSEKSYEN 33 (10) (k. 185)**

Saya, yang beralamat di.....
bankrap yang tersebut di atas, adalah dengan ini bersetuju supaya penghakiman dikenakan terhadap saya oleh Ketua Pengarah Insolvensi sebanyak RM, kerana baki hutang yang terbukti di bawah kebangkrapan saya yang tidak dijelaskan pada tarikh saya dilepaskan; tetapi persetujuan ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam subseksyen 33(10) Akta tentang pengeluaran pelaksanaan atas penghakiman itu.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

(Ditandatangani).....

No. 92

(Tajuk am)

PENGHAKIMAN HENDAKLAH DIKENAKAN MENURUT PERSETUJUAN (k. 185)

Menurut perintah mahkamah bertarikh..... hari bulan....., yang telah memerintahkan bahawa (sebutkan isi perintah).

Dan oleh kerana persetujuan yang disebutkan dalam perintah tersebut telah diberi dan difailkan dalam perkara di atas:

Maka pada hari ini adalah dihukumkan bahawa Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah mendapatkan daripada (nama bankrap) tersebut wang sebanyak RM..... berserta RM..... sebagai kos bagi penghakiman itu.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 93

(Tajuk am)

**AFIDAVIT BANKRAP YANG PELEPASANNYA TELAH DIBERI DENGAN BERSYARAT
TENTANG HARTA ATAU PENDAPATAN YANG DIPEROLEHI KEMUDIAN (k. 188)**

Saya, bankrap yang tersebut di atas, mengangkat sumpah dan menyatakan seperti berikut:

1. Semenjak tarikh saya dilepaskan saya telah tinggal dan menjalankan perniagaan di dan sekarang saya tinggal dan menjalankan perniagaan di

2. Pernyataan yang dilampirkan bersama ini ialah suatu akaun yang penuh, benar dan lengkap mengenai segala wang yang didapati oleh saya dan mengenai segala harta dan pendapatan yang diperoleh atau diterima oleh saya semenjak tarikh saya dilepaskan (atau semenjak tarikh yang terakhir bagi saya memfailkan suatu pernyataan dalam mahkamah mengenai pendapatan yang diperolehi kemudian), iaitu, pada..... hari bulan....., 20.....

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

No. 94*(Tajuk am)***PERINTAH PELEPASAN (k. 191)**

Atas permohonan, yang beralamat di yang telah dihukum menjadi bankrap pada.....hari bulan....., 20..... dan setelah mempertimbangkan laporan daripada Ketua Pengarah Insolvensi tentang kelakuan dan hal ehwal bankrap (dan setelah mendengar Ketua Pengarah Insolvensi dan pemiutang):

Dan bahawasanya telah tidak dibuktikan bahawa bankrap telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta atau seksyen 421, 422, 423, 424 dalam Kanun Keseksaan dan bahawasanya bukti telah tidak dibuat mengenai mana-mana "fakta" yang tersebut dalam subseksyen 33(6) atau dalam seksyen 34 Akta atau bahawa bankrap telah melakukan apa-apa kesalahan salah laku berhubung dengan harta dan hal ehwalnya: Maka adalah diperintahkan bahawa dia hendaklah dan dengan ini dia dilepaskan.

Atau

Dan bahawasanya bankrap telah melakukan kesalahan atau kesalahan-kesalahan yang berikut di bawah Akta atau/dan seksyen 421, 422, 423, 424 dalam Kanun Keseksaan iaitu (di sini nyatakan butir-butirnya).

Maka adalah diperintahkan bahawa pelepasannya adalah dengan ini ditolak.

Atau

Dan bahawasanya telah tidak dibuktikan bahawa bankrap telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta atau seksyen 421, 422, 423, 424 dalam Kanun Keseksaan akan tetapi bukti telah dibuat mengenai fakta yang berikut di bawah subseksyen 33(6) (atau/dan seksyen 34 Akta iaitu) (di sini nyatakan butir-butirnya) (atau/dan bahawa dia telah melakukan kesalahan salah laku berhubung dengan harta dan hal ehwalnya), iaitu (di sini nyatakan butir-butirnya):

Maka adalah diperintahkan bahawa pelepasannya hendaklah dengan ini pelepasannya adalah ditolak.

Atau

Maka adalah diperintahkan bahawa dia hendaklah dilepaskan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut, iaitu (di sini nyatakan syarat-syarat).

Atau

Maka adalah diperintahkan bahawa pelepasannya hendaklah digantung selama (masukkan tempoh), dan bahawa dia hendaklah dilepaskan mulai dari..... hari bulan....., 20..... iaitu (masukkan tempoh) dari tarikh perintah ini.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 95

(Tajuk am)

PERAKUAN UNTUK PENYINGKIRAN KETIDAKLAYAKAN (k. 192)

Bahawasanya suatu perintah lepas telah, pada..... hari bulan
....., 20 diberi kepada.....
yang beralamat di, bankrap
yang tersebut di atas, maka adalah dengan ini diperakui bahawa
kebankrapan..... tersebut telah disebabkan
oleh malang dengan tiada apa-apa salah laku di pihaknya.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 96

(Tajuk am)

Pemiutang (Nama dan Alamat):

1.

2.

3.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN PERAKUAN
PELEPASAN DI BAWAH SEKSYEN 33A (k. 194)**

AMBIL PERHATIAN BAHAWA Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta bankrap bernama di atas berhasrat untuk mengeluarkan suatu Perakuan pelepasan kebankrapan daripada bankrap.

DAN SELANJUTNYA AMBIL PERHATIAN bahawa apa-apa bantahan yang anda mungkin perlu untuk pengeluaran Perakuan yang memberhentikan bankrap daripada kebankrapan hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh penyampaian notis itu diberitahu kepada Ketua Pengarah Insolvensi yang menyatakan alasan anda bantahan.

* KETAHUILAH bahawa tiada bantahan akan dibuat terhadap bankrap yang disebutkan di atas menurut subseksyen 33A (2A) Akta.

Bertarikh padahari bulan 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

** Potong mana-mana yang tidak berkaitan.*

No. 97

(Tajuk am)

NOTIS BANTAHAN PEMIUTANG DI BAWAH SEKSYEN 33B (k. 195)

Saya/Kami seorang pemiutang/pemiutang-pemiutang kepada bankrap yang tersebut di atas membantah kepada pengeluaran

(Nama)

perakuan melepaskan bankrap dari kebangkrapan di bawah subseksyen 33B(2) Akta dengan alasan-alasan berikut:

(a)

(b)

(c)

Bertarikh padahari bulan, 20.....

.....
(Tandatangan Pemiutang)

.....
.....
(Alamat)

No. 98

Di Mahkamah Tinggi di Malaya / Sabah dan Sarawak di Malaysia

Dalam Perkara Kebankrapan No. of.....20.....

ANTARA

..... PLAINTIF

DAN

1.KETUA PENGARAH INSOLVENSI

RESPONDEN

2. NAMA BANKRAP

**PERMOHONAN OLEH PEMIUTANG UNTUK SUATU PERINTAH MENGHALANG KETUA
PENGARAH INSOLVENSI DARI MENGELUARKAN PERAKUAN PELEPASAN DI BAWAH
SUBSEKSYEN 33B (4) (k. 196)**

Saya/Kami seorang pemiutang/pemiutang-pemiutang membantah kepada pelepasan bankrap daripada kebangkrapan di bawah

(Nama)

subseksyen 33B(4) Akta yang melarang Ketua Pengarah Insolvensi daripada mengeluarkan suatu perakuan pelepasan di bawah seksyen 33A.

DAN SELANJUTNYA AMBIL PERHATIAN BAHAWA apa-apa bantahan yang kamu ada terhadap pelepasan daripada kebangkrapan hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh diberitahu oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

Bertarikh padahari bulan, 20.....

.....
(Tandatangan Pemiutang)

.....
.....
(Alamat)

No. 99

(Tajuk am)

PERAKUAN PELEPASAN DI BAWAH SEKSYEN 33A (k. 197)

Dalam perkara kebangkrapan () No.

Re:

Ex parte:

PERAKUAN PELEPASAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33A(1) Akta, saya dengan ini mengeluarkan suatu perakuan yang melepaskan yang dinamakan di atas dari kebangkrapannya berkuat kuasa dari

Bertarikh padahari bulan, 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 100

(Tajuk am)

Pemiutang (Nama and Alamat):

1.

2.

3.

NOTIS PELEPASAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 33C(3) (k. 200)

AMBIL PERHATIAN bahawa bankrap yang disebutkan di atas telah mematuhi semua kehendak di bawah seksyen 33C Akta dan hendaklah dilepaskan dari kebankrapannya

bertarikh padahari bulan, 20.....

DAN SELANJUTNYA AMBIL PERHATIAN bahawa mengambil bantahan bahawa apa-apa bantahan yang anda mungkin ada terhadap pelepasannya daripada kebankrapan hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh penyampaian notis itu, membuat permohonan kepada mahkamah yang menyatakan alasan bantahan anda.

DAN SELANJUTNYA AMBIL PERHATIAN BAHAWA apa-apa bantahan yang kamu ada terhadap pelepasan daripada kebankrapan hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh penyampaian notis, membuat suatu permohonan kepada mahkamah dengan menyatakan alasan bantahan kamu.

Bertarikh padahari bulan, 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 101

Dalam Mahkamah Tinggi di Malaya/Sabah and Sarawak di.....

Dalam Kebankrapan No..... di..... 20.....

ANTARA

..... PEMOHON

DAN

1. KETUA PENGARAH INSOLVENSİ

RESPONDEN

2. NAMA BANKRAP

**PERMOHONAN UNTUK PERINTAH MENGGANTUNG PELEPASAN DI BAWAH
SUBSEKSYEN 33C(4) (k. 201)**

Saya/Kami seorang pemiutang/pemiutang-pemiutang* kepada bankrap yang dinamakan di atas membantah kepada pelepasan

(*Nama*)

bankrap dalam kebangkrapan di bawah subseksyen 33C (4) Akta atas alasan berikut:

(a)

(b)

(c)

Bertarikhhari bulan, 20.....

.....
(*Tandatangan pemiutang*)

.....
.....

(*Alamat*)

No. 102

(Tajuk am)

PERAKUAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C (k. 202)

Dalam Perkara Kebankrapan () No.

Re:

Ex parte:

PERAKUAN PELEPASAN AUTOMATIK

Saya dengan ini mengeluarkan suatu perakuan pelepasan automatik kepada bankrap yang dinamakan di atas (pelepasan daripada kebankrapannya) berkuat kuasa daripada

Bertarikh hari bulan 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 103

(Tajuk am)

PROKSI AM (k. 204)

Saya, (pemiutang), dengan ini melantik Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara di atas (atau nama pekerja) menjadi proksi am dalam perkara di atas (kecuali sebagai penerimaan dividen).

Bertarikh pada..... hari bulan, 20.....

.....
Tandatangan

Tandatangan saksi

Alamat

NOTA

1. Apabila pemiutang berhasrat bahawa proksi amnya hendaklah menerima dividen, dia hendaklah memotong perkataan 'kecuali bagi penerimaan dividen', dengan memarapinya. Pemiutang hendaklah mengisi tempat kosong dalam tulisannya sendiri.

2. Ejen yang diberi kuasa oleh perbadanan boleh mengisi tempat kosong, dan menandatangani untuk perbadanan, misalnya untuk syarikat (nama syarikat):

(Ditandatangani) (diberi kuasa sewajarnya di bawah meterai syarikat).

3. Proksi yang diberikan oleh firma atau orang yang menjalankan perniagaan boleh mengisi dan menandatangani oleh mana-mana orang yang mempunyai kuasa am secara bertulis untuk menandatangani untuk firma atau orang tersebut. Orang tersebut hendaklah menandatangani:

(Ditandatangani) (diberi kuasa sewajarnya oleh kuasa am secara bertulis untuk menandatangani bagi pihak nama firma atau orang).

Nota — Ketua Pengarah Insolvency boleh menghendaki kuasa untuk menandatangani dikemukakan untuk pemeriksaannya.

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGI OLEH SAKSI APABILA PEMIUTANG SEORANG BUTA ATAU
TIDAK BERUPAYA UNTUK MENGISI PROKSI DI ATAS

Saya, (nama saksi), dengan ini memperakui bahawa semua kemasukan dalam proksi di atas adalah dalam tulisan saya sendiri, dan telah dibuat oleh saya atas permintaan yang dinamakan di atas..... (pemiutang), dan dalam kehadirannya sebelum dia melampirkan tandatangannya (atau tanda).

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Tandatangan

No. 104

(Tajuk am)

PROKSI KHAS (k. 204)

Saya,(pemiutang), dengan ini melantik Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara di atas (atau Encik yang beralamat di), sebagai proksi pada mesyuarat pemiutang yang akan diadakan pada..... hari bulan 20..... atau pada mana-mana penangguhan daripadanya, untuk mengundi
(a).....

(b).....

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

(Ditandatangani).....

Tandatangan saksi

Alamat

NOTA

1. Pemiutang hendaklah mengisi tempat kosong dalam tulisannya sendiri.

2. Ejen yang diberi kuasa oleh perbadanan boleh mengisi tempat kosong dan menandatangani untuk perbadanan, misalnya Untuk..... Syarikat (Ditandatangani) JS (diberi kuasa sewajarnya di bawah meterai Syarikat),

3. Proksi diberikan oleh firma, atau orang yang menjalankan perniagaan, boleh mengisi dan menandatangani oleh mana-mana orang yang mempunyai kuasa am secara bertulis untuk menandatangani untuk firma atau orang tersebut. Orang tersebut hendaklah menandatangani:

..... JS (diberi kuasa sewajarnya oleh kuasa am secara bertulis bagi pihak
(c).....

(d).....

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGI OLEH SAKSI APABILA PEMIUTANG SEORANG BUTA ATAU
TIDAK BERUPAYA UNTUK MENGISI PROKSI DI ATAS

Saya, (nama saksi), dengan ini memperakui bahawa semua kemasukan dalam proksi di atas adalah dalam tulisan saya sendiri, dan telah dibuat oleh saya atas permintaan yang dinamakan di atas..... (pemiutang), dan dalam kehadirannya sebelum dia melampirkan tandatangannya (atau tanda).

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Tandatangan

-
- (a) Masukkan perkataan 'untuk' atau perkataan 'terhadap' mengikut mana-mana yang berkenaan.
 - (b) Di sini nyatakan resolusi tertentu.
 - (c) Nama firma atau orang.
 - (d) Ketua Pengarah Insolvensi boleh menghendaki kuasa untuk menandatangani untuk dikemukakan untuk pemeriksaannya.

No. 105

(Tajuk am)

**SURAT UNDI UNTUK DILAMPIRKAN BERSAMA NOTIS MESYUARAT KEDUA
(k. 204 dan 208)**

Tuan,

Saya memohon tuan supaya merekodkan undi saya menyokong (atau menentang) komposisi yang dicadangkan di atas (atau skim perkiraan) dalam perkara tersebut.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

(Ditandatangani).....

Tandatangan saksi.....

Alamat.....

Kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta.....

Nota - Borang surat undi ini mestilah dihantar supaya sampai kepada Ketua Pengarah Insolvensi tidak lewat daripada sehari sebelum mesyuarat itu, dan mestilah berselem. Sekiranya tidak berselem, undi itu akan hilang.

No. 106

(Tajuk am)

**PERMOHONAN MELANJUTKAN MASA UNTUK MENGADAKAN
MESYUARAT PERTAMA (k. 208)**

Saya, Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara di atas memohon kepada mahkamah supaya melanjutkan masa sehingga..... hari bulan....., 20....., untuk mengadakan mesyuarat pertama bagi pemiutang atas alasan-alasan yang berikut:

Bahawa bankrap tersebut tidak menghantar suatu pernyataan mengenai dan berkaitan dengan hal ehwalnya dalam mematuhi seksyen 16 Akta.

Atau

Bahawa bankrap tersebut telah mendapat perlanjutan masa untuk menghantar suatu pernyataan mengenai dan berkaitan dengan hal ehwalnya, iaitu, sehingga..... hari bulan....., 20..... .

Atau

Bahawa notis yang ditetapkan dalam *Warta* Kerajaan mengenai mesyuarat pertama pemiutang dalam perkara di atas yang dikehendaki oleh kaedah 2, Jadual A kepada Akta tidak boleh diberikan dalam tempoh untuk mengadakan mesyuarat dalam masa..... dari tarikh perintah kebankrapan itu.

Atau

Bahawa mungkin ada masa yang mencukupi untuk buku penghutang diperiksa, pernyataan hal ehwalnya disiasat, dan ringkasan dan pemerhatian mengenai disediakan dan dicetak, menurut kaedah 3, Jadual A kepada Akta.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

PERINTAH UNTUK PELANJUTAN MASA UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT PERTAMA

Atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi maka diperintahkan bahawa masa untuk mengadakan mesyuarat pertama pemiutang dalam perkara di atas hendaklah dilanjutkan sehingga..... hari bulan....., 20..... .

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 107

(Tajuk am)

NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI MESYUARAT PERTAMA (k. 208)

(Di bawah perintah kebangkrapan bertarikh..... hari bulan....., 20.....)

Notis dengan ini diberi bahawa mesyuarat pertama pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di..... pada..... hari bulan....., 20....., pada (masa).

Untuk menjadikan kamu berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada pukul..... masa pada..... hari bulan....., 20.....

Borang bukti dan proksi am disertakan bersama ini. Borang proksi khas boleh didapati daripada saya atas permohonan daripada kamu atau ejen kamu yang diberi kuasa oleh kamu secara bertulis. Proksi yang akan digunakan dalam mesyuarat itu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada pukul..... (masa) pada..... hari bulan....., 20

Pemeriksaan awam bankrap ditetapkan pada..... hari bulan....., 20....., pada pukul (masa) di.....

Mana-mana pemiutang yang telah menyerahkan suatu bukti, atau wakilnya, yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal bankrap dalam pemeriksaan awamnya berkenaan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Tarikh.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

Pernyataan hal ehwal bankrap*.....

NOTA

Dalam mesyuarat pertama pemiutang boleh antara lain:

1. Melalui resolusi khas menetapkan untuk melayan suatu cadangan bagi suatu komposisi atau skim di bawah seksyen 18 Akta.
2. Melalui resolusi biasa menantik suatu jawatankuasa perunding sekiranya aset itu melebihi RM10,000 antara pemiutang yang berkecualan untuk mengundi, atau antara pemegang proksi am atau surat kuasa wakil am bagi pemiutang itu.
3. Dengan resolusi biasa menentukan saraan yang akan dibayar kepada pengurus khas, sekiranya seorang telah dilantik.

**Di sini masukkan "tidak diserahkan" atau "telah diserahkan dan ringkasan disertakan".*

No. 108*(Tajuk am)***NOTIS KEPADA PEMIUTANG BERKENAAN MESYUARAT
PERTAMA YANG BAHARU (k. 208)**

Ambil perhatian bahawa menurut suatu perintah yang dibuat oleh mahkamah pada hari bulan....., 20..... suatu mesyuarat pertama yang baharu bagi pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di....., pada..... hari bulan....., 20....., pada pukul..... (masa).

Untuk menjadikan kamu berhak untuk mengundi, bukti kamu sekiranya belum lagi diserahkan, mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada pukul..... (masa) pada..... hari bulan....., 20.....

Borang proksi khas boleh didapati daripada saya atas permohonan.

*Pemeriksaan awam pemiutang ditetapkan pada..... hari bulan....., 20....., pada pukul (masa) di..... (tempat).

*Potong, di mana-mana jua berkaitan.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

NOTA

Dalam mesyuarat pertama yang baharu pemiutang boleh (antara lain):

1. Melalui resolusi khas menetapkan untuk melayan suatu cadangan bagi suatu komposisi atau skim di bawah seksyen 18 Akta.
2. Melalui resolusi biasa melantik suatu jawatankuasa perunding sekiranya aset itu melebihi RM10,000 antara pemiutang yang berkelayakan mengundi, atau antara pemegang proksi am atau surat kuasa wakil am bagi pemiutang itu.
3. Melalui resolusi biasa menentukan saraan yang akan dibayar kepada pengurus khas, sekiranya seorang telah dilantik.

No. 109

(Tajuk am)

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI MESYUARAT PERTAMA
DALAM KES RINGKAS JIKA BANKRAP TIDAK MENGEMUKAKAN
TAWARAN KOMPOSISI (k. 208)**

Kes Ringkas

(Di bawah perintah kebankrapan bertarikh..... hari bulan....., 20.....)

Notis dengan ini diberi bahawa mesyuarat pemiutang pertama dalam perkara di atas akan diadakan di, pada..... hari bulan....., 20....., pada pukul..... (masa), bagi maksud menerima suatu laporan daripada Ketua Pengarah Insolvensi atas kedudukan harta.

Penghutang telah dihukum menjadi bankrap, dan suatu perintah untuk pentadbiran ringkas telah dibuat oleh mahkamah.

Untuk memberikan kamu hak untuk mengundi dalam mesyuarat itu, bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada pukul..... (masa) pada..... hari bulan....., 20.....

Borang bukti dan proksi am disertakan bersama ini. Borang proksi khas boleh didapati daripada saya atas permohonan daripada kamu atau daripada ejen kamu, yang diberi kuasa oleh kamu secara bertulis. Proksi yang hendak digunakan dalam mesyuarat itu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada pukul..... (masa) pada..... hari bulan....., 20.....

Mana-mana pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal bankrap dalam pemeriksaan awamnya tentang hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

Alamat.....
Pernyataan hal ehwal bankrap *.....

**Di sini masukkan "telah tidak diserahkan" atau "telah diserahkan dan ringkasan disertakan".*

No. 110

(Tajuk am)

**NOTIS MENGENAI MESYUARAT DALAM KES RINGKAS JIKA BANKRAP
MENGEMUKAKAN TAWARAN KOMPOSISI, DSB. (k. 208)**

Kes Ringkas

(Di bawah perintah kebangkrapan bertarikh.....)

Notis dengan ini diberi bahawa suatu mesyuarat am pemiutang bagi bankrap yang tersebut di atas akan diadakan di.....pada.....
(tempat) hari bulan....., 20....., tepat pada pukul.....
(masa).

Suatu perintah bagi pentadbiran ringkas telah dibuat oleh mahkamah pada.....

Pemiutang yang berkeelayakan untuk mengundi dalam mesyuarat itu boleh, dengan suatu resolusi yang diluluskan dengan majoriti dalam bilangan, dan sekurang-kurangnya tiga perempat mengikut nilai, pemiutang yang telah membuktikan hutang mereka, menerima cadangan yang dibuat oleh bankrap bagi suatu komposisi (atau skim), terma yang dinyatakan dalam laporan yang disertakan ini, atau apa-apa pindaan mengenai cadangan itu yang, pada pendapat Ketua Pengarah Insolvensi, dikira akan memberi faedah kepada kumpulan pemiutang semuanya.

Bukti hutang yang dicadang hendak digunakan dalam mesyuarat itu mestilah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi tidak lewat daripada pukul..... (masa) pada..... hari bulan....., 20.....

Pemiutang yang membuktikan hutang mereka, dan yang buktinya diterima, dan yang tidak mengundi atas cadangan bankrap itu, akan dikira sebagai mengundi menentanginya.

Satu persidangan mahkamah bagi pemeriksaan awam bankrap akan diadakan di..... pada..... hari bulan....., 20....., pada pukul (masa).

Mana-mana pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal bankrap dalam pemeriksaan awamnya tentang hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....
Alamat.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

NOTA

1. Pemiutang yang telah membuktikan boleh mengundi untuk menyokong atau menentang penerimaan cadangan bankrap dengan menggunakan surat undi yang dilampirkan bersama laporan Ketua Pengarah Insolvensi itu.
2. Borang bukti dan proksi am dan suatu ringkasan mengenai pernyataan hal ehwal adalah dihantar bersama ini.
3. Borang proksi khas boleh didapati daripada Ketua Pengarah Insolvensi oleh mana-mana pemiutang, atau oleh ejennya yang diberi kuasa secara bertulis.

No. 111

(Tajuk am)

**LAPORAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ ATAS CADANGAN UNTUK KOMPOSISI
ATAU SKIM DAN SURAT UNDI DALAM KES RINGKAS (k. 208)**

Kes Ringkas

Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta di atas dengan ini melaporkan:

Bahawa bankrap telah menyerahkan kepadanya suatu cadangan untuk komposisi (atau skim) untuk dikemukakan kepada pemiutang dan yang berikut ialah salinannya:

(a).....
.....

Bahawa tanggungan, seperti yang ditunjukkan dalam pernyataan hal ehwal bankrap itu, berjumlah sebanyak RM..... dan aset adalah dianggarkan oleh bankrap sebanyak RM..... setelah pembayaran hutang yang diutamakan.

Bahawa nilai aset itu adalah (dianggarkan dengan berpatutan oleh bankrap)
(b).....

Bahawa terma bagi cadangan bankrap itu
(c).....
.....

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Tandatangan

Alamat.....

SURAT UNDI

Kepada
No pada 20.....

Saya, daripada, seorang pemiutang dalam perkara di atas bagi jumlah RM dengan ini memohon Ketua Pengarah Insolvensi kepada estet berikut merekod undi (d)..... penerimaan cadangan yang tersebut di atas atau apa-apa pindaan yang hendaklah pada pendapat Ketua Pengarah Insolvensi akan dikira untuk memberi faedah kepada kumpulan pemiutang semuanya.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Tandatangan

Saksi

Alamat

Nota – Borang surat undi ini mestilah disertai dengan suatu praecipec setem. Sebaliknya undi itu akan hilang.

-
- (a) *Di sini nyatakan dengan sepenuhnya terma cadangan itu.*
 - (b) *Atau mengikut mana-mana yang berkenaan.*
 - (c) Nyatakan laporan mengenai cadangan itu.
 - (d) Masukkan di sini perkataan “menyokong” atau perkataan “menentang” mengikut mana-mana yang berkenaan.

No. 112

(Tajuk am)

**NOTIS KEPADA BANKRAP SUPAYA MENGHADIRI MESYUARAT
PERTAMA PEMIUTANG (k. 208)**

Kepada bankrap yang tersebut di atas

Ambil perhatian bahawa mesyuarat pertama pemiutang kamu akan diadakan pada hari..... bersamaan..... hari bulan....., 20....., pada pukul (masa) di..... (tempat) dan bahawa kamu adalah dikehendaki hadir dan patuh kepada apa-apa pemeriksaan dan memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh mesyuarat itu. Dan selanjutnya, ambil perhatian bahawa sekiranya kamu tidak mematuhi kehendak notis ini, kamu akan melakukan suatu kesalahan kerana penghinaan terhadap mahkamah, dan boleh dihukum dengan sewajarnya.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 113

(Tajuk am)

**KUASA UNTUK TIMBALAN BERTINDAK SEBAGAI PENERUS MESYUARAT DAN
PENGUNAAN PROKSI (k. 208 dan Item 7 Jadual A Akta)**

Saya,, Ketua Pengarah Insolvency dengan ini mencalonkan Encik yang beralamat di menjadi penerus kepada mesyuarat pertama pemiutang dalam perkara di atas, dilantik untuk diadakan di..... pada hari bulan, 20....., dan saya mewakilkan dia*..... untuk menghadiri mesyuarat tersebut dan menggunakan, bagi pihak saya, mana-mana proksi yang dipegang oleh saya dalam perkara ini.

Bertarikh pada..... hari bulan, 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvency

*Menjadi seorang dalam pekerjaan saya atau di bawah kawalan rasmi saya.

No. 114

(Tajuk am)

**MEMORANDUM MENGENAI PROSIDING DALAM MESYUARAT PERTAMA
DALAM KES RINGKAS (s. 126, Item 24 Jadual A Akta dan k. 208)**

Di hadapan di.....
pada..... hari bulan....., 20....., pada pukul..... (masa).

Memorandum – Mesyuarat pertama pemiutang dalam perkara di atas telah diadakan di tempat dan pada masa yang tersebut di atas, dan beberapa bukti hutang yang diserahkan itu telah dikemukakan, akan tetapi tiada apa-apa resolusi diluluskan.

.....
Pengerusi

No. 115

(Tajuk am)

**PERINTAH MAHKAMAH UNTUK MESYUARAT AM PEMIUTANG
(k. 208 dan Item 5 Jadual A Akta)**

Atas permohonan oleh, yang beralamat di..... maka diarahkan bahawa pemegang amanah bagi harta bankrap (atau Ketua Pengarah Insolvensi mahkamah ini) memanggil suatu mesyuarat pemiutang bankrap yang akan diadakan di pada hari bulan, 20....., pada (masa) untuk (di sini nyatakan tujuan mesyuarat itu dipanggil).

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 116

(Tajuk am)

NOTIS MESYUARAT (BENTUK AM) (k. 208)

Ambil perhatian bahawa mesyuarat pemiutang bagi perkara di atas yang akan diadakan di pada hari bulan, 20....., pada(masa).

AGENDA*

.....
.....
.....

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvency

Alamat

Nota — Suatu borang proksi khas boleh didapati atas permohonan Ketua Pengarah Insolvency pada

Permohonan awal adalah perlu, memandangkan proksi mestilah dikemukakan kepada orang yang memanggil mesyuarat itu tidak lebih daripada hari sebelum mesyuarat itu.

* Di sini masukkan tujuan mesyuarat dipanggil.

No. 117

(Tajuk am)

AFIDAVIT PENGEPOSAN NOTIS MESYUARAT PERTAMA (k. 209)

Saya,, seorang kerani dalam pejabat Ketua Pengarah Insolvency, mengaku dan menyatakan seperti berikut:

1. Bahawa saya pada.....hari bulan....., 20..... telah menghantar kepada tiap-tiap seorang pemiutang yang tersebut dalam pernyataan hal ehwal bankrap, dan kepada bankrap yang tersebut di atas suatu notis mengenai masa dan tempat bagi (a)..... mesyuarat pertama pemiutang, (b) *disertai dengan suatu ringkasan pernyataan hal ehwal bankrap dalam borang yang dilampirkan bersama ini masing-masingnya bertanda "A" dan "B"*.
2. Bahawa notis itu telah dialamatkan kepada pemiutang tersebut, mengikut nama dan alamat mereka masing-masing yang terdapat dalam pernyataan hal ehwal bankrap tersebut, dan juga kepada bankrap tersebut di..... (tempat).
3. Bahawa saya telah menghantar notis tersebut dengan memasukkannya ke pejabat pos sebelum pukul..... (masa) pada hari tersebut.

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

-
- (a) *Masukkan di sini jika perlu "yang ditangguhkan" atau "yang baharu" atau "baharu yang ditangguhkan".*
 - (b) *Potong perkataan dalam huruf condong sekiranya ringkasan tidak dihantar.*

No. 118

(Tajuk am)

AFIDAVIT MENGENAI PENGEPOSAN NOTIS (AM) (k. 209)

Saya,, seorang kerani dalam pejabat Ketua Pengarah Insolvensi mengangkat sumpah dan menyatakan seperti berikut:

1. Bahawa saya pada..... hari bulan....., 20....., telah menghantar kepada tiap-tiap pemiutang yang telah membuktikan dalam perkara ini, dan juga kepada semua pemiutang yang tersebut dalam pernyataan hal ehwal bankrap suatu notis mengenai masa dan tempat mesyuarat *..... dengan borang yang dilampirkan bersama ini bertanda "A".
2. Bahawa notis itu telah dialamatkan kepada mana-mana pemiutang tersebut yang telah membuktikan hutang mereka mengikut alamat dalam bukti mereka masing-masing, dan kepada mana-mana daripada mereka yang belum lagi membuktikan, mengikut nama dan alamat mereka masing-masing yang terdapat dalam pernyataan hal ehwal bankrap tersebut.
3. Bahawa saya telah menghantar notis tersebut dengan memasukkannya ke pejabat pos di....., sebelum pukul..... (masa) pada hari tersebut itu.

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6.

**Masukkan di sini "am" atau "am yang ditangguhkan" mengikut mana-mana yang berkenaan.*

No. 119

(Tajuk am)

NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI MESYUARAT YANG DITANGGUH (k. 212)

Ambil perhatian bahawa mesyuarat pemiutang bagi perkara di atas akan diadakan pada hari bulan di (tempat) telah ditangguhkan kepada hari bulan..... dan seterusnya akan diadakan di..... (tempat) pada hari tersebut pada (masa).

AGENDA*

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

Alamat

*Masukkan di sini jenis perniagaan yang dijalankan.

No. 120

(Tajuk am)

MEMORANDUM PROSIDING PADA MESYUARAT PERTAMA YANG DITANGGUH. TIADA KORUM (k. 212)

Di hadapan pada hari bulan hari20....., pada..... (masa).

Memorandum — Mesyuarat pertama pemiutang yang ditangguh dalam perkara di atas telah diadakan pada masa dan di tempat yang tersebut di atas, dan beberapa bukti hutang yang dikemuka dikeluarkan, tetapi menunjukkan bahawa tiada korum bagi pemiutang yang layak mengundi hadir atau diwakili, tiada resolusi diluluskan, dan mesyuarat itu tidak lagi ditangguh.

.....
Pengerusi

No. 121

(Tajuk am)

MEMORANDUM PENANGGUHAN MESYUARAT PERTAMA ATAU MESYUARAT LAIN (k. 212)

Di hadapan di pada hari bulan, 20....., pada(masa).

Memorandum — Mesyuarat pemiutang (a)..... dalam perkara di atas telah diadakan pada masa dan tempat yang tersebut di atas, dan beberapa bukti hutang yang dikemukakan telah dikeluarkan; tetapi menunjukkan bahawa (b)..... mesyuarat itu telah ditangguhkan sehingga hari bulan, 20....., pada (masa), kemudian akan diadakan di tempat yang sama.

.....
Pengerusi

-
- (a) "Pertama" mengikut mana-mana yang berkenaan.
(b) Di sini nyatakan sebab penangguhan.

No. 122*(Tajuk am)***SENARAI PEMIUTANG YANG TERHIMPUN UNTUK DIGUNAKAN PADA SETIAP MESYUARAT
(k. 213)***(Kecuali suatu mesyuarat kedua yang skim atau komposisi dilayan)*

Mesyuarat diadakan di ini hari bulan....., 20.....

No.	Nama pemiutang yang hadir atau terhimpun	Jumlah bukti
	Jumlah bilangan pemiutang hadir atau terhimpun	

No. 123

(Tajuk am)

PERMOHONAN UNTUK PENTADBIRAN RINGKAS DI BAWAH SEKSYEN 106 (k. 227)

Saya, Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara di atas, dengan ini melapor kepada mahkamah bahawa harta bankrap tidak mungkin akan melebihi nilai RM10,000, dan saya memohon kepada mahkamah boleh memerintah agar aset ditadbirkan secara ringkas menurut seksyen 106 Akta.

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

No. 124

(Tajuk am)

PERINTAH PENTADBIRAN RINGKAS (k. 227)

Atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi, dan membaca permohonan bertarikh..... hari bulan....., 20....., adalah diperintahkan bahawa estet bankrap yang tersebut di atas ditadbir secara ringkas menurut seksyen 106 Akta.

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

.....
Pendaftar

No. 125

(Tajuk am)

**PERMOHONAN KEPADA MAHKAMAH UNTUK MENETAPKAN HARI UNTUK MELULUSKAN
KOMPOSISI ATAU SKIM DALAM KES RINGKAS (k. 230)**

Kes Ringkas

Apabila suatu perintah bagi pentadbiran ringkas estet bagi yang tersebut di atas
telah dibuat oleh mahkamah pada hari bulan....., 20.....

Dan apabila pada mesyuarat pemiutang bagi bankrap yang tersebut di atas, diadakan di
..... pada hari bulan, 20..... suatu resolusi untuk
menerima (a) telah diluluskan sewajarnya oleh majoriti dalam bilangan
mewakili tiga perempat dalam nilai semua pemiutang yang telah membuktikan hutangnya.

Sekarang (b)memohon kepada mahkamah untuk menetapkan suatu hari bagi
pertimbangan untuk yang tersebut di atas (a).....

Jumlah kasar komposisi yang fi kena dibayar adalah sebanyak RM

atau

Jumlah kasar bagi aset yang dianggarkan yang fi kena dibayar sebanyak RM.....

Bertarikh pada hari bulan....., 20.....

.....
Bankrap atau Ketua Pengarah Insolvensi

PERINTAH

Di hadapan

Setelah membaca permohonan di atas, dan mendengar adalah diperintahkan bahawa
permohonan untuk pertimbangan mahkamah bagi yang tersebut di atas (a)

hendaklah didengar di (tempat) pada hari bulan....., 20....., pada (masa).

Bertarikh pada hari bulan, 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

-
- (a) Suatu komposisi atau skim perkiraan.
 - (b) "Bankrap" atau "Ketua Pengarah Insolvensi".

No. 126

(Tajuk am)

NOTIS BAGI PERINTAH KES RINGKAS (UNTUK AKHBAR TEMPATAN) (k. 236)

*

Tarikh perintah bagi pentadbiran ringkas

NOTA— Semua hutang yang terhutang pada estet hendaklah dibayar kepada saya.

Bertarikh

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

*Masukkan di sini, setepat yang mungkin, nama, nombor kad pengenalan, alamat, dan perihal bankrap, dan tambah nama negeri yang mahkamah bersidang dan nombor prosiding, misalnya "Selangor No 1 tahun 20."

No. 127

(Tajuk am)

**PERMOHONAN PEMIUTANG UNTUK MENTADBIR ESTET
PENGHUTANG YANG MATI (k. 238)**

Saya, yang beralamat di..... (atau kami, yang beralamat di..... dan..... yang beralamat di.....), dengan ini memohon kepada mahkamah supaya suatu perintah dibuat untuk pentadbiran dalam estet kebangkrapan si mati (di sini masukkan nama, nombor kad pengenalan dan perihal penghutang yang mati), yang mati pada..... hari bulan....., 20....., dan menyatakan:

1. Bahawa..... tersebut telah berdomisil dalam Malaysia atau dalam mana-mana Negeri atau dalam tempoh sebahagian besar satu tahun sebelum kematiannya telah tinggal atau mempunyai rumah kediaman atau tempat perniagaan dalam Malaysia atau telah menjalankan perniagaan dalam Malaysia dengan sendiri atau melalui seorang ejen atau dalam tempoh itu juga telah menjadi seorang ahli suatu firma atau perkongsian yang telah menjalankan perniagaan dalam Malaysia melalui seorang pekongsi atau seorang ejen atau pengurus.
2. Bahawa estet..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya berhutang wang kepada saya (atau kami) sebanyak RM (nyatakan jumlah hutang atau hutang-hutang dan balasan).
3. Bahawa (saya) tidak, dan juga mana-mana orang bagi pihak (saya) tidak memegang apa-apa cagaran atas estet penghutang yang mati, atau atas mana-mana bahagian daripadanya, dsb. (atau sebagaimana dalam borang 41, petisyen pemiutang).
4. Bahawa dalam masa tiga bulan sebelum tarikh kematiannya melakukan perbuatan (atau perbuatan-perbuatan) kebangkrapan yang berikut, iaitu (di sini nyatakan jenis dan tarikh atau tarikh-tarikh perbuatan atau perbuatan-perbuatan kebangkrapan yang dibergantungkan).

Atau

Bahawa wasiat..... (atau mengikut mana-mana yang berkenaan) telah pada..... hari bulan....., 20....., dibuktikan oleh..... yang beralamat di..... dan....., yang beralamat di....., yang bersetuju atas permohonan ini.

Atau

Bahawa surat kuasa mentadbir pusaka (atau mengikut mana-mana yang berkenaan) telah pada..... hari bulan....., 20....., diberi kepada..... yang beralamat di..... dan..... yang beralamat di....., dan bahawa estet (mengikut maklumat dan kepercayaan saya) tidak mencukupi untuk membayar hutang-hutangnya.

Bertarikh pada, hari bulan....., 20.....

.....
Ditandatangani

Ditandatangani oleh pempetisyen di hadapan

Tandatangan saksi

Alamat

Perihal.....

PENGINDORSAN

Petisyen ini telah diserahkan kepada mahkamah pada..... hari bulan.....
....., 20....., maka diperintahkan bahawa petisyen ini hendaklah
didengar di pada.....hari bulan.....,
20....., pada pukul.....(masa).

Sekiranya kamu, atau.....
tersebut, berniat untuk mempertikaikan perkara dalam mana-mana pernyataan yang
terkandung dalam petisyen itu, kamu mestilah memfailkan dengan Pendaftar mahkamah ini
suatu notis menunjukkan alasan yang kamu berniat hendak mempertikaikannya.

No. 128

(Tajuk am)

**PERINTAH UNTUK PENTADBIRAN DALAM ESTET KEBANKRAPAN BANKRAP YANG MATI
ATAS PETISYEN (k. 239)**

Atas petisyen, bertarikh, dan bernombor..... tahun 20....., dan setelah membaca....., dan mendengar..... maka diperintahkan bahawa estet kepunyaan.....yang beralamat di..... yang telah mati tidak solven, hendaklah ditadbirkan dalam kebangkrapan, dan bahawa kos bagi permohonan ini ialah..... .

Betarikh pada, hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....
Pendaftar

No. 129*(Tajuk am)***NOTIS UNTUK WARTA (k.239)***(1) Perintah kebankrapan (k. 239)*

Nama bankrap dan nombor kad pengenalan	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor Perkara	Tarikh Perintah	Tarikh Petisyen	Perbuatan kebankrapan

(2) *Mesyuarat Pertama dan Pemeriksaan Awam (k. 239)*

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Tarikh Mesyuarat Pertama	Jam	Tempat	Tarikh Pemeriksaan Awam	Jam	Tempat	Tarikh Perintah (jika ada) untuk Pentadbiran Ringkas

(3) *Notis untuk hari yang ditetapkan untuk prosiding dengan pemeriksaan awam ditangguh sine die (k. 239)*

Nama Bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor Perkara	Tarikh Ditetapkan untuk Prosiding dengan Pemeriksaan	Jam	Tempat

(4) *Perintah atas permohonan untuk membenarkan komposisi atau skim (k. 155 dan 239)*

Nama Bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Tarikh Perintah	Jenis sekiranya Skim atau Komposisi Dibenarkan atau Perintah made

(5) *Notis untuk dividen yang dicadangkan (k.180)*

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Hari terakhir untuk menerima bukti	Nama pemegang amanah	Alamat

(6) Notis dividen (k. 180)

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Jumlah setiap RM	Pertama / Terakhir / Selainnya	Bila perlu dibayar	Di mana perlu dibayar

(7) Permohonan untuk pelepasan (k.183)

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Hari ditetapkan untuk pendengaran

(8) *Perintah dibuat atas permohonan untuk (k. 191 dan 239)*

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Tarikh Perintah	Jenis Perintah yang dibuat	Alasan yang dinamakan dalam perintah untuk menolak perintah mutlak untuk pelepasan

(9) *Notis pelepasan oleh Ketua Pengarah Insolvensi (k. 235)*

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor perkara	Nama Ketua Pengarah Insolvensi	Alamat Ketua Pengarah Insolvensi	Tarikh Pelepasan

(10) Perintah kebangkrapan yang dibatalkan (k. 239)

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Tarikh Perintah Kebankrapn	Tarikh pembatalan	Alasan pembatalan

(11) Perintah pentadbiran dalam kes bankrap yang mati di bawah seksyen 122 (k. 239)

